

Jilid III
Bil. 13



Hari Khamis
11hb April, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1941]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2005]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan) [Ruangan 2115]

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) [Ruangan 2176]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) [Ruangan 2005]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 22 [Ruangan 2006]

Maksud B. 29 [Ruangan 2007]

Maksud B. 30 dan B. 32 [Ruangan 2009]

Maksud B. 35 [Ruangan 2012]

Maksud B. 40 dan B. 41 [Ruangan 2012]

Maksud B. 50 [Ruangan 2013]

Maksud B. 59 [Ruangan 2014]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud B. 64 [Ruangan 2016]

Maksud B. 67 [Ruangan 2016]

USUL-USUL

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1984 [Ruangan 2005]

Jawatankuasa—

Maksud P. 22 [Ruangan 2006]

Maksud P. 30 [Ruangan 2009]

Maksud P. 37 [Ruangan 2012]

Maksud P. 50 [Ruangan 2013]

Maksud P. 63 [Ruangan 2014]

Maksud P. 67 [Ruangan 2016]

**Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Khas), 1984 dan
Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Perkenanan [Ruangan 2021]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2020]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2178]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N., (Sungei Siput).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK. D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Napsiah binti Omar (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (JASIN).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K., (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N., (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S., (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SHUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ NG CHENG KUI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

- Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON. A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOUI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Mengelembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor-pelapor:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**MINYAK KELAPA SAWIT—
GALAKAN DIBERI**

1. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah Kementeriannya telah ambil khasnya melalui penyelidikan, pembangunan dan pengiklanan untuk menggalakkan pengguna-pengguna tempatan menukar daripada penggunaan minyak jagung dan soya yang diimport bagi keperluan masakan mereka kepada minyak sawit keluaran tempatan dan berapakah jayanya langkah-langkah ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu di dalam pasaran minyak tempatan penggunaan minyak kelapa sawit jauh melebihi penggunaan minyak jagung dan soya yang diimport. Dalam tahun 1984 dari jumlah 227,000 tan penggunaan minyak di Malaysia, 216,000 tan adalah terdiri dari minyak kelapa sawit berbanding dengan 3,000 ton minyak jagung dan 1,000 ton minyak soya sahaja. Ini menunjukkan

dengan jelas iaitu pasaran masakan minyak tempatan telah diambilalih oleh minyak kelapa sawit.

Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan agensi-agensi di bawah Kementerian saya khususnya PORLA dan PORIM mengambil langkah-langkah pengiklanan di dalam dan di luar negeri untuk memperkenalkan lagi serta membawa kesedaran pengguna-pengguna secara lebih luas terhadap keistimewaan-keistimewaan minyak kepala sawit dengan tujuan meningkatkan penggunaannya bukan sahaja di dalam negeri bahkan di seluruh dunia.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri dari segi mutu, kelazatan dan khasiat di antara minyak masakan dari minyak kelapa sawit dengan minyak jagung, minyak soya, minyak kelapa, yang mana lebih berkhasiat, lebih lazat dan lebih bermutu?

Yang kedua, jika sekiranya Yang Berhormat Menteri ada angka-angka, saya ingin tahu berapa jumlah keluaran dalam metrik tan minyak makan kelapa sawit yang dihasilkan dalam negara ini pada tahun lepas. Adakah ianya bertambah dari masa ke semasa dan apakah rancangan-rancangan Kerajaan pada masa-masa yang akan datang untuk menjadikan hasil kelapa sawit kepada minyak masakan pada keseluruhannya agar minyak masakan kelapa sawit ini dapat kita eksport ke luar negeri?

Timbalan Yang di-pertua: Soalan pertama itu kena tanya Kementerian Kesihatanlah. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paul Leong Seong: Tuan Yang di-Pertua, minyak kelapa sawit mempunyai vitamin A dan vitamin E dan minyak kelapa sawit daripada maklumat yang saya telah terima ada kesan antitrombotic. Oleh sebab sebab itu mutu minyak kelapa sawit melebihi mutu minyak sayuran yang lain. Oleh sebab itu saya yakin pada masa akan datang kita boleh menjual minyak kelapa sawit di pasaran dunia.

Berhubung dengan pengeluaran minyak kelapa sawit di Malaysia, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada tahun 1983 Malaysia telah mengeluarkan 3 juta tan dan pada tahun 1984 Malaysia telah mengeluarkan minyak kelapa sawit sebanyak 3.72 juta tan dan pada tahun ini adalah dijangka bahawa Malaysia akan mengeluarkan 4.3 juta tan minyak kelapa sawit.

MEMBASMI KEMISKINAN

2. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan yang efektif yang diambil ataupun telah diambil oleh Kementerian beliau untuk membasmi kemiskinan di luar bandar di tiap-tiap negeri di negara ini termasuk Sarawak dan Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah diwujudkan bagi pembangunan luar bandar telah melalui program-programnya berusaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu menghapuskan kemiskinan di luar bandar dan mengurangkan pengenalan

kaum mengikut fungsi ekonomi. Kedua-dua matlamat ini akan hanya tercapai menerusi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh yang demikian tindakan-tindakan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah dan sedang diambil ialah untuk mewujudkan kestabilan ekonomi selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru melalui agensi-agensi di bawah Kementerian seperti MARA, Jabatan Pembangunan Koperasi, Pusat Kemajuan Kraftangan Malaysia serta Bank Rakyat, membangunkan Sektor luar bandar melalui program-program penyediaan kemudahan-kemudahan serta keperluan-keperluan asas seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik serta lain-lain kemudahan infrastruktur dan sosial, meningkatkan lagi penyertaan penduduk-penduduk luar bandar dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang menguntungkan melalui penubuhan industri-industri kampung dan pada akhirnya akan dapat meningkatkan lagi pendapatan penduduk-penduduk luar bandar.

Bagi mempercepatkan lagi pembangunan sektor luar bandar dan mengurangkan kemiskinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengenalkan cara-cara baru pembangunan kampung dan luar bandar yang mana Kementerian telah dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pelaksanaan projek-projek ini di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Ibrahim bin Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan dalam pelaksanaan membasmi kemiskinan apakah peranan-peranan penting yang telah diselenggarakan oleh pihak MARA sendiri. Adapun pihak FELDA kita nampak dengan terang tetapi bagi pihak MARA tanggungjawab-tanggungjawabnya dan

pelaksanaan-pelaksanaannya untuk membasmikan kemiskinan ini apakah satu contoh yang besar yang dapat diterangkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kemiskinan dan juga mengubah struktur masyarakat MARA memainkan tiga peranan yang penting iaitu peranan untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang usahawan. Yang kedua, dari segi pendidikan dan yang ketiga, daripada segi memperbanyakkan lagi penyertaan bumiputera di dalam syarikat-syarikat.

Dalam hal yang demikian, MARA ada menubuhkan beberapa buah syarikat yang mana syarikat-syarikat ini diharapkan dapat memberi galakan kepada bumiputera untuk menyertai bidang keusahawanan dan peranan MARA di bidang pendidikan saya rasa tidak dapat dinafikan apabila baru-baru ini di dalam peperiksaan SPM misalnya 83% daripada pelajar-pelajar MARA mendapat Gred I, lebih kurang 15% mendapat Gred II dan hanya 3% mendapat Gred III dan tidak ada yang tidak lulus. Dan di bidang keusahawanan pula MARA menyediakan berbagai-bagai khidmat kepada pihak bumiputera, misalnya kita menyediakan pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga yang baru hendak muncul di dalam bidang perniagaan dan selain daripada memberikan pinjaman MARA juga menyediakan khidmat nasihat dan juga bantuan kepada peniaga-peniaga ini dan kita berharap dengan wujudnya pelajar-pelajar yang lebih berjaya, usahawan-usahawan yang lebih berjaya maka sudah tentulah bumiputera akan dapat berganding bahu dengan mereka yang lain yang berjaya sama ada di bidang profesional, pendidikan atau usahawan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa adalah sangat penting bagi kita mendapat satu gambaran yang benar terhadap kadar kemiskinan, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa sekarang Kerajaan menggunakan dua set angka yang lain untuk memastikan kadar kemiskinan di negeri Sarawak dan negeri-negeri di Semenanjung di mana kadar kemiskinan ditentukan secara Sosio-Economic Research Unit (SERU) di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri manakala di Sarawak kadar kemiskinan didapati secara satu family expenditure survey. Kenapakah dua set angka digunakan supaya kita tidak dapat membandingkan keadaan kemiskinan di sarawak dengan keadaan kemiskinan di Semenanjung Malaysia.

Adakah ini menunjukkan bahawa kita tidak boleh mendapat satu gambaran yang benar terhadap masalah kemiskinan di negeri Sarawak?

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, yang pertamanya saya tidak sedar dan kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu pun benar, maka saya perlukan notis untuk menjawab soalan itu.

PEJABAT KESIHATAN DAERAH LARUT/MATANG/SELAMA— PEMBINAAN

3. **Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pejabat Kesihatan Daerah Larut, Matang dan Selama pada masa ini menggunakan sebuah wad lama (bekas wad Pesakit Otak) di Hospital Daerah, Taiping sebagai pejabat. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk

membina sebuah Pejabat Kesihatan Daerah yang baru sesuai dengan perkhidmatannya. Jika ya, bila.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Pejabat Kesihatan Daerah Larut, Matang dan Selama menggunakan sebuah wad lama yang tidak digunakan lagi sebagai pejabat di Hospital Daerah Taiping. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Pejabat Kesihatan Daerah yang baru akan dipertimbangkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

BULATAN DI KUALA LUMPUR DIGANTIKAN DENGAN JEJANTAS

4. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bila semua bulatan-bulatan yang ada di Kuala Lumpur akan digantikan dengan jejantas memandangkan di mana sahaja ada bulatan di situ terdapat kesesakan lalulintas.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya mempunyai rancangan untuk membina semula bulatan-bulatan di Kuala Lumpur yang selalu mengalami kesesakan lalulintas untuk menjadikan mereka persimpangan-persimpangan bertingkat (interchange).

Pada masa ini kerja-kerja rekabentuk dan penyediaan dokumen tawaran untuk dua bulatan iaitu Bulatan Edinborough dan Bulatan Jalan Loke Yew, Ceras telah pun disiapkan. Kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan sedang dijalankan bagi Bulatan Jalan Tun Razak, Jalan Pahang.

Pembinaan projek-projek ini dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Bagaimanapun, dalam usaha kita untuk melaksanakan projek-projek ini dengan seberapa segera memandangkan masalah kesesakan lalulintas yang bertambah serius, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang juga mengkaji kesesuaian bagi mengswastakan projek-projek tersebut.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas selepas 10 tahun di Kuala Lumpur?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu mungkin saya tidak ada dan Yang Berhormat pun tidak ada tetapi lebih baiklah kalau kita beri peluang kepada orang-orang baru pula untuk memikirkan perkara-perkara ini kerana dari segi perancangan kita pun perkara ini tiap-tiap keadaan kita berubah dengan begitu pantas dan begitu cepat sekali. Kalau saya pun menyebutkan tentang perancangan 10 tahun dalam 2 tahun akan datang pun keadaan boleh berubah kerana masalah kesesakan lalulintas diakibatkan oleh pembangunan yang sedang berlaku dalam coraknya pada hari ini di mana kita lihat bahawa pembangunan itu tertumpu kepada kawasan pusat bandar dan sebab itulah kita lihat bahawa terdapatnya kemasukan kenderaan di sebelah pagi dan kenderaan-kenderaan ini pula akan menghala balik ke kawasan masing-masing di sebelah petang. Oleh sebab itulah maka di bawah Pelan Induk Kuala Lumpur kita telah memilih strategi untuk menyelakkan pembangunan supaya bukan sahaja tertumpu di pusat bandar malahan dapat diselerakkan di kawasan-kawasan baru yang telah dikenalpasti seperti di sebelah Wangsa Maju, di sebelah Bandar Tun Razak, di Damansara dan sebagainya supaya kita

tidaklah berhadapan dengan satu keadaan di mana perjalanan kenderaan ataupun tumpuan orang ramai, pekerja-pekerja dan mereka yang mempunyai urusan yang lain semuanya tertumpu ke pusat bandar semata-mata dan insya Allah, kalaulah perancangan seperti ini atau strategi pembangunan ini dapat dijalankan dengan baiknya insya Allah, gambaran atau wajah serta traffic patern yang terdapat di Kuala Lumpur dengan sendirinya akan berubah dan oleh sebab itulah saya rasa lebih baik dan lebih tepat kalau soalan ini ditangguhkan kepada satu masa di mana kita dapat melihat pertukaran dan perubahan dalam patern dan wajah perjalanan kenderaan pada masa yang akan datang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan agaknya berapa banyak anggaran ataupun berapa banyak peruntukan yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk menggantikan segala bulatan-bulatan yang sedia ada dengan jejantas (viaduct), dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji perkara penswastaaan dengan secara mendalam sebelum melaksanakannya memandangkan bahawa adalah menjadi anggapan rakyat berkenaan dengan tindakan untuk memperbaiki sistem lalulintas ini adalah menjadi satu tanggungjawab Kerajaan.

Kedua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah sehingga kita menunggu rancangan jangka panjang untuk memperbaiki sistem lalulintas di bandaraya Kuala Lumpur ini yang tentu akan mengambil masa yang lama suka saya mendapat tahu juga sama ada buat masa kini Kerajaan bercadang untuk misalnya melebarkan jalan-jalan yang tertentu misalnya Jalan Ampang ataupun Jalan Cheras di mana terdapat lebih kurang 30 estet

perumahan yang telah menyebabkan kesesakan lalulintas yang teruk yang dialami oleh orang ramai pada hari ini.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab tiga soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, pertamanya dari segi anggaran Kementerian Wilayah Persekutuan mengenai projek-projek untuk meningkatkan kemampuan persimpangan-persimpangan yang terdapat di kawasan-kawasan bulatan seperti Bulatan Edinburgh, Bulatan Jalan Loke Yew Cheras, Bulatan Jalan Tun Razak, Jalan Pahang dan Bulatan Kilometer yang ke 8, Jalan Cheras, ia kesemuanya dianggarkan berjumlah wang yang diperlukan sebanyak \$94.5 juta.

Dan pun tidak termasuk keperluan untuk mengubahsuai persimpangan di antara Jalan Ampang dengan Jalan Tun Razak yang juga merupakan satu bottle-neck yang begitu penting, yang begitu terkenal di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ini. Oleh itu dari segi perbelanjaannya memanglah ia memerlukan anggaran yang begitu tinggi daripada Kerajaan dan dalam Kerajaan menimbangkan keperluan yang telah dikemukakan oleh perancangan yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, tentulah jumlah yang begitu besar merupakan satu masalah yang hendak dilihat bersama-sama dengan keperluan-keperluan yang terdapat di kawasan-kawasan asas seperti ini. Jumlah yang begitu besar merupakan satu bebanan yang kalau diagihkan kepada kawasan-kawasan luar bandar, mungkin akan dapat memberi faedah dan keuntungan kepada lebih banyak lagi kawasan dan juga lebih pada kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang boleh dibandingkan sama sekali dengan kemudahan asas di Kuala Lumpur. Oleh sebab itulah

penswastaan kepada projek membina persimpangan-persimpangan bertingkat ini akan dikaji dengan seriusnya untuk menentukan supaya:

- (i) projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera;
- (ii) menentukan supaya perbelanjaan dan kewangan Kerajaan dapat diagihkan kepada kawasan-kawasan lain yang memerlukan.

Saya percaya bahawa tidaklah begitu adil kalau wang sebegitu banyak dicurahkan semata-mata ke Kuala Lumpur, ke bandaraya kita sedangkan masih lagi banyak keperluan-keperluan yang perlu kita isi dan laksanakan, dipenuhi di kawasan-kawasan yang lain. Bagaimana pun cadangan penswastaan yang saya sebutkan itu akan dikaji sedalam-dalamnya. Ada beberapa surat-surat yang saya terima daripada penduduk-penduduk di Kuala Lumpur sendiri yang telah tidak lagi tahan untuk menghadapi kesesakan lalulintas setiap pagi dan setiap malam di kawasan-kawasan yang berkenaan. Dan mereka menyebutkan walaupun mereka terpaksa membayar sedikit wang sebagai pembayaran tol kepada jalan-jalan itu, mereka sanggup untuk membuat demikian.

Saya rasa masalah di hadapan kita ialah bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini dengan berkesan, dengan cepat dan dengan mengambil kira keperluan-keperluan di tempat-tempat lain, di kawasan-kawasan lain di negara kita. Negara kita bukan hanya Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur bahkan terdapat beberapa buah negeri yang lain termasuk Sabah dan Sarawak yang juga mempunyai keperluan-keperluan tertentu.

Mengenai soal untuk melebarkan jalan-jalan yang tertentu ini juga akan

diambil kira dan telah pun diambil kira di dalam setengah daripada perancangan yang telah dijalankan bagi persimpangan-persimpangan dan bulatan-bulatan yang berkenaan.

PEGAWAI PUSAT SERENTI TAMPIN YANG DITANGKAP

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pegawai-pegawai Pusat Serenti Tampin yang ditangkap dan didakwa kerana melakukan kekerasan fizikal dan kekejaman (brutalities) ke atas penghuni-penghuni dan beri butir-butir bagi setiap penangkapan tersebut; dan jika tidak nyatakan mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke tarikh ini belum ada pegawai-pegawai dari Pusat Serenti Tampin yang ditangkap dan didakwa kerana melakukan kekerasan fizikal atau kekejaman dengan izin, brutalities ke atas penghuni-penghuni pusat tersebut. Walau bagaimanapun semenjak Pusat Serenti dibuka hingga ke tarikh laporan ini disediakan terdapat sebanyak 9 pengaduan polis telah dibuat oleh penghuni-penghuni. Dari jumlah itu sebanyak 7 pengaduan telah diterima dalam tahun 1983 sementara 2 lagi diterima dalam tahun 1984. Ketujuh-tujuh pengaduan yang diterima dalam tahun 1983 itu adalah merupakan dakwaan-dakwaan dari penghuni-penghuni yang mereka telah dikenakan kekerasan fizikal oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Pusat Serenti itu. Kesemua pengaduan itu telah dijeniskan di bawah seksyen 352 Kanun Keseksan iaitu kesalahan menggunakan kekerasan.

Siasatan telah dijalankan ke atas semua pengaduan itu, dari jumlah 7 kes yang disiasat itu 6 daripadanya telah pun lengkap dan dimajukan ke pihak Peguam Negara. Setelah dikaji pihak Peguam Negara berpendapat

keterangan-keterangan yang ada bagi semua kes-kes itu adalah tidak mencukupi untuk membawa kes-kes itu ke mahkamah. Selanjutnya kesemua kes-kes tersebut telah ditutup tanpa tindakan lanjutan. Siasatan ke atas satu kes lagi masih belum sempurna.

Bagi tahun 1984 terdapat 2 pengaduan yang telah dibuat, pengaduan-pengaduan itu adalah seperti berikut:

- (i) dengan sengaja mendatangkan cedera parah kepada seorang penghuni pada 25-9-84 jam 11.30 pagi, kes ini telah dijensikan di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mendatangkan cedera parah kepada seseorang. Siasatan telah pun sempurna dan kes siasatan ataupun kertas siasatan telah dimajukan kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapat nasihat yang sewajarnya.

Kematian seseorang penghuni di Hospital Besar Seremban pada 26-9-84, jam 6.00 pagi, Kes ini telah dijensikan di bawah seksyen 304A Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan menyebabkan kematian dengan perbuatan yang cuai. Kertas siasatan telah dirujukan ke Jabatan Peguam Negara untuk mendapat nasihat yang sewajarnya termasuk tindakan undang-undang yang sepatutnya diambil ke atas beberapa orang Pegawai Pusat Serenti yang dipercayai terlibat. Nasihat dan arahan dari pihak Peguam Negara masih ditunggu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa daripada semua pengaduan-pengaduan polis yang ada dibuat dalam 2 tahun ini iaitu 9 pengaduan, baru ada 1 yang menunggu, kalau tidak silap mengenai kematian Tee Kian Eng yang berasal daripada Melaka yang

menunggu nasihat daripada Peguam Negara, lain-lain kes tidak cukup bukti untuk melanjutkan perkara dalam mahkamah. Adakah beliau sedar bahawa keterangan ini akan menjadi satu pukulan hebat kepada orang ramai, khasnya untuk mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap Pusat Serenti Tampin oleh kerana perkara-perkara di mana berlaku kekerasan sudah begitu jelas? Apakah tindakan Kerajaan akan diambil untuk menyakinkan orang ramai bahawa semua perkara-perkara yang tidak patut dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pusat Serenti Tampin iaitu tindakan, bukan sahaja dalam mulut tetapi tindakan sewajarnya? Adakah tindakan tatatertib (disciplinary action) telah diambil?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya ada 1 kes semenjak tahun 1983 yang belum lagi tamat siasatannya dan kes yang saya sebutkan tadi yang terjadi dalam tahun 1984. Kedua-duanya lagi masih ditunggu nasihat daripada Jabatan Peguam Negara, iaitu 1 kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kematian Tee Kian Eng dan juga 1 kes lagi iaitu kes Mohd. Nasir bin Nazar Ali Khan. Kedua-dua kes kita menunggu keputusan daripada Pejabat Peguam Negara.

Inginlah saya menjelaskan di sini jika terdapat bukti yang jelas bahawa pegawai-pegawai yang menjaga pusat serenti itu terlibat dalam mencederakan ataupun menyebabkan kematian Tee Kian Eng, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, siasatan dalaman juga dijalankan dan laporannya telah pun siap dan telah dikemukakan kepada Kementerian Pertahanan supaya pegawai-pegawai yang disyaki terlibat agar ditukar ganti kepada pegawai-pegawai lain dan buat

sekarang ini proses ini adalah dalam tindakan Kementerian Pertahanan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri siapakah yang menentukan kejam atau tidak kejamnya tindakan pegawai-pegawai ini terhadap mereka bagi memulihkan orang-orang yang menagih dadah ini, sama ada pihak penagih dadah yang mengatakan kejam atau pihak orang luar yang tidak bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku di situ atau adakah Kerajaan di dalam penyiasatannya mendapat maklumat dari kedua-dua belah pihak, bukan dengar sebelah pihak seperti DAP?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum kita berbincang tentang masalah penagih-penagih dadah dan penagih dadah merupakan sejenis manusia yang luar biasa. Mereka ini susah dikawal kerana cukup pandai bercakap dan jika perlu, menangis untuk mendapat sesuatu. Jadi, jika terdapat aduan daripada mereka haruslah disiasat dengan begitu teliti. Segala laporan dibuat disiasat oleh pihak polis. Jadi, untuk memuaskan hati semua orang, saya di sini mengambil kesempatan mempelawa semua Ahli Yang Berhormat untuk melawat Pusat Serenti di Tampin supaya melihat dengan sendiri bagaimanakah mereka menjalankan latihan jasmani ala militari dan juga menjalankan berbagai-bagai latihan lagi. Saya percaya semua Ahli Yang Berhormat akan bersetuju bahawa inilah sebuah pusat di rantau ini, mungkin di seluruh dunia yang berjaya memberi rawatan dan pemulihan kepada 400 lebih penagih-penagih dadah.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud tidak hadir)

PUSAT HAIWAN KLUANG— TERNAKAN SELEMBU

7. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertanian menyatakan perkembangan dan kemajuan 30 ekor anak selembu di Pusat Haiwan Kluang, Johor dan sudahkah dapat dianggarkan potensi penternakan selembu di negara kita pada masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, adakah dimaklumkan bahawa pada masa ini kajian masih lagi dijalankan untuk mengesan kadar pertumbuhan dan kesuburan ternakan ini dan usaha ini dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun. Potensi penternakan selembu di negara ini tidak dapat dianggarkan sehingga maklumat-maklumat berhubung dengan kadar pertumbuhan dan kesuburan ternakan ini dapat ditentukan.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian kerana penternakan ini masih mengambil masa 2 tahun ataupun lebih, jadi perkembangan penternakan lembu di negeri kita ini tidak dapat tercapai, khasnya di Negeri Sarawak. Saya ingin tahu sejauh mana penternakan lembu di Negeri Sarawak kerana Negeri Sarawak sebuah negeri dalam Malaysia yang sangat luas dan banyak tanah telah terbiar. Negeri Sarawak saya fikir boleh diambil kira menjadi sebuah negeri dalam Malaysia sebagai satu pusat yang baik untuk penternakan lembu dan pada masa sekarang pelaksanaan untuk penternakan lembu belum lagi mencapai ke peringkat yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri kita. Bilakah Kerajaan Pusat akan dapat

menggalakkan penternakan lembu, khususnya di Negeri Sarawak?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya kira Ahli Yang Berhormat belum menelitikan pertanyaan ini terlebih dahulu, beliau menumpukan soalnya atas penternakan lembu biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini bahawa pertanyaan yang dibawa kemari untuk keterangan yang lebih jelas, iaitu anak lembu biasa kahwin dengan seladang, digelar "selembu"—seladang dengan lembu jadi selembu. Jadi, saya kira soalan Ahli Yang Berhormat itu tadi tidak kena-mengena dengan soalan selembu oleh kerana ditumpukan hanya atas ternakan lembu lembu biasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, seladang pun tak boleh, lembu pun tak boleh—selembu sahaja boleh.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pertanian mengatakan bahawa penyiasatan sedang dijalankan mengenai potensi bagi penternakan selembu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertanian, apakah Kerajaan telah membuat banciaan terhadap seladang yang akan menjadi bapa kepada lembu yang berkeliaran diseluruh hutan dalam negara kita ini.

Yang kedua, kita sudah buat, adakah Kerajaan juga bercadang untuk mengelakan seladang-seladang yang berkeliaran tadi daripada menjadi mangsa buruan pemburu-pemburu haram untuk menjadikan seladang ini sebagai satu punca bagi mendapatkan baka lembu yang baik dalam negara ini dan mengelakkan seladang ini ke ladang-ladang ternakan yang ada di Malaysia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan itu berkait Yang Berhormat, sebab ada rangkaian kata

"dianggarkan potensi penternakan selembu." Tentu sekali jumlah seladang melibatkan potensi penternakan selembu.

Tuan Luhah Wan: Kalau begitu agak sukar sedikit, Tuan Yang di-Pertua, untuk menelitikan soalan Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana dia bertanya tadi adakah pihak kita telah membuat kajian berapa ramai seladang (*Ketawa*) di hutan Malaysia ini. Tetapi jikalau dia bertanya berapa ekorlah seladang yang datang, sentiasa bercampur-gaul dengan lembu-lembu betina di Keluang itu saya boleh beri tahulah.

Tetapi bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sekarang sedang berusaha untuk membuat kajian dan kita ada mempunyai harapan pada ketika ini, bagaimana yang kita baca dalam laporan suratkhbar dalam beberapa hari yang telah lampau bahawa seekor seladang di Zoo Negara telah pun dikahwinkan dengan seekor lembu betina biasa dan sudah melahirkan seekor selembu. Kita berharap satu ketika nanti boleh jadi pihak Zoo Negara dengan pihak Jabatan Haiwan membuat satu perkahwinan yang khas untuk lembu-lembu betina yang diagak boleh kahwin dengan seladang di Zoo Negara itu dan selembu dari seladang itu dapat dikahwinkan dengan selembu yang sudah ada di Keluang. (*Ketawa*).

PENJUALAN SAHAM BUMIPUTERA

8. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basir minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan faktor yang menyebabkan beberapa orang perseorangan dan institusi-institusi Bumiputera menjual peruntukan saham mereka dalam pasaran sungguhpun mereka telah membeli pada asalnya dengan kadar diskaun dan adakah ini telah memusnahkan

niat Kerajaan untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% ekuiti Bumiputera dalam organisasi-organisasi perdagangan dan perindustrian. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang dipertua, penjualan saham-saham bumiputera dalam syarikat-syarikat berhad tercatat dilakukan oleh sebilangan kecil bumiputera bertujuan, di antara lain untuk:

- (a) memperolehi "capital gains" dalam keadaan barang pasaran yang meningkat dan seterusnya menceburi dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain yang lebih menguntungkan;
- (b) mengurangkan kerugian di dalam keadaan harga pasaran menurun atau di mana pulangan pelaburan atau pembayaran dividen terus menerus tidak memuaskan berbanding dengan kos pelaburan;
- (c) mengatasi masalah kecairan jangka pendek (short term liquidity) dan selepas itu membeli balik saham-saham tersebut apabila kedudukan kewangan kembali kukuh.

Sebarang penjualan yang dilakukan oleh mana-mana bumiputera sudah pasti akan mengurangkan pegangan ekuiti bumiputera di dalam sesebuah syarikat. Walau bagaimanapun dari pengawasan yang dibuat oleh Kementerian saya dari masa ke semasa, didapati bahawa bumiputera telah menjual cuma sebanyak 11.9% dari jumlah peruntukan yang telah ditawarkan oleh syarikat-syarikat berhad tercatat dalam tahun 1970 sehingga Disember, 1984. Jumlah ini tidaklah begitu besar sehingga memusnahkan matlamat hakmilik bumiputera di sektor korporate.

Namun pun demikian, tindakan-tindakan yang sesuai wajar diambil untuk memastikan agar aktiviti penjualan saham ini tidak berleluasa dan di antara tindakan-tindakan yang diambil dan akan terus dilakukan oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

- (i) mengenakan syarat sekatan penjualan kepada bumiputera yang telah diperuntukkan saham. Mereka tidak dibenarkan menjual ataupun memindahmilikkan saham-saham tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Syarat ini akan membolehkan Kementerian saya mengawasi kedudukan pegangan saham bumiputera secara pentadbiran;
- (ii) memastikan bumiputera-bumiputera yang diperuntukkan saham terdiri daripada golongan pelabur-pelabur jangka panjang (long term investors);
- (iii) memastikan mereka ini mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai pembelian saham sama ada dari sumber dalaman ataupun pinjaman. Sekiranya dari punca pinjaman mereka ini dipastikan mempunyai kemampuan menanggung kos pelaburan yang mungkin tinggi dan pulangan pelaburan; dan
- (iv) di dalam kes-kes di mana penjualan bahagian dari saham-saham telah dibenarkan, bumiputera-bumiputera berkenaan disyaratkan supaya membeli balik saham-saham tersebut di dalam satu jangka tempoh yang ditentukan.

JALAN RAYA HUTAN MELINTAS/SUNGAI TIANG

9. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kerja Raya menyatakan jalan raya dari Hutan Melintang ke Sungai Tiang akan dilaksanakan dengan sepenuhnya, berapakah peruntukan yang disediakan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan dari Hutan Melintang ke Sungai Tiang telah disiapkan dalam tahun 1983. Jalan yang dibina ini sebenarnya bertaraf literate sahaja. Rancangan untuk menaikkan taraf jalan ini telah pun dibuat dan adalah dianggarkan bahawa ianya akan memakan belanja sebanyak \$1.8 juta. Akan tetapi oleh kerana kesulitan kewangan maka projek ini dapat dilaksanakan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, rancangan ini telah pun cadangkan untuk dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Kelima.

BANK ISLAM—AKAUN SIMPANAN JABATAN/AGENSI KERAJAAN

10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan-kerajaan negeri, agensi-agensi Kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri semuanya telah membuka akaun dan menyimpan wangnya dalam Bank Islam. Sila terangkan negeri-negeri dan agensi-agensi Islam yang telah berbuat demikian.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kebanyakan Jabatan dan agensi Kerajaan telah pun membuka akaun dan menyimpan wang dengan Bank Islam Malaysia Berhad. Jabatan dan agensi Kerajaan ini termasuklah

Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan, Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri termasuk Majlis-majlis Agama, Majlis-majlis Daerah, Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Syarikat-syarikat Kerajaan.

Kebanyakan Jabatan dan agensi Kerajaan-kerajaan Negeri ini yang membuka akaun dengan Bank Islam adalah di negeri-negeri di mana bank itu mempunyai cawangan-cawangannya. Negeri-negeri yang telah membuka akaun di dalam Bank Islam ialah Kerajaan Negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak, Selangor dan Melaka. Di antara agensi-agensi Agama Islam yang telah membuka akaun termasuklah Majlis Agama, Baitulmal Negeri-negeri, Yayasan-yayasan Islam dan sekolah-sekolah agama termasuk Universiti Utara Malaysia.

Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Oleh kerana dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut "kebanyakan" sahaja, tidak kesemuanya, maka saya ingin tahu bahawa mengapa orang itu tidak membuka akaun semuanya dalam Bank Islam? Adakah kerana halangan-halangan daripada pihak Bank Islam sendiri ataupun kerana sesuatu kepentingan yang diberi oleh pihak bank yang tidak Islam ini kepada bank-bank yang tertentu.

Dato Sabbaruddin Chik: Orang yang mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak tahu tetapi saya katakan tadi kebanyakan jabatan Kerajaan atau agensi Kerajaan bukan orang, kebanyakan Jabatan-jabatan Agama ataupun agensi Kerajaan yang lain. Jadi, apabila saya sebutkan kebanyakan Jabatan-jabatan, ada Jabatan-jabatan yang tidak membuka oleh sebab tidak ada cawangan-cawangan di dalam negeri berkenaan. Ertinya di Perlis tidak ada cawangan Bank Islam, agak sukar bagi

Jabatan Agama Perlis hendak membuka akaun. Di Pahang juga tidak ada cawangan lagi, maka sukar bagi Jabatan Agama Negeri Pahang membuka akaun di Bank Islam. Jadi, hanya negeri-negeri yang mempunyai cawangan-cawangan sahaja yang ada akaun di Bank Islam ini.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa banyakkah persatuan-persatuan yang menggunakan nama Islam yang telah menyimpan di dalam Bank Islam dan yang kedua, adakah parti-parti yang menggunakan nama Islam ada menyimpan di dalam Bank Islam ini terutama yang ada cawangan-cawangan di negeri-negeri yang berkenaan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, yang nyata Yayasan-yayasan Islam, itu ada Islam, yang telah membuka akaun di Bank Islam. Agensi-agensi Agama Islam, agensi-agensinya tidak dapat saya pastikan di sini tetapi ada yang membuka akaun di Bank Islam tetapi kalau dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi bertanya parti-parti ataupun pertubuhan-pertubuhan yang ada Islam, sebagai misalannya Parti Islam Se Malaya, ini kita tidak tahu sebab tidak ada dinyatakan di dalam borang permohonan sama ada pemohon ini ahli UMNO ataupun Parti PAS; itu tidak ada, jadi kita tidak tahu. Walau bagaimanapun, barangkali ada juga orang-orang begini yang menyimpan di dalam Bank Islam kita harapkan. Cuma yang kita agak kurang senang sedikit ada setengah-setengah orang seperti ini membuat kempen-kempen supaya jangan menyimpan dalam Bank Islam sebab kononnya Bank Islam itu haram. Ini yang kita bimbang.

Saya rasa bukan sebab haram, sebab dia takut kalau dia menyimpan dalam

bank sama ada Bank Islam, atau mana-mana bank sekalipun orang akan tahu jumlah wangnya. Hendak pula kalau wang itu dikutip daripada orang ramai, kalau orang tahu berapa dia kutip, berapa dia ada, ini susah bagi dia. (*Ketawa*)

Oleh itu dia haramkan semua bank supaya bila orang tanya mengapa tidak simpan dalam bank, bank haram kata dia, lepas dia daripada itu, agak sayalah. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah Yang Berhormat Menteri sedar ada setengah pemimpin yang mengaku dirinya pemimpin Islam mengatakan rancangan Bank Islam ini sebagai kulitnya sahaja, kita dia dan adakah Yang Berhormat diberitahu bagaimana isinya oleh puak-puak ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar-dengar jugalah cerita seperti itu, tetapi agaknya orang macam ini tidak setanding dengan kita untuk berbincang dari segi bank agaknya. Jadi kita biarkan sahaja mereka dengan sikap mereka sendiri dengan harapan satu hari nanti mereka itu sedar bahawa perbuatan Kerajaan mengadakan Bank Islam ini adalah untuk kebaikan semua. Jadi kita berdoa supaya mereka ini bertukar fikiran dia dan lebih waras lagi dari segi pemikiran bersabit dengan bank. Jika tidak lagilah menganggap Bank Islam sebagai kulit kerana kita sebenarnya tidak tahu kalau Bank Islam kulit, isinya pun saya tidak tahulah entah apa.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa tidak ada tanda-tanda ataupun terdapat tanda yang menyatakan ataupun memperlihatkan parti-parti politik yang menggunakan nama Islam

menyimpan di dalam Bank Islam kerana kemungkinan simpanan di dalam Bank Islam ini adalah haram.

Saya ingin tahu sama ada ada tanda-tanda parti-parti politik yang menggunakan nama Islam ini menyimpan duit mereka di sampul-sampul bantal atau di lipat-lipat kain ataupun sama ada bukti yang boleh memperlihatkan bahawa parti yang menggunakan nama Islam ini menyimpan, membuat simpanan di bank-bank komersial yang lain ataupun sama ada bukti, ada tanda-tanda memperlihatkan bahawa kutipan-kutipan yang banyak dibuat oleh parti ini di dalam ceramah politik mereka, disimpan hasil kutipan tersebut di tangki-tangki minyak seperti yang biasa dilaporkan oleh masyarakat luar bandar.

Dato Sabbaruddin Chik: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu.

PERSATUAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN POLITIK MENGUNAKAN AGAMA

11. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai apa-apa atau strategi bagi menghalang dan persatuan-persatuan sosial, kebajikan dan politik yang mana mereka menggunakan agama sebagai suatu senjata bagi memecah belahkan perpaduan dan persefahaman di antara berbagai masyarakat di negara kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan atau strategi bagi menghalang kegiatan pertubuhan sosial, kebajikan dan politik di negara ini, malah Kerajaan sentiasa memberi galakan kepada kegiatan-kegiatan badan-badan berkenaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi dan meneliti kegiatan-kegiatan persatuan-persatuan atau pertubuhan berkenaan supaya kegiatan-kegiatan mereka tidak akan membawa kepada kesan-kesan negatif seperti mengeksploitasikan isu-isu keagamaan, perkauman dan sebagainya yang boleh membawa kepada perpecahan kaum dan mengancam keselamatan negara.

PAKAR PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN DI KEDAH

12. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan pakar perubatan dan pembedahan yang sedang berkhidmat di Negeri Kedah dan akan ditambah mengikut keperluan daerah tertentu di luar bandar pada tahun 1985-1986 bagi menampung permintaan perkhidmatan kepakaran yang begitu meluas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah mempunyai 18 jawatan pakar dalam berbagai bidang. Jawatan-jawatan ini adalah bagi Hospital Besar Alor Setar dan Hospital Daerah Sungai Petani. Hospital Besar Alor Setar mempunyai dua jawatan pakar perubatan dan dua jawatan pakar bedah. Kesemua jawatan ini telah diisi. Di Hospital Daerah Sungai Petani pula terdapat satu jawatan pakar perubatan dan satu jawatan pakar bedah. Jawatan pakar bedah telah diisi sementara jawatan pakar perubatan yang sekarang ini kosong akan diisi tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa negara masih kekurangan pegawai-pegawai pakar. Kementerian pada masa ini tidak ada cadangan untuk menempatkan pegawai pakar di hospital-hospital lain.

Sekarang pegawai-pegawai pakar dari Hospital Besar Alor Setar dan Hospital Daerah Sungai Petani dikehendaki melawat hospital-hospital daerah untuk memberi perkhidmatan kepakaran. Kementerian Kesihatan adalah sentiasa mengkaji keperluan perkhidmatan kepakaran bagi seluruh negara.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan di dalam 18 pakar perubatan tadi iaitu seorang yang saya dapat tahu Yang Berhormat kata di Sungai Petani pakar perbidanan Tidakkah Kementerian berasa kurang sangat pakar perbidanan daripada wanita dan tidakkah Kementerian bercadang untuk membanyakkan lagi pakar perbidanan daripada wanita dan setakat ini sejauh manakah rancangan latihan di dalam pakar perbidanan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat berkehendakkan soalan diulangi?

Tuan Yeoh Poh San: Ya, bolehkah. (Ketawa) Tuan Yang di-Pertua?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya dengar baru sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Kementerian Kesihatan berkata bahawa 18 orang sahaja pakar perubatan, termasuk seorang pakar perbidanan iaitu di Sungai Petani. Tidakkah Yang Berhormat rasa kurang sangat pakar perbidanan ini, cuma seorang sahaja yang ada dalam negeri Kedah. Tidakkah ada rancangan untuk membanyakkan lagi pakar perbidanan, kerana yang bersalin kebanyakannya wanita. (Ketawa)

Jadi dengan seorang sahaja itu saya rasa sangat kurang.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan kebanyakan wanita Yang Berhormat, semua wanita. (Ketawa)

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, semua yang bersalin ini wanita. Jadi kalau seorang sahaja pakar perbidanan, saya rasa sangatlah kurang dan tidakkah Kementerian ini bercadang untuk membanyakkan lagi pakar perbidanan. Dan setakat ini apakah perancangan latihan dalam perkara ini.

Tuan Yeoh Poh San: Banyak soalan. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya satu sahaja, tidakkah Kementerian Kesihatan ada rancangan mengadakan banyak pakar perbidanan wanita.

Tuan Yeoh Poh San: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, bagi Sungai Petani, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Hospital Daerah Sungai Petani kita sudah ada satu pegawai kepakaran dan yang kosong di hospital Daerah Sungai Petani, jawatan itu ialah jawatan pegawai perubatan sahaja.

PELABURAN ASING— KEJAYAAN MISSI KE LUAR NEGERI

13. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah rombongan yang pergi ke luar negeri bagi tahun 1983 dan 1984 untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia, negara-negara manakah yang mereka melawat dan apakah faedah-faedah diperolehi; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa kadar pelaburan asing ke Malaysia tidak memuaskan, dan apakah langkah-langkah positif

akan diambil untuk menggunakan strategi yang lebih berkesan untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, di dalam tahun 1983 dan 1984, lima rombongan pelaburan telah dihantar ke seberang laut. Maklumat-maklumat lanjut rombongan ini adalah seperti berikut:

- (1) Rombongan Galakan Pelaburan ke Jepun pada 5hb-12hb Jun, 1983.
- (2) Rombongan Susulan ke Australia dalam bulan September, 1983.
- (3) Rombongan Galakan Berasaskan Kayu-kayan ke Jerman Barat, Finland dan Perancis dalam bulan Oktober, 1983.
- (4) Rombongan Galakan Pelaburan ke Hongkong dalam bulan Mei, 1984.
- (5) Rombongan Susulan Pelaburan ke Australia dalam bulan Jun, 1984.

Perbelanjaan berkenaan dengan Rombongan Galakan berasaskan Kayu-kayan ke Jerman Barat, Finland dan Perancis adalah dibiayai oleh EEC dan Rombongan Susulan ke Australia pada tahun 1983 dan 1984 dibiayai oleh Kerajaan Australia.

Pertanyaan kebanyakan misi-misi ini adalah daripada pihak kerajaan dan swasta. Di dalam kebanyakan negara yang dikunjungi publisiti di atas potensi Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan yang menarik diutarakan melalui seminar pelaburan, akhbar dan laporan televisyen.

Usahawan-usahawan di negara berkenaan telah diberi penerangan menerusi pembangunan ekonomi

Malaysia, dasar-dasarnya kemudahan-kemudahan galakan dan peluang-peluang pelaburan. Sejumlah 822 peserta mewakili 463 syarikat telah pun menghadiri seminar-seminar tersebut.

Peserta-peserta swasta telah mendapat peluang semasa lawatan rombongan-rombongan itu untuk terus dengan rakan sejawat mereka untuk berbincang mengenai kemungkinan usahasama di dalam berbagai bidang industri.

Ahli Yang Berhormat semestinya bersetuju bahawa satu cara untuk sentiasa mengingatkan pelabur-pelabur asing bahawa Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan adalah melalui publisiti yang tercapai dengan rombongan-rombongan seberang laut ini.

Tugas untuk menarik pelaburan asing ini telah menjadi lebih berat kerana terdapat persaingan yang hebat daripada bukan sahaja negara-negara yang membangun bahkan daripada negara-negara maju sendiri. Dengan itu, Malaysia harus menjadi lebih agresif di dalam menganjurkan kempen-kempen di seberang laut bagi mewujudkan suatu suasana di mana Malaysia akan sentiasa diingati sebagai salah satu kawasan untuk menempatkan projek mereka.

Dengan demikian, tidaklah dapat dinilai dengan "tangible terms", dengan izin, hasil yang diperolehi daripada misi-misi perdagangan ini. Namun begitu, kejayaan rombongan-rombongan ini dapat dilihat daripada pertambahan kadar pelaburan asing di Malaysia.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan-perangkaan yang ada telah pun menunjukkan kadar pelaburan asing di dalam sektor perkilangan di Malaysia telah pun bertambah. Di antara 1981 ke 1984, pelaburan asing di dalam syarikat-syarikat yang diluluskan bernilai

sebanyak \$1,684.1 juta. Ini dapat dibandingkan dengan masa-masa di antara 1977 ke 1980 dan 1973 ke 1976 di mana pelaburan asing bernilai masing-masing \$1,029.6 juta dan \$787.6 juta.

Walaupun pertumbuhan ini sangat menarik, kita tidaklah berhenti setakat ini, tetapi sentiasa mengubahsuai dan mencari strategi-strategi galakan baru untuk menarik masuk lebih banyak lagi pelaburan asing. Berikut adalah di antara cara-cara yang sedang pun diusahakan:

- (1) Rombongan pelaburan ke seberang laut akan digiatkan lagi dan diatur untuk menjadi lebih spesifik. Penekanan diberi kepada industri tertentu di mana kita mempunyai, dengan izin, competitive advantage.
- (2) Tumpuan sedang dibuat untuk mendapatkan bantuan daripada syarikat-syarikat asing yang mempunyai operasi perkilangan atau perniagaan untuk menggalak peluang atau pembekal mereka melabur di Malaysia. Usaha-usaha begini sedang dijalankan melalui mengadakan seminar-seminar di Malaysia di mana syarikat-syarikat asing di sini menjemput rakan-rakan mereka untuk menyertai seminar-seminar ini.

Sebagai tambahan, semua pihak yang mengatur pameran-pameran antarabangsa di Malaysia tidak digalakkan untuk mengadakan seminar-seminar pelaburan semasa pameran-pameran itu untuk memberi peluang kepada peserta-peserta antarabangsa mendengar taklimat-taklimat berkenaan peluang-peluang pelaburan di Malaysia.

- (3) Galakan-galakan pelaburan, kaedah ekuiti dan berbagai kemudahan sedang pun disemak semula dengan tujuan untuk

menjadikan negara ini lebih menarik dan "competitive" sebagai pusat pelaburan.

Sebagai contoh di dalam Belanjawan 1985, diskaun ke atas kadar bayaran letrik dan belian getah telah pun diberi untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan di dalam projek-projek berasaskan getah yang "export-oriented", dengan izin.

- (4) Kerajaan-kerajaan negara "capital exporting" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi jawapan, Yang Berhormat?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Lagi sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Diminta untuk menempatkan pegawai-pegawai pelaburan yang berpengalaman di Mida, bertanggungjawab untuk mengenalpasti projek-projek yang ada kemungkinan berusahasama di antara syarikat-syarikat di Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Program koperasi seperti ini sedang dijalankan di antara Federal Republic of Germany dan Malaysia selama lima tahun dan dalam jangkamasa ini pelaburan Jerman telah meningkat 100%. Kerajaan British juga telah baru-baru ini melantik seorang pegawai yang ditempatkan di MIDA untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini.

- (5) Sebagai tambahan kepada strategi yang telah disebutkan, usaha-usaha sedang dibuat oleh Kerajaan untuk memperbaiki iklim pelaburan di Malaysia dengan mendirikan "research facilities", latihan-latihan

kemahiran, suasana kerja yang lebih baik di kalangan pekerja, mengurangkan "red tape", pembasmian rasuah, meningkatkan produktiviti dan menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara pihak awam dan pihak swasta.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 14 hingga 41 adalah diberi di bawah ini)

PENDAFTARAN KENDERAAN MOTOR—SISTEM TEMPATAN

6. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah asas-asas Menteriannya menawarkan nombor-nombor pendaftaran kereta penumpang kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sistem tempahan dan tawaran nombor pendaftaran kenderaan motor telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Kementerian Pengangkutan mulai daripada 17hb Oktober, 1978 mengikut kuasa perundangan di bawah pindaan-pindaan kepada Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959.

Asas utama pihak Kementerian Pengangkutan menawarkan nombor-nombor pendaftaran kereta ialah untuk memperolehi hasil Kerajaan oleh kerana didapati ramai orang yang membeli kenderaan motor baru sedia membayar harga tawaran supaya diperuntukkan dengan nombor-nombor yang diminati oleh mereka, misalnya nombor-nombor 1 hingga 10

dan nombor berpasangan serta susunan nombor berulang-ulang daripada nombor 11 hingga 9999 bagi tiap-tiap siri yang dikeluarkan di semua negeri di seluruh Malaysia. Apabila sistem tempahan dan tawaran nombor pendaftaran kenderaan motor itu mulai dilaksanakan pada tahun 1978 dulu, keistimewaan adalah diberi kepada pihak-pihak tertentu apabila pihak Kementerian Pengangkutan menimbangankan peruntukan nombor-nombor pendaftaran tersebut. Walau bagaimanapun, mulai daripada bulan September 1984 yang lalu, pihak Kerajaan telah mengkaji semula sistem tempahan dan tawaran yang asal itu dan seterusnya telah membuat keputusan bahawa sistem tawaran yang sebenarnya serta teratur hendaklah dilaksanakan. Ketika ini, Kementerian Pengangkutan sedang berusaha menyediakan peraturan-peraturan pentadbiran untuk melaksanakan sistem tempahan dan tawaran nombor pendaftaran kenderaan motor yang baru itu.

TAX EVASION

14. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) Butir-butir penting tentang kejadian-kejadian "Tax Evasion", berapa kes dikesan dalam tahun 1983 dan 1984 dan berapakah kutipan balik dan denda yang diperolehi; dan
- (ii) Berapa orang yang terlibat dengan Perintah "Pembekuan Harta" bersabit dengan pelbagai jenayah perniagaan dalam tahun 1984/1985.

Dato Sabbaruddin Chik:

- (i) Jabatan Hasil Dalam Negeri menjalankan penyiasatan ke atas pembayar cukai yang disyaki melarikan cukai. Bilangan kes bagi tahun 1983 ialah 210 dan tahun 1984

sebanyak 196 kes. Cukai yang dikutip adalah berapa cukai tambahan dan denda berjumlah seperti berikut:

	Cukai Tambahan	Denda	Jumlah
1983	\$26,918,666	\$13,095,814	\$40,014,480
1984	\$32,669,999	\$15,769,173	\$48,439,172

- (ii) Bagi soalan kedua, ingin saya memaklumkan undang-undang cukai pendapatan tidak mengandungi peruntukan untuk "membekukan harta" bersabit dengan jenayah perniagaan. Walaupun begitu, dalam urusan pungutan di mana perlu pihak Jabatan akan mengenakan caveat pendaftar (registrars' caveat) ke atas geran tanah pembayar cukai.

BAHAN PEMBINAAN YANG SERAGAM

15. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) dengan konsep menyediakan bahan-bahan pembinaan perumahan yang seragam, adakah ini bermakna bahawa bahan-bahan ini boleh didapati pengedarannya dengan mudah di kedai-kedai yang ada sekarang;
- (b) adakah Kerajaan sendiri yang akan mengedarkan barangan ini atau pengedarannya dibuat seluas-luasnya kepada rakyat negara ini untuk menjalankannya; dan
- (c) adakah pembekalan bahan-bahan ini kepada rumah-rumah batu sahaja atau adakah ianya juga kepada pembinaan rumah-rumah yang berharga murah.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Konsep penyediaan bahan-bahan pembinaan perumahan yang seragam dianjurkan bertujuan untuk memudahkan pengeluaran bahan-bahan ini oleh pengilang secara "mass-production". Dengan adanya bahan-bahan yang seragam dari segi saiz dan mutunya kita dapat mengurangkan pembaziran baik dari segi "application"-nya, penggunaan mesin jentera dan masa. Konsep ini tidak akan mengubah sistem pengedaran bahan-bahan ini seperti yang terdapat sekarang.

Pada masa sekarang, corak pengedaran bahan-bahan binaan adalah melalui perlantikan pengedar oleh syarikat-syarikat pengeluar dan juga terus kepada pelanggan. Cara-cara ini memberi peluang kepada usahawan-usahawan yang mampu dan berupaya menjalankan perniagaan pengedaran bahan-bahan binaan. Pihak Kerajaan melalui agensi-agensinya seperti Pernas Trading dan Perbadanan Kemajuan Negeri juga mengedar bahan-bahan binaan, tetapi kegiatan ini lebih tertumpu kepada "outlet" atau projeknya sendiri. Walau bagaimanapun jumlah (volume) pengedaran yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan adalah kecil jika dibandingkan dengan permintaan seluruh negara. Dengan itu peluang pengedaran akan terus dibuka kepada rakyat negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep ini boleh digunakan bagi semua pembinaan rumah-rumah batu atau murah.

PETRONAS—KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa hasil

keuntungan selepas cukai yang diperolehi oleh Petronas dari petroleum dan gas bagi tahun 1984. Dan dari jumlah hasil dan keuntungan Petronas itu berapa banyak pula yang diperolehi Kerajaan daripada cukai pendapatan royalti dan lain-lain cukai eksais ke atas barang-barang petroleum bagi tahun tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tahun kewangan Petronas berakhir pada 31hb Mac setiap tahun. Bagi tahun kewangan berakhir pada 31hb Mac 1984, butir-butir yang dipohon oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah \$3.06 ribu juta keuntungan selepas cukai diperolehi oleh PETRONAS
- (ii) Jumlah cukai \$2.26 ribu juta pendapatan yang telah dibayar
- (iii) Jumlah \$0.54 ribu juta royalti ke atas petroleum yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan
- (iv) Duti eksport \$1.13 ribu juta ke atas barangan petroleum yang telah dibayar kepada Kerajaan.

Jumlah yang diterima bagi tahun 1984 oleh Kerajaan dari semua syarikat-syarikat Petroleum tempatan atas duti eksport ialah \$1.62 ribu juta dan duti eksais \$0.59 ribu juta. Dari jumlah ini penerimaan duti eksport dan duti eksais dari Petronas pula ialah \$1.23 ribu juta dan \$4.50 juta.

FELDA-GERAN HAKMILIK PENEROKA

17. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) Sama ada peneroka-peneroka yang telah berjaya mendapat geran hakmilik tanahnya dibenarkan menjual atau membuat cagaran Bank dengan tanah-tanah tanaman yang diperolehi dari terokaannya di tanah-tanah FELDA: jika boleh, apakah syarat-syaratnya atau pun diberi kebebasan tanpa sebarang syarat; dan
- (b) Adakah ia dengan sendirinya akan menjadi pesaka kepada keluarganya apabila ia meninggal dunia atau bagaimana.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

- (a) Mengikut peraturan yang berjalan sekarang surat hakmilik yang dimiliki peneroka-peneroka tidak boleh dijual atau dicagarkan melainkan selepas mendapat kebenaran secara bertulis dari Pihak Berkuasa Negeri. Oleh yang demikian peneroka-peneroka yang bercadang untuk menjual atau menggunakan surat hakmiliknya sebagai cagaran kepada Bank hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- (b) Apabila hakmilik telah dikeluarkan, peneroka mempunyai hak mengikut Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ke atas tanah yang berkenaan. Oleh yang demikian apabila peneroka meninggal dunia tanah yang berkenaan adalah menjadi pesaka kepada waris-warisnya

sebagaimana yang akan ditetapkan oleh Pemungut Hasil Tanah.

Walau bagaimanapun mengikut Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, hanya seorang waris sahaja dibenarkan memegang hakmilik itu dengan tujuan supaya satu keluarga dapat memberi perhatian yang penuh kepada tanah itu sebagai pegangan hakmilik yang ekonomik. Oleh yang demikian, maka waris-waris yang lain yang juga mempunyai hak hendaklah diberi haknya oleh pemegang hakmilik yang berkenaan menurut nilai bahagian yang ditentukan mengikut faraid. Dalam hubungan ini, fatwa mengenai perkara tersebut telah pun diperolehi daripada Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang mengesahkan bahawa tanah sebagai pesaka tidak semestinya dibahagi secara fizikal kepada semua waris untuk dimiliki, tetapi ada waris-waris yang boleh diberi dalam bentuk bayaran wang menurut nilai bahagiannya.

PENCEMARAN UDARA OLEH PEMAJU PERUMAHAN

18. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menghentikan gangguan, pencemaran udara, risiko terhadap kehidupan dan hartabenda yang disebabkan oleh pihak pemaju terhadap penduduk-penduduk di sekitar kawasan pembangunan, terutama sekali gangguan yang disebabkan oleh Wayton Sendirian

Berhad di Taman Paya Terubong, Pulau Pinang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Pihak Kerajaan memang sentiasa memandang berat tentang masalah gangguan, pencemaran udara, risiko terhadap kehidupan dan hartabenda yang disebabkan oleh pihak pemaju terhadap penduduk-penduduk di sekitar kawasan pembangunan. Bagi mengawal dan mengawasi masalah ini, peruntukan-peruntukan undang-undang yang mencukupi sedia ada dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Akta ini dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Segala syarat bagi menjamin kesihatan awam, keselamatan dan kesentosaan penduduk sekitaran biasanya dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan terhadap pihak-pihak pemaju semasa meluluskan sesuatu skim perumahan mengikut kehendak peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Bagi kerja-kerja pembinaan besar di bandar, kontraktor-kontraktor adalah dikehendaki membina papan-papan dinding di sekeliling tapak-tapak bangunan untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan berlaku terhadap orang-orang yang lalu-lalang di situ dan mengurangkan kacau-ganggu yang mungkin berlaku. Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mengambil tindakan untuk memastikan bahawa kejadian keruntuhan rangka kerja (framework) yang telah berlaku di Taman Paya Terubong, Pulau Pinang tidak akan berlaku lagi. Pemaju Taman Perumahan tersebut, Wayton Sdn Bhd telah diarah oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kejadian seperti itu. Kini kerja-kerja rangka kerja telah siap dibuat tanpa apa-apa kejadian.

KERETAPI TANAH MELAYU— RUMAH KAKITANGAN

19. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perancangan Keretapi Tanah Melayu untuk memperbaiki keadaan rumah-rumah kakitangan peringkat bawahan yang kini sangat tidak sesuai.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Pentadbiran KTM sekarang ini mempunyai sebanyak 7,769 unit rumah Kelas Sebelas (XI) untuk kakitangan di peringkat bawahan di seluruh rangkaian KTM. Pembinaan rumah-rumah untuk kakitangan ini adalah mengikut blok yang mengandungi 8 unit rumah pada tiap-tiap blok dan sebahagian besar penghuni berkongsi tandas awam. Tetapi, sejak tahun 1981 hingga kini Pentadbiran KTM telah mengambil tindakan untuk menyediakan tandas moden dan meter bekalan air berasingan dan mereka ini tidak lagi terpaksa berkongsi tandas awam. Setakat ini, sebanyak 700 unit rumah telah pun diberi kemudahan ini dan tindakan berterusan sedang dijalankan sehingga semua rumah dapat bekalan sebegini.

Ingin saya menyatakan juga bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Pentadbiran KTM merancang akan membina 1,800 unit rumah baru untuk menggantikan rumah-rumah lama yang perlu dirobohkan kerana tidak berekonomik untuk dibaikpulih. Adalah diharap bahawa dengan tindakan ini dan juga dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan maka kakitangan KTM akan dapat menikmati kemudahan tempat tinggal yang lebih moden serta selesa dan secara langsung dapat meninggikan prestasi serta daya pengeluaran mereka demi kemajuan KTM khususnya dan negara amnya.

AEROBUS—PENSWASTAAN

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan setakat manakah berjayanya penswastaan projek Aerobus. Apakah jumlah anggaran perbelanjaannya. Adakah masalah-masalah yang timbul kini. Adakah projek tersebut akan dilaksanakan.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Berjaya atau tidaknya penswastaan projek Aerobus tidaklah wajar dinilai sekarang memandangkan ianya belum dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun perancangan bagi melaksanakan projek ini sedang diteruskan oleh Syarikat SITRA Sdn Bhd Sehubungan dengan ini pihak Kerajaan sedang mempertimbangkan pemberian hakmilik tanah dengan bayaran premium kepada SITRA Sdn Bhd untuk membolehkan SITRA meneruskan pelaksanaan projek.

PEMBORONG SARAWAK— PEMBERIAN PROJEK

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa projek-projek di Sarawak tidak diberi kepada pemborong Sarawak tetapi di sebaliknya diberi kepada pemborong-pemborong dari Semenanjung Malaysia dan dengan demikian menafikan orang-orang Sarawak daripada menikmati hasil pembangunan di negeri mereka sendiri.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya kurang jelas tentang projek apakah yang dimaksudkan dengan soalan ini. Kementerian saya sememangnya telah dan sedang menjalankan berbagai-bagai projek di negeri itu dan semua pemberian kerja kepada para pemborong adalah dibuat mengikut amalan biasa Kerajaan.

**PENYATA AMANAH SAHAM
NASIONAL—RISALAH PAS
DIKEMBARKAN**

22. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa dalam sampul kiriman penyata ASN yang "SULIT DAN PERSENDIRIAN" selain daripada Cek Bonus, Baucer Dividen dan Laporan kepada Pemegang-pemegang unit, terdapat sekeping risalah kecil berlambang bulat muka balak yang memberitahu "Ceramah Politik Islam oleh Haji Abdul Hadi bin Awang dan Mustapha bin Ali, Kg. Banggol, Telipok, Pasir Putih, Kelantan pada 22 Februari 1985" kepada beberapa orang pemegang ASN di Daerah Pasir Putih. Jika sedar atau tidak, bagaimanakah sampul yang tertutup rapat itu boleh berlaku perkara ini. Apakah terdapat musang berbulu ayam di dalam ASN, yang cuba menjadi musuh dalam selimut, duri dalam daging dan gunting dalam lipatan pada ASN.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya tidak sedar bahawa sampul kiriman penyata Amanah Saham Nasional "SULIT DAN PERSENDIRIAN" mengandungi risalah yang lain selain daripada Cek Bonus, Baucer Dividen serta Laporan Pengurusan Amanah Saham Nasional Berhad. Perlu saya menerangkan bahawa proses memasukkan Baucer Dividen dan Bonus serta laporan kepada pemegang unit dibuat dengan menggunakan mesin di Ibu Pejabat Amanah Saham Nasional Berhad. Mesin yang digunakan pula hanya boleh dimasukkan dua dokumen iaitu surat penyata dividen dan Bonus serta laporan pengurus Amanah Saham Nasional Berhad kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Nasional.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses penghantaran Baucer Dividen dan Bonus adalah dibuat melalui Pos

dan surat-surat tidak diasingkan mengikut daerah tetapi mengikut negeri. Sekiranya ada dimasukkan dokumen tambahan (risalah agama) kemungkinan ianya dilakukan di daerah itu sendiri. Kakitangan-kakitangan Ibu Pejabat Amanah Saham Nasional Berhad tidak terlibat dalam pengedaran risalah yang dirujukkan itu.

Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, pihak Amanah Saham Nasional Berhad mengambil perhatian yang berat atas perkara ini dan sedang menjalankan penyiasatan terperinci mengenainya.

**PEMOHON LESEN BELAJAR
MEMANDU**

23. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa sejak terlaksananya peraturan kelulusan undang-undang statik bagi pemohon-pemohon lesen "L" telah menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat luar bandar, jika sedar, adakah Kerajaan bercadang bagi menghapuskan peraturan ini atau mengenakan lain-lain cara yang lebih mudah.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sukalah saya memaklumkan pihak Kementerian Pengangkutan tidak sedar bahawa sejak terlaksananya peraturan kelulusan undang-undang statik bagi pemohon-pemohon lesen belajar memandu (lesen "L") telah menimbulkan banyak masalah pada masyarakat luar bandar. Sebenarnya, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun memperkenalkan mulai daripada tahun 1981 lesen memandu kelas B3 iaitu bagi motosikal dengan kuasa enjin tidak melebihi 90 c.c. yang mana kelulusan ujian statik undang-undang jalan raya adalah dikecualikan dan tidak diperlukan sebelum mendapat lesen belajar

memandu untuknya. Dengan cara ini pemohon-pemohon boleh mendapatkan lesen belajar memandu untuk kelas B3 itu tanpa mengambil ujian statik undang-undang jalan raya terlebih dahulu dan ini telah mendapat meringankan masalah rakyat di luar bandar.

Walau bagaimanapun pemohon-pemohon untuk lesen belajar memandu bagi kelas-kelas lain adalah diperlukan supaya lulus ujian statik undang-undang jalan raya sebelum mendapat lesen belajar memandu berkaitan. Tujuannya ialah untuk memberikan pengetahuan asas kepada bakal-bakal pemandu mengenai isyarat-isyarat dan peraturan-peraturan lalulintas jalan raya demi untuk keselamatan di jalan raya. Namun begitu, ujian statik undang-undang jalan raya bagi mendapatkan lesen belajar memandu boleh diambil secara bertulis atau pun secara lisan bagi pemohon-pemohon yang membuat pilihan demikian disebabkan mereka tidak tahu menulis. Pilihan yang diberi ini adalah juga untuk memudahkan masyarakat di luar bandar.

INDUSTRI PELANCONGAN

24. Tuan Ban Hong Keong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki industri pelancongan negara kita oleh kerana kita kerap kali mendengar sungutan dari pelancong-pelancong ke negara kita bahawa terdapat kekurangan pemandu-pemandu pelancongan yang cekap dan berpengetahuan mengenai tempat-tempat pelancongan Malaysia seperti Pulau Tioman, Pulau Perhentian di Terengganu, Taman Negara di Pahang, Desaru di Johor dan lain-lain lagi.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun menyuarakan hasratnya untuk meningkatkan lagi perkembangan industri pelancongan negara sebagai salah satu usaha ke arah memperkukuhkan imbalan pembayaran negara. Dalam hubungan ini, sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelancongan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah pun ditubuhkan bagi menjalankan kajian dan mengemukakan syor-syor ke arah memesatkan lagi tahap kemajuan industri pelancongan keseluruhannya.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya sukalah menegaskan bahawa Kerajaan menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah pun menguatkuasakan Peraturan-peraturan tertentu mengenai pengawalan Pemandu-pemandu Pelancong. Peraturan ini yang berkuatkuasa sejak tahun 1976 adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf kemahiran mereka-mereka yang berkhidmat sebagai pemandu pelancong demi memprojeikkan imej baik negara.

Di bawah Peraturan ini, setiap pemandu pelancong adalah diwajibkan mengikuti kursus-kursus latihan yang dijalankan khas oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sebelum mereka itu boleh didaftarkan dan lulus sebagai pemandu pelancong. Di samping itu, mereka juga diwajibkan mengikuti Kursus-kursus Ulangkaji untuk meninggikan lagi taraf kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang pelancongan. Setakat ini, sebanyak 39 Kursus Latihan Pemandu Pelancongan dan 8 Kursus Ulangkaji telah pun dijalankan dan ini telah menghasilkan seramai 1,342 pemandu pelancong yang terlatih dan didaftarkan dengan Perbadanan.

Perlu juga diperkatakan di sini bahawa sukatan pelajaran Kursus Latihan Pemandu Pelancong adalah meliputi aspek-aspek tertentu seperti kebudayaan, ekonomi serta pengetahuan mengenai tempat-tempat menarik di seluruh Malaysia. Ini meliputi pengetahuan yang mendalam mengenai pusat-pusat pelancongan tertentu seperti Pulau Tioman, Pulau Perhentian di Terengganu, Taman Negara di Pahang, Desaru di Johor dan lain-lain lagi. Pemandu-pemandu pelancongan juga digalakkan berusaha dan mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri masing-masing dengan segala pengetahuan-pengetahuan lain yang berkaitan guna untuk meninggikan taraf kemahiran mereka itu.

Dengan langkah-langkah seperti-mana yang telah diuraikan adalah menjadi hasrat Kerajaan agar Malaysia terus mempunyai bilangan pemandu-pemandu pelancong yang mencukupi, cekap dan berpengetahuan bagi memenuhi keperluan dari masa ke semasa.

KEMATIAN M. KATIGESU/ MUSA CHONG ABDULLAH/ SIASATAN

25. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam kes kematian M. Katigesu dan Musa Chong Abdullah pada 5hb Januari, 1985 dan 26hb Februari, 1985 masing-masing di Ibupejabat Polis Bandaraya Kuala Lumpur; dan apakah tindakan yang diambil untuk memasang jeriji-jeriji tingkap di Ibupejabat Polis Bandaraya Kuala Lumpur untuk memastikan kejadian-kejadian seumpama itu tidak berulang lagi.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap kes kematian M. Katigesu pada 5hb Januari, 1985 di Ibupejabat Polis

Bandaraya, Kuala Lumpur telah pun selesai dan "Inquest" terhadap kes tersebut sedang dijalankan oleh Mahkamah Rendah, Jalan Duta. Manakala siasatan terhadap kes kematian Musa Chong Abdullah pada 26hb Februari, 1985 hampir selesai dan kertas siasatannya akan dikemukakan ke Pejabat Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat. Sementara itu, kerja-kerja pemasangan jeriji-jeriji di Ibupejabat Polis Bandaraya akan dilaksanakan tidak lama lagi. Bagi mengelakkan agar peristiwa seperti itu tidak berulang lagi, semua soal siasat terhadap orang-orang yang disyaki (police suspects) telah dijalankan di tingkat bawah.

KURIKULUM MATA PELAJARAN AGAMA ISLAM

26. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kurikulum baru pelajaran Agama Sekolah Menengah akan diperkenalkan dan adakah buku-buku teks pelajaran agama itu telah mencukupi keperluan pelajar-pelajar dan siapakah penerbit buku-buku itu.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kurikulum Baru Mata Pelajaran Pengetahuan Agama Islam bagi Sekolah Menengah sedang disusun. Kurikulum baru ini akan diperkenalkan kepada murid-murid setelah mereka tamat mengikuti KBSR.

Buku Teks Pengetahuan Agama Islam mengikut Kurikulum Baru Sekolah Menengah belum dikeluarkan lagi. Buku teks akan dikeluarkan sebaik-baik sahaja kurikulum baru ini dilaksanakan.

PERPUSTAKAAN MINI

27. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan beberapa

buahkah Perpustakaan Mini telah ditubuhkan di seluruh negara sehingga Disember, 1984. Nyatakan secara berasingan bagi tiap-tiap daerah, negeri-negeri di Semenanjung. Adakah Perpustakaan itu dikendalikan oleh mereka yang mempunyai pengetahuan menguruskan perpustakaan. Adakah Perpustakaan Mini dilengkapi dengan segala keperluan yang sewajarnya sebagai sebuah perpustakaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menubuhkan Perpustakaan Mini mulai tahun 1984 di Pejabat KBS peringkat daerah di Semenanjung Malaysia dengan tujuan:

- (i) Mengadakan kemudahan perpustakaan bagi pegawai dan kakitangan KBS serta orang ramai khususnya ahli-ahli pertubuhan belia di peringkat daerah.
- (ii) Menambahi (supplement) kemudahan perpustakaan, khususnya di kawasan luar bandar yang disediakan oleh Perbadanan-perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan KEMAS.

Perpustakaan Mini KBS dilengkapi dengan kelengkapan asas dan koleksi buku daripada KKBS dan Perpustakaan Negara dan ianya dikendalikan oleh pegawai KBS yang telah diberi latihan intensif di Perpustakaan Negara.

Setakat ini, 20 Perpustakaan Mini ditubuhkan, iaitu 2 di Johor (Mersing, Pontian); 2 di Negeri Sembilan (Kuala Pilah, Rembau); 4 di Perak (Perak Tengah, Hulu Perak, Manjung, Kerian); 3 di Kedah (Pendang, Kubang Pasu, Langkawi); 4 di Kelantan (Tumpat, Bachok, Pasir Mas, Kuala Krai); 4 di Pahang (Maran, Kuala Lipis, Raub, Cameron Highlands); dan

1 di Pulau Pinang (Seberang Perai Tengah). Perpustakaan-perpustakaan Mini berfungsi sebagai Bilek-bilek Bacaan sedangkan sebahagian daripadanya memberi perkhidmatan pinjaman buku.

TOL DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR—SEREMBAN

28. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kerjaraya menyatakan bila agaknya kerja-kerja pembaikan jalan akan dihabiskan secara muktamad di sepanjang lebuhraya Seremban dan apakah butir-butir yang lebih khusus mengenai sistem pemungutan tol yang baru di sepanjang lebuh raya ini yang pernah diumumkan oleh Menteri. Apakah jumlah wang yang telah dibiayai semenjak bermulanya projek lebuhraya tersebut.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Kerja-kerja pembaikan jalan (Repair Works) di lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban adalah dijadualkan siap dalam bulan Mei tahun ini.

Apakah yang dikatakan sistem pungutan tol yang baru oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah sistem pungutan tol secara tertutup (Close Toll System). Dalam sistem ini pengguna-pengguna akan diberikan tiket ketika memasuki lebuhraya tol dan tiket ini akan menunjukkan tempat mulanya perjalanan mereka. Apabila mereka keluar daripada lebuhraya tol itu. Bayaran akan dikenakan berdasarkan jarak perjalanan yang mereka telah lakukan. Sistem ini berbeza dengan sistem yang ada sekarang di mana satu kadar purata (Flat Rate) sahaja dikenakan. Sistem pungutan tol secara tertutup ini bertujuan untuk mengenakan kadar bayaran tol yang berpatutan kepada pengguna-pengguna.

Adalah dimaklumkan sistem ini akan dilaksanakan sebaik sahaja

lebuhraya Tol dari Seremban ke Ayer Keroh telah siap dibina pada tahun 1986.

Jumlah wang yang telah dibelanjakan semenjak lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban itu mula dibina adalah lebih kurang \$180 juta. Kos ini termasuk kos pembinaan lebuhraya.

PELAJARAN FILIPINA— PAS KERJA

29. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan jumlah pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia yang kini bekerja di Sabah, berapa daripada mereka yang telah diberikan permit kerja dan apakah tindakan Kementerian bercadang untuk mengambil terhadap mereka yang bekerja tanpa permit kerja.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan 1891 Pas Kerja dan 2005 Pas Kerja tidak dikeluarkan kepada Pendatang Haram Indonesia atau pendatang haram dari mana-mana negara jua oleh kerana kemasukan mereka adalah bertentangan dengan Akta Imigresen 1959/63. Sebaliknya, Kementerian akan menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang haram yang dikesan di negara ini, tidak kira sama ada mereka bekerja atau tidak.

BANGUNAN SEKOLAH LAMA YANG DIGUNAKAN

30. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa pada hari ini masih ada dalam Negeri Selangor bangunan sekolah yang dibina pada tahun 1982 masih digunakan walaupun keadaannya sangat membahayakan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian saya memang sedar bahawa masih ada sekolah yang dibina pada tahun 1892 di negeri Selangor digunakan tetapi hanyalah untuk aktiviti-aktiviti sampingan dan kelas pemulihan. Sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Jeram dan Sekolah Kebangsaan Asam Jawa. Kementerian juga telah membina bangunan gantian untuk Sekolah Kebangsaan Jeram sebanyak 12 bilik darjah pada tahun 1983, sementara bangunan gantian untuk Sekolah Kebangsaan Asam Jawa sebanyak 12 bilik darjah telah dibina pada tahun 1967.

NAMA PERTUBUHAN POLITIK— KAJIAN

31. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan mengkaji semula mengenai nama-nama pertubuhan politik yang ada di dalam negara kita terutama yang menggunakan agama sebagai alat sahaja;
- (b) adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar terdapat sebuah parti yang sangat membahayakan Islam kerana memesongkan Akidah dengan alasan-alasan seperti berikut:
 - (i) sesiapa yang berjuang dalam parti jika mati akan mati syahid seperti "Peristiwa di Lubuk Merbau".
 - (ii) jika mati melalui partinya kuburnya akan cerah;
 - (iii) jika sembahyang dengan meletak lambang partinya di bawah sejadah akan lebih mendapat banyak pahala;

Jika sedar apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang perkara-perkara seperti ini dari terus berlaku.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji atau meminda nama-nama pertubuhan politik yang mana telah diluluskan pendaftarannya berdasarkan undang-undang yang berkenaan. Bagaimanapun Kerajaan mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan jika tindakan yang sedemikian itu perlu diambil demi untuk menjaga kedaulatan dan kepentingan negara serta rakyat seluruhnya.
- (b) Kerajaan memang sedar tentang adanya orang-orang perseorangan dan kumpulan-kumpulan yang menggunakan agama Islam menghasut orang ramai menentang Kerajaan. Mengenai perkara ini Kerajaan telah mengeluarkan Kertas Putih yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Ada dua cara bagaimana Kerajaan menghadapi ancaman daripada pendiyah atau penghasut-penghasut yang bertopengkan agama Islam itu. Pertama dengan mempergiatkan penerangan kepada rakyat mengenai dasar dan rancangan Kerajaan dan mempertingkatkan pengetahuan agama di kalangan rakyat di semua peringkat melalui sekolah-sekolah dan aktiviti-aktiviti dakwah. Ini adalah cara yang terbaik dan berkesan. Cara yang kedua ialah mengambil tindakan undang-undang terhadap orang atau kumpulan yang didapati telah melakukan kesalahan sama ada di bawah enakmen pentadbiran agama Islam atau di bawah Kanun Kesiksaan, mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Jika kegiatan seseorang itu

didapati mengancam kedaulatan dan keselamatan negara maka Kerajaan tidak teragak-agak menggunakan kuasa-kuasanya yang diberikan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

CURIAN LETRIK—DENDA

32. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah denda yang biasanya dikenakan pada orang yang didapati mencuri elektrik dan sama ada beliau sedar terdapatnya sebilangan kecil kakitangan LLN di Nibong Tebal yang terlibat dalam pencurian elektrik dan sama ada denda yang dikenakan pada kakitangan LLN yang berkenaan dan orang awam di Nibong Tebal adalah seimbang.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya merasa hairan menerima soalan seperti ini dari seorang ahli dari pihak Kerajaan. Saya menyatakan demikian disebabkan 2 perkara:

Pertamanya soalan tersebut bertanyakan sama ada "denda yang dikenakan pada kakitangan LLN yang berkenaan dan orang awam di Nibong Tebal adalah seimbang". Soalan ini mengandungi pendapat saolah-olah Kerajaan mengamalkan dua jenis undang-undang yang berlainan, satu bagi kakitangan LLN/Kerajaan dan satu lagi bagi orang awam.

Seperti mana diketahui umum, melainkan bagi mereka yang sememangnya ada muslihat tersendiri, Negara kita mengamalkan sistem Mahkamah yang bebas membuat keputusan berasaskan kepada satu sistem undang-undang yang sama bagi semua orang. Seperti mana disebutkan dalam Perlembangan kita; semua orang adalah sama di sisi undang-undang.

Bersabit dengan perkara ini Seksyen 86 (3) (a), Akta Letrik 1949 menetapkan denda maxima sebanyak

\$100,000/—(Seratus Ribu Ringgit) bagi kesalahan mencuri tenaga elektrik. Walau bagaimanapun jumlah denda sebenarnya yang dikenakan kepada orang yang didapati bersalah, tidak kira sama ada ianya kakitangan kerajaan atau agensinya seperti LLN ataupun orang awam adalah bergantung kepada budibicara Mahkamah.

Keduanya, setelah diteliti perkataan-perkataan dan rangkai kata dalam soalan Yang Berhormat itu, seperti perkataan-perkataan “terdapat sebilangan kecil kakitangan LLN di Nibong Tebal yang terlibat dalam pencurian elektrik.” dapatlah dirumuskan bahawa YB sememangnya tahu secara positif bahawa memang ada orang yang mencuri elektrik di Nibong Tebal.

Kalaulah ini benar, ianya mesti dianggap serious dan tindakan segera perlu diambil. Saya menyeru Yang Berhormat supaya segera membuat laporan dengan memberikan keterangan-keterangan yang tepat kepada pihak Polis bagi menyenangkan tindakan susulan diambil. Saya sendiri tidak sedar bahawa kakitangan LLN di Nibong Tebal terlibat dalam pencurian Letrik.

Sebagai seorang wakil rakyat Barisan Nasional, ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa tegas dalam melaksanakan dasarnya dan mahu semua pihak bersih, cekap dan amanah. Bukti-bukti setakat ini jelas menunjukkan sesiapa pun yang didapati bersalah disisi undang-undang akan menerima hukuman yang setimpal.

Kerajaan Barisan Nasional memang mengalu-alukan sebarang laporan yang konkrit bagi diambil tindakan terhadap apa-apa sahaja bentuk penyelewangan. Negara Malaysia akan merasa terhutang budi jika semua pihak, termasuk wakil rakyat, apabila

melihat sesuatu kecurangan, sama ada dilakukan oleh sebilangan kecil atau besar, terus segera membuat laporan kepada pihak berkuasa yang terdekat seperti Badan Pencegah Rasuah atau Polis, supaya tindakan-tindakan pantas dan wajar dapat dibuat. Sesuatu jentera negara, termasuk letrik adalah milik kita bersama dan menjadi tanggungjawab kita bersama pula untuk diawasi dan dipelihara. Malang benar jika seseorang itu apabila melihat sesuatu “Kecurian” atau “rompakan” atau “Kebakaran” atau “dadah” dan lain-lain jenayah, maka orang itu membiarkan perkara itu begitu sahaja sambil menunggu kedatangan mesyuarat Parlimen.

KEMALANGAN INDUSTRI— KESELAMATAN

33. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah kes kemalangan perindustrian (kilang) diketahui telah berlaku dalam syarikat-syarikat multi-national dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini (1982-1984). Bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang mencukupi diambil dan dipatuhi dalam kilang-kilang besar ini? Secara spesifiknya, apakah langkah-langkah keselamatan yang wujud di kilang Union Carbide di Malaysia? Adakah langkah-langkah ini mencukupi.

Dato' Mak Hon Kam: Kementerian saya mempunyai rekod kemalangan industri yang dikelaskan mengikut jenis perusahaan dan bukannya mengikut saiz syarikat kerana kemalangan bukan sahaja berlaku di dalam Syarikat-syarikat multinational bahkan juga dalam syarikat-syarikat yang lain. Angka-angka kemalangan yang dilaporkan dalam sektor pembuatan bagi tahun 1982-1984 adalah seperti berikut:

1982	30,530
1983	29,799
1984	32,441

Sukacita ingin saya maklumkan bahawa laporan dan pemeriksaan oleh Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya menunjukkan bahawa kebanyakan Syarikat-syarikat multinational mempunyai taraf keselamatan yang baik. Secara amnya Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa mengadakan pemeriksaan awal, ulangan dan tambahan untuk menentukan dan menjaga taraf keselamatan di dalam kilang, selain daripada mengadakan seminar, kursus latihan, syarahan dan peminjaman filem-filem keselamatan kepada majikan dan pekerja di kilang-kilang. Jabatan ini juga menggalakan kilang-kilang yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja membentuk jawatankuasa keselamatan masing-masing.

Di Malaysia, satu loji Union Carbide Malaysia Sdn. Bhd. di Tampoi, Johor terlibat dalam pembuatan bateri kering (drycell) berjenis carbon-zinz. Bahan-bahan mentah untuk membuat bateri kering adalah diimport terdiri dari zinz, manganese dioxide, carbon black, electrode dan papan kertas. Hanya manganese dioxide merupakan bahan yang membahayakan bagi kesihatan. Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya sentiasa mengawasi kadar pendedahan bahan ini ke atas pekerja kilang untuk menentukan tahap keselamatan dan bahan siap mempunyai kadar keracunan yang paling rendah. Satu lagi loji kepunyaan Union Carbide (M) Sdn Bhd yang terletak di Seremban mengeluarkan bahan kimia yang digunakan dalam pembuatan, cat tekstail dan bahan pelekat. Bahan ini adalah tidak merbahaya bagi kesihatan pekerja.

Syarikat-syarikat ini mempunyai polisi dan tatakerja operasi kilang yang ketat. Mereka mematuhi arahan dari syarikat induk dan penguasa tempatan juga mempunyai jawatankuasa pengurusan keselamatan kilang dan

jawatankuasa am yang terdiri daripada kakitangan dan pekerja-pekerja harian.

Kesemua langkah-langkah keselamatan di loji-loji Union Carbide (M) Sdn Bhd adalah didapati mencukupi untuk menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja dan kawasan sekitarnya.

NISBAH MURID DAN GURU SEKOLAH

34. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pelajaran menyatakan nisbah di antara guru dengan murid-murid sekolah di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan memberi angka-angka berasingan bagi Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Apa yang terlaksana sekarang, nisbah guru dengan murid di

Sekolah Rendah Kebangsaan ialah	1:25.03
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)	1:28.6
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	1:18.8
Sekolah Menengah Akademik (Termasuk Tingkatan 6)	1:22.65
Sekolah Vokasional	1:10.4
Sekolah Menengah Teknik	1:18.8

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—KEUNTUNGAN

35. Tuan Haji Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa banyakkah pendapatan keuntungan daripada Loteri Kebajikan Masyarakat bagi tahun 1983 dan 1984. Adakah kesemuanya hasil daripada

keuntungan Loteri Kebajikan Masyarakat ini digunakan untuk kegiatan dan aktiviti kebajikan bagi menolong orang-orang miskin, cacat dan tidak berdaya semata-mata atau dijadikan hasil ke dalam kumpulan wang yang disatukan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Keuntungan bersih daripada cabutan loteri kebajikan masyarakat bagi tahun 1983 ialah sebanyak \$24,120,436 dan bagi tahun 1984 pula ialah \$22,896,949 dan semua keuntungan tersebut telah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan kerana ini adalah disyaratkan oleh Akta 252 iaitu Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat, dan Kebajikan 1950-1962 (Pindaan 1981).

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta tersebut juga memperuntukkan supaya keuntungan daripada cabutan loteri perlu digunakan untuk tujuan membiayai aktiviti-aktiviti kebajikan dan juga sosial. Bagi melaksanakan tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuhkan satu Tabung Amanah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tabung ini diisikan tiap-tiap tahun dengan peruntukan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan dan jumlahnya adalah berdasarkan kepada keuntungan daripada cabutan loteri yang telah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Tabung Amanah ini adalah digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial mengikut Akta 252 yang saya sebutkan tadi.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KAWALAN

36. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab pendatang-pendatang haram Indonesia begitu mudah memasuki negara kita dan bekerja di ladang-ladang dan di sektor pembinaan

termasuk bekerja di tapak pembinaan Bangunan UMNO yang baru; apakah tindakan Kerajaan ingin mengambil untuk penghantaran mereka balik ke negara asal mereka.

Sesungguhnya, adalah tidak begitu mudah bagi seseorang pendatang haram untuk memasuki negara ini oleh kerana pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengadakan kawalan yang rapi dan ketat di kawasan sempadan dan pintu-pintu masuk/keluar resmi negara ini.

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pantai atau dengan izin "coastline" yang panjang. Di samping itu, pantai Malaysia mempunyai hutan bakau dan paya yang sukar didekati oleh pihak peronda-peronda Kerajaan. Sempadan darat dengan negara-negara jiran adalah dilitupi oleh hutan belantara yang tebal. Keadaan ini menyulitkan kawalan sempadan oleh pihak Kerajaan. Pada hakikatnya, kesulitan topografi inilah yang membolehkan segelintir Pendatang Haram memasuki negara ini.

Kementerian Dalam Negeri tetap mengambil tindakan tegas terhadap pendatang haram yang dikesan dan akan menangkap, mendakwa serta mengusir dari negara ini, tanpa mengira negara asal mereka.

FELDA—PELUANG PENEROKA RANCANGAN

37. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapakah peluang-peluang menjadi peneroka itu disyaratkan kepada orang-orang yang berkelamin sahaja dan tidak kepada orang-orang bujang yang belum berkelamin sedangkan mereka itu akan berkelamin juga di satu masa nanti, tidakkah itu lebih baik kerana persediaan hidupnya telah

terjamin dengan penerokaan yang sedia ada padanya.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Keutamaan adalah diberikan kepada mereka yang telah berkeluarga untuk menyertai rancangan FELDA. Peneroka-peneroka yang mempunyai keluarga akan lebih menumpukan tugas dan tanggungjawabnya terhadap kerja-kerja ladang. Di samping itu, dengan mempunyai keluarga, anak-anak mereka akan dapat memberi tambahan tenaga pekerja yang diperlukan bagi menjaga dan mengeluarkan hasil daripada kawasan ladang seluas lebih kurang 10 ekar yang diperuntukkan kepada tiap-tiap peneroka. Mengikut konsep Penempatan Peneroka FELDA di bawah Akta Penempatan Berkelompok 1960, FELDA dikehendaki bukan sahaja memajukan tanah tetapi juga mewujudkan masyarakat rancangan yang berdikari.

Peluang-peluang untuk menyertai rancangan FELDA juga dibuka kepada belia-belia. Mereka ini dianggap sebagai pekerja pada peringkat permulaannya dan apabila telah berkahwin barulah mereka diiktiraf sebagai peneroka sepenuhnya. Pada masa ini ada seramai 53 orang telah ditempatkan di FELDA Mengkuang dan seramai 45 orang di FELDA Lepas Utara (1) di bawah program ini.

Peraturan yang membenarkan calon-calon yang belum berkahwin memohon dan mereka yang berjaya diterima masuk ke rancangan sebagai Bakal Calon Peneroka (BCP) dan diberi taraf peneroka setelah mereka berkahwin pernah dilakukan di rancangan FELDA Kemahang, (Kelantan) dan FELDA Lui Muda (Negeri Sembilan) kerana pada masa kedua-dua rancangan ini diambilalih oleh FELDA, kedua-dua rancangan ini telah pun mempunyai peneroka-peneroka yang belum berkahwin.

KAMPUCHEA—PENCEROBOHAN VIETNAM

38. Tuan Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah Vietnam menghormati ASEAN dalam usahanya menamatkan pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan mewujudkan rantau Asia yang aman;
- (b) sejauh manakah bahayanya kepada Malaysia mengenai pergolakan utara iaitu di sempadan Thai/Kampuchea; dan
- (c) apakah langkah-langkah Malaysia bagi menghadapi kemaraan Vietnam ke selatan.

(Sila lihat Jawapan No. 3 pada 26.3.85)

PENDUDUK 70 JUTA—MATLAMAT

39. Tuan Khadri bin Sabran minta Perdana Menteri menyatakan ka arah keberkesanan pencapaian matlamat 70 juta penduduk negara ini dalam masa 115 tahun akan datang:

- (a) sejauh manakah perancangan sosial, demografi dan ekonomi telah dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang bersangkutan; dan
- (b) adakah dalam perancangan tersebut mengambilkira faktor tolakan (pushing factors) yang berlaku di luar bandar dan faktor tarikan (pulling factors) yang berlaku di dalam bandar yang menyebabkan ketidakseimbangan bilangan penduduk di antara bandar dan luar bandar.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Ke arah pencapaian

matlamat penduduk 70 juta ini. Kerajaan telah mengambilkira semua faktor-faktor perancangan sama ada perancangan dari segi sosial, demografi ataupun ekonomi. Implikasi, strategi dan program-program yang berkaitan dengan kependudukan ini dikaji dan dilaksanakan melalui perancangan-perancangan demografi, ekonomi dan sosial yang bersepadu dan menyeluruh.

Perancangan yang menyeluruh di atas mengambilkira faktor-faktor tolakan dan tarikan yang mempengaruhi pergerakan (movement) penduduk. Ketidakseimbangan penduduk di antara bandar dan luar bandar adalah perkara biasa di negara-negara membangun seperti Malaysia. Yang penting bagi Kerajaan ialah usaha harus diteruskan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, aktiviti-aktiviti yang produktif dan yang meningkatkan pendapatan penduduk, tidak kira sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Perlu kita terima hakikat bahawa taburan penduduk di antara bandar dan luar bandar adalah hasil dan akibat dari pembangunan dan perubahan struktur ekonomi negara.

PENKALAN TUDM DI SUBANG

40. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan berjaga-jaga telah pun diambil bagi keselamatan penumpang-penumpang awam udara apabila Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia memulakan operasinya di Subang khususnya kapal terbang-kapal terbang R.M.A.F. akan berkongsi 2 "runway" Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dengan Jabatan Penerbangan Awam dan apakah langkah-langkah keselamatan telah pun diambil untuk memastikan orang-orang awam tidak akan dibenar merayau-rayau ke dalam kompleks-komplek R.M.A.F. dan sama ada ini akan menyulitkan gerakan

penumpang-penumpang awam udara yang sebenar atau "bona fide" dengan apa cara pun.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Rancangan untuk membangunkan Pengkalan TUDM di Subang adalah diusahakan dengan kerjasama dari pihak Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Penerbangan Awam. Dengan adanya penyalarsan ini, perkara-perkara yang melibatkan keselamatan penumpang awam dan orang ramai memang diberi perhatian yang utama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat aktiviti-aktiviti TUDM di Subang ini tidak akan menjejaskan kelicinan perkhidmatan penerbangan MAS serta penumpang-penumpangannya. Pengkalan TUDM di Subang terletak di kawasan sebelah kiri landasan pesawat dan aktiviti-aktiviti Jabatan Penerbangan Awam. Untuk memastikan adanya satu penyalarsan bagi kedua-dua perkhidmatan tersebut kerja-kerja kawalan telah diletakkan di bawah pentadbiran dan kawalan Jabatan Penerbangan Awam. Ini bermakna segala aktiviti-aktiviti TUDM akan dikawal dan diselaraskan oleh agensi kawalan udara di Subang. Dengan terbahaginya satu kawasan khas untuk TUDM, maka segala aktiviti-aktiviti di TUDM tidak bercampur aduk dengan aktiviti-aktiviti Jabatan Penerbangan Awam. Bagi menentukan kawasan TUDM itu terkawal dan selamat, pihak TUDM sendiri akan menubuhkan sistem kawalan di Udara supaya kemasukan individu-individu yang ada berurusan dengan TUDM dapat dikawal.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

41. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilakah

beliau berhasrat melawat Republik Rakyat China, apakah perkara-perkara yang beliau ingin bincangkan dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut dan sama ada lawatan beliau ke Republik Rakyat China itu adalah semata-mata bahan untuk tujuan propaganda dan berkempen untuk pilihanraya umum yang akan datang.

(Sila lihat Jawapan No. 19 pada 1-4-1985)

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
KONVENSYEN MENGENAI
PENGIKTIRAFAN DAN
PENGUATKUASAAN AWARD
TIMBANGTARA ASING**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memberi kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing yang dibuat di New York pada 10hb Jun, 1958 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-
UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1984)**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 2), 1984**

(Jawatankuasa)

Aturan Urusan Mesyuarat
dibacakan bagi menyambung semula

pertimbangan atau Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) dan Anggaran perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (10hb April, 1985).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pergerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 22 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 22 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbahasan, saya kemukakan masalah kepada Majlis. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,978,90 untuk Maksud B. 22 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,978,900 untuk Maksud B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud P. 22 (Anggaran Pembangu-
nan (Tamb.) (Bil. 2) 1984)—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 26 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud B. 29 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 29 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

3.41 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, B. 29, tambahan \$2.5 juta diperlukan oleh Kementerian ini untuk kadarnya membiayai yuran sekolah anak-anak pegawai diplomat Malaysia yang memasuki sekolah rendah. Di sini tidak dijelaskan sama ada sekolah rendah yang dimaksudkan adalah di luar negeri ataupun di Malaysia sendiri. Jika yang dimaksudkan adalah di luar negeri maka menurut pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran mereka ini tidak pun menerima sukatan pelajaran tempatan. Yang beliau tegaskan adalah penting dan harus diikuti oleh setiap rakyat Malaysia. Adalah ini bermakna bahawa diplomat negara kita mempunyai sebab yang memuaskan untuk menerima pendidikan dari luar negeri.

Mengikut Laporan Tahunan Bank Negara 1984 pengiriman wang luar negeri untuk pelajaran terdiri daripada 47.3% daripada jumlah bayaran bagi perjalanan. Peratusan ini telah meningkat sebanyak 17.5% kepada \$1,291 juta.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian Luar Negeri dapat menjelaskan hal ini kerana semua rakyat Malaysia, terutamanya menerima pendidikan dengan wang rakyat hendaklah mengikut kursus dan sukatan-sukatan pelajaran yang ditetapkan untuk warganegara Malaysia dan bukan untuk mengikut sukatan pelajaran di luar negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Menteri berkenaan menjawab dan menggulung.

3.45 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya minta izin menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri. Harus Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa sekolah-sekolah yang mengikut sukatan pelajaran di negara kita ini hanya ada di Malaysia sahaja, di Semanjung, di Sabah dan Sarawak. Di Singapura tidak ada, di England tidak ada, di Amerika tidak, tempat lain tidak ada. Maka itu tidak wajarlah kalau sekiranya Yang Berhormat mencadangkan supaya semua warganegara Malaysia walaupun mereka itu duduk luar negeri mesti mengikut sukatan pelajaran seperti yang ada di sekolah kita. Wang yang diperlukan ini adalah bagi membantu pegawai-pegawai yang berkhidmat di kedutaan-kedutaan kita yang terpaksa menghadiri sekolah-sekolah yang dipanggil, dengan izin, International School di mana pembayarannya adalah agak tinggi. Maka itu sebahagian daripada bayaran ini iaitu 2/3 kalau tidak silap saya daripada bayaran untuk pelajar itu ditanggung oleh Kerajaan.

Dan kalau sekiranya Yang Berhormat bertanya mengapa mereka ini membawa anak-anak mereka bersama dengan mereka ke luar negeri sewaktu bertugas sedangkan sepatutnya tinggal di negara kita ini untuk mengurangkan perbelanjaan, ini kalau dicadangkan tidak patutlah. Kalau Yang Berhormat sendiri diceraikan dengan anak susah juga—kalau diceraikan dengan isteri lagilah azabnya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pun habis menggulung.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang

sejumlah \$2,500,000 untuk Maksud B. 29 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,500,000 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 30 dan B. 32 (Jadual)—

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 30 dan B. 32 dan Kepala Pembangunan P. 30 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

3.46 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, P. 30—Skim Wang Pinjaman Perumahan. Skim Wang Pinjaman Perumahan adalah usaha Kerajaan untuk membantu rakyat dari golongan berpendapatan rendah membina dan memiliki rumah dengan kadar bayaran balik yang ditetapkan mengikut kemampuan pemohon. Memandangkan bahawa jumlah permohonan yang diluluskan dalam tahun 1984 hanyalah sebanyak 38, manakala ramalan bagi tahun 1985 adalah 100 serta pinjaman perumahan bagi tahun 1984 berjumlah \$4,401 juta dan tahun 1985 dianggarkan berjumlah \$4,621,300. Saya ingin mengetahui penjelasan lanjut mengikut jumlah wang \$767 juta yang dipinjamkan tanpa nasihat-nasihat daripada pakar. Tuan Pengerusi, minta maaf nota yang salah ini. Menurut jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 28hb Mac, 1985 sejumlah 17,361 permohonan pinjaman perumahan telah diberi kepada golongan kakitangan Kerajaan dari Kumpulan C dan D. Jumlah nilai pinjaman adalah

lebih kurang \$1,020 juta dan ini meliputi 82.34% daripada jumlah permohonan dan pinjaman perumahan yang telah diluluskan bagi tahun 1984. Andaian ramalan 100 permohonan itu adalah 0.58% sahaja daripada 17,361 permohonan yang diluluskan, manakala \$767 juta merupakan 75.19% daripada \$1,020 juta, bukankah peruntukan \$767 juta itu terlalu banyak bagi membekalkan pinjaman di bawah Skim Wang Perumahan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggulung.

3.48 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud B. 30 seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, inginalah saya memaklumkan kepada Tuan Pengerusi bahawa tambahan ini dikehendaki untuk menambah peruntukan Skim Wang Pinjaman Perumahan bagi membiayai pinjaman perumahan kepada kakitangan yang layak membuat permohonan.

Untuk makluman seterusnya, seperti kita ketahui, kalau sudah lupa, saya hendak beritahu Yang Berhormat dari Kepong bahawa dalam tahun 1984 kita meluluskan skim ini hanya dengan perbelanjaan peruntukan denda sebanyak \$10 sahaja. Jadi peruntukan sebenarnya tidak dikhaskan tetapi hanya peruntukan tanda sebanyak \$10,000 bagi menampung ataupun menjalankan sekim perumahan ini.

Jadi apabila berjalan tahun 1984 dan sekarang kita membuat perbelanjaan tambahan ini kerana pinjaman sebenarnya berlaku telah bertambah berlipatganda sejak Kerajaan meluluskan pindaan kepada Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan ini. Walaupun mengikut satu surat

perkeliling yang bertarikh 2hb Ogos 1982, melalui Surat Perkeliling Perbendaharaan 22/1982, bahawa syarat-syarat untuk mendapatkan pinjaman ini telah diketatkan tetapi masih lagi permohonan-permohonan telah banyak diterima dan diluluskan. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, quantum pinjaman bagi satu-satu pinjaman itu juga telah dinaikkan dan saya telah beri angka-angka dahulu daripada ini. Untuk makluman sekali lagi, kalau dahulu misalnya pinjaman maksima kira-kira dalam lingkungan \$90,000 atau \$100,000 sahaja sekarang ini pinjaman maksima bagi pegawai-pegawai atasan boleh sampai \$190,000 atau 192,000, ertinya banyak bukan sahaja dari segi bilangan pinjaman tetapi dari segi quantum satu-satu pinjaman pun telah bertambah.

Selain daripada itu juga skim ini diperluaskan dengan mengambilalih skim-skim pinjaman daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, daripada Badan-badan Berkanun dan pihak berkuasa tempatan, jadi ertinya lebih daripada yang dijangka pada permulaannya. Maka itulah, Tuan Pengerusi, wang sebanyak \$767,000,000 ini diperlukan bagi menampung balik bayaran yang telah dibuat kepada peminjam-peminjam di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,781,800 untuk Maksud B. 30 dan \$1,300,000,000 untuk Maksud B. 32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,781,800 untuk Maksud B. 30 dan \$1,300,000,000 untuk Maksud B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$767,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 30 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$767,000,000 untuk Maksud P. 30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud B. 35 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepada Bekalan B. 35 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,728,410 untuk Maksud B. 35 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,728,410 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 40 dan B. 41 (Jadual)—

Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1984)

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 40 dan B. 41 dan Kepala Pembangunan P. 37 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$115,800 untuk Maksud B. 40 dan \$491,600 untuk Maksud B. 41 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$115,800 untuk Maksud B. 40 dan \$491,600 untuk Maksud B. 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 37 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud B. 50 (Jadual)—

Maksud P. 50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 50 dan Kepala Pembangunan P. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$610,000 untuk Maksud B. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$610,000 untuk Maksud B. 50 dan diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$450,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$450,000 untuk Maksud P. 50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud B. 59 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sebanyak \$30,840,200 untuk Maksud B. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,840,200 untuk Maksud B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P. 63 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

4.00 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, jumlah projek bagi Jalan Raya Timur/Barat (Fasa II) adalah \$240,000,000 dengan perbelanjaan sebenar bagi tempoh masa tahun 1976 hingga 1980 sebanyak \$500,254 dan anggaran bagi tahun 1981 hingga 1985 adalah \$17,779,200. Perbelanjaan sebenar adalah berjumlah \$8,279,197. Memandangkan bahawa jumlah peruntukan untuk projek ini hanyalah \$9.5 juta yang diminta dan juga keadaan jalan raya di negara kita yang seringkali runtuh atau tenggelam, contohnya sepanjang 5 kilometer daripada Interchange Port Dickson ke

Senawang, tidaklah menghairankan jika peruntukan ini didapati tidak mencukupi. Adakah Kerajaan bercadang menutupi kos lebihan melalui pengutipan tol.

Tuan Pengerusi, satu lagi projek pembinaan adalah Jalan Alternatif Gantian Kampung Baru Subang/ Kampung Batu 3, Selangor yang berharga \$48,000,000. Perbelanjaan setakat tempoh masa tahun 1981 hingga 1985 dianggarkan pada \$18,027,450 manakala perbelanjaan sebenar dianggar pada \$13,217,440. Dengan peruntukan sebanyak \$3.95 bagaimanakah Kerajaan akan menutupi kos lebihan perbelanjaan dengan peruntukan yang merupakan 23% daripada jumlahnya. Sekian.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kerjaraya, soal mengenai tol daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa sudah dijawab di dalam Dewan ini beberapa kali. Tol hanya akan dikutip mengikut keperluan untuk membina dan menyelenggara jalan-jalan raya di negara kita.

Mengenai perbelanjaan bagi jalan yang disebutkan oleh beliau itu berlubang, perkara perbelanjaan itu masalahnya anggaran yang dimasukkan adalah anggaran yang dibuat sebelum tahun itu bermula dan sebelum projek itu bermula. Jadi jumlah wang yang tidak mencukupi akan dibiayai dengan Anggaran Perbelanjaan Tambahan pada masa yang sesuai.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,500,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,500,000 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud B. 64 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B. 64 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,017,300 untuk Maksud B. 64 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,017,300 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 67 (Jadual)—

Maksud P. 67 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 67 dan Maksud P. 67 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$20,284,900 untuk Maksud B. 67 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,284,900 untuk Maksud B. 67 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,232,230 yang disebutkan dalam Maksud P. 67 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,232,230 untuk Maksud P. 67 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Tuan Pengerusi: Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$818,690,850 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$818,690,850 bagi Maksud-maksud dan Butiran butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek dalam ruang kesebelas dan duabelas nyata tersebut disetujui.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Ketiga

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Saya mencadangkan Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$818,690,850 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$818,690,850 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984 yang

dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut disetujukan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$818,690,850 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$818,690,850 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut disetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$818,690,850 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$818,690,850

bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas atau kedua belas penyata tersebut disetujukan.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga perkara 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga perkara 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-
LANGKAH PENCEGAHAN KHAS),
1984**

DAN

**LAPORAN JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS—PERKENANKAN**

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dibacakan kali yang kedua sekarang dan Bahawa Laporan Jawatankuasa Pilihanraya Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 17hb oktober, 1984 untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dan membuat syor ke atasnya, yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR. 1 Tahun 1985, diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pilihan Khas telah mengadakan mesyuarat sebanyak 26 kali dan telah membuat lawatan ke beberapa tempat di seluruh negara bagi menemui orang ramai untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran mereka mengenai Rang Undang-undang itu. Tempat-tempat yang dilawati oleh Jawatankuasa ini ialah Kota Bharu, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Ipoh selain daripada perbicaraan yang diadakan di Kuala Lumpur.

Sebanyak 421 buah kesatuan dan pertubuhan dan juga 42 orang perseorangan telah memberi pendapat

mereka mengenai Rang Undang-undang itu. Tindak balas orang ramai semasa diadakan perbicaraan amatlah menggalakkan dan pandangan yang diterima dalam bentuk memoranda dan surat-surat amatlah banyak sekali. Ianya satu petanda yang baik tentang kebimbangan orang ramai mengenai ancaman dadah yang mengancam keselamatan negara kita. Semua rakyat Malaysia yang cintakan tanahair dan berfikiran waras mahu melihat ancaman dadah dikawal dan dikurangkan jika tidak pun, dihapuskan sama sekali. Hampir semua orang ramai yang datang menemui Jawatankuasa mengalu dan menyokong langkah menubuhkan satu Jawaankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji satu Rang Undang-undang sebelum ianya dikemukakan bagi bacaan kali yang kedua di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa mengambil perhatian iaitu sungguhpun orang ramai bersetuju bahawa masalah ancaman dadah perlu dihapuskan, ramai orang melahirkan kebimbangan yang serius mengenai Rang Undang-undang itu oleh kerana ia memperuntukkan tahanan pencegahan tanpa perbicaraan. Di antara bantahan-bantahan yang dikemukakan adalah bahawa tahanan pencegahan tanpa perbicaraan, melanggar hak-hak asasi manusia dan kebebasan asasi sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 5, 9 dan 10 Perlembagaan Persekutuan. Ada juga yang mendakwa bahawa Rang Undang-undang itu menyebabkan cawangan Executive Kerajaan dalam kes ini, pihak Polis dan Menteri Dalam Negeri menjadi Pendakwa dan Hakim. Oleh itu adalah satu pencabulan kepada prinsip perasingan kuasa. Ada pula yang menyatakan bahawa mengadakan satu undang-undang lagi yang serupa dengan kedua-dua undang-undang yang sedia ada yang membenarkan tahanan pencegahan tanpa perbicaraan akan seterusnya menghakis kebebasan

dan hak-hak asasi manusia sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan.

Jawatankuasa sedar bahawa Ordinan Darurat sekarang ini digunakan untuk menahan orang-orang yang disyaki terlibat dengan pengedaran dadah. Walau bagaimanapun, tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah Ordinan Darurat tersebut adalah terhad kepada dua tahun maksima. Jawatankuasa berpendapat bahawa kemungkinan tahanan atau sekatan yang tidak ditetapkan tempohnya bukan sahaja akan menyebabkan kegelisahan dan ketidak tentuan tetapi akan juga menjadi pencegahan yang berkesan kepada orang yang berkenaan. Setelah mengkaji corak pengedaran kumpulan-kumpulan dadah yang tersusun rapi, Jawatankuasa yakin bahawa undang-undang dan prosedur-prosedur sekarang adalah tidak cukup untuk menyelesaikan masalah pengedaran dadah.

Dalam beberapa tahun yang lepas ramai juga orang telah ditangkap, dibicara, disabit, dan dihukum mati kerana memiliki dadah berbahaya melebihi had tertentu mengikut seksyen 39 Akta Dadah Berbahaya 1952. Jawatankuasa bagaimanapun mengambil ingatan bahawa orang-orang ini cuma pengedar dadah secara kecilan (drug peddlars) dan orang-orang upahan (couriers) yang hanya merupakan sebahagian daripada jentera untuk pengedaran dadah. Tindakan tidak dapat diambil secara berkesan ke atas pengusaha-pengusaha dan pemodal-pemodal kumpulan dadah serta juga rakan-rakan jenayah yang lain yang tidak membawa secara physical atau mengurus dadah secara terus. Orang-orang ini telah dapat mengelak dari tangkapan oleh sebab bukti yang tidak cukup bagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang sekarang. manakala pengedar

dadah secara kecilan dan orang-orang upahan mereka menghadapi hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa sedar bahawa ancaman dadah tidak boleh diselesaikan secara perundangan sahaja, bahawa usaha-usaha ke arah pemulihan dan pengajaran adalah sama pentingnya, lebih-lebih lagi dalam usaha membentasi penyalahgunaan dadah dalam jangka panjang. Selepas pertimbangan yang cermat, Jawatankuasa berpendapat bahawa ancaman dadah di negara ini sudah cukup berat untuk mengancam jalinan sosial dan keselamatan negara dan oleh itu memerlukan langkah-langkah keras yang tertentu diambil untuk mengawal masalah ini. Memandangkan ancaman kepada keselamatan negara akibat ancaman dadah ini, Jawatankuasa bersetuju perlunya diadakan undang-undang seperti itu.

Walaupun bagaimanapun adalah dicadangkan bahawa peruntukan-peruntukan yang secukupnya akan dimasukkan bagi perlindungan, kawalan dan perseimbangan. Dalam hal ini, Jawatankuasa semasa memperakukan satu Rang Undang-undang yang memperuntukkan tahanan tanpa perbicaraan sedar akan tanggungjawabnya dan juga Perlimen sebagai satu Dewan perundangan untuk menentukan pengelakan sebarang salah guna kuasa yang mungkin berlaku. Oleh itu Jawatankuasa mencadangkan dimasukkan peruntukan bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 itu hendaklah kekal berkuatkuasa bagi tempoh selama 5 tahun melainkan dilanjutkan tempohnya oleh resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen.

Peruntukan supaya Rang Undang-undang itu luput dengan sendirinya selepas 5 tahun melainkan dibaharui oleh Parlimen adalah gambaran

kepercayaan Jawatankuasa bahawa mana-mana undang-undang yang melanggar kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang tidak patut wujud selepas kegunaannya tidak diperlukan lagi dan apabila keadaan dan sebab-sebab memaksa yang lain semasa ia diperkenalkan dahulu tidak lagi benar.

Ini adalah satu mekanisma yang sedia ada, dengan izin, in-built mechanism yang mendedahkan Rang Undang-undang tersebut kepada penelitian orang ramai secara berterusan selama tempoh 5 tahun. Ini akan memberi peluang kepada rakyat dan wakil-wakil mereka menyemak keberkesanan Rang Undang-undang itu dalam masa 5 tahun. Rang undang-undang ini tidak akan dilanjutkan tempohnya jika didapati telah digunakan sebagai senjata untuk disalahgunakan dengan sewenang-wenangnya akibat dari bantahan orang ramai yang akan disuarakan melalui wakil-wakil mereka di Parlimen.

Had masa 5 tahun ini akan menanam rasa peri mustahaknya disegerakan di kalangan semua yang berkenaan terutamanya agensi-agensi penguatkuasaan dalam usaha mereka menentang ancaman dadah. Ia juga sentiasa menjadi peringatan kepada pihak-pihak berkuasa tentang penguatkuasaan yang perlunya cekap dan berkesan dan lebih penting lagi adil dan saksama oleh kerana prestasi mereka akan diukur apabila tamat 5 tahun itu.

Pada pandangan Jawatankuasa ini adalah selari dengan galakan pemimpin-pemimpin negara dengan pendekatan yang lebih liberal dan terbuka mengenai isu dan masalah penting Negara.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai termasuk mereka yang menyokong perlunya diadakan suatu Rang Undang-undang mengenai tahanan tanpa percubaan merasa bimbang

tentang kemungkinan penyalahgunaan kuasa kerana Rang Undang-undang itu memberi kuasa yang luas kepada pihak Polis yang mungkin disalahgunakan.

Apa yang ditakuti sekali oleh orang ramai ialah peruntukan di bawah Fasal 3 (1) yang membenarkan mana-mana pegawai Polis iaitu tidak mengira pangkat, dari Konstabel hinggalah ke Ketua Polis Negara tanpa waran menangkap dan menahan bagi tujuan menjalankan penyiasatan sesiapa sahaja yang dipercayai ada hubungan dengan apa sahaja aktiviti-aktiviti bersangkut atau terlibat dengan pendedaran dadah berbahaya.

Orang ramai berasa bimbang tangkapan tanpa waran ini mungkin terdedah kepada penyalahgunaan kuasa dalam bentuk peras ugut, ugutan dan tuduhan palsu disebabkan perasaan sakit hati dan lain-lain lagi.

Sebenarnya rasa takut kepada kemungkinan penyalahgunaan kuasa terletak kepada teras pertimbangan kepada hak-hak asasi manusia dan kebebasan-kebebasan asasi. Ini juga menjadi asas kepada tentangan yang dibuat oleh setengah kumpulan ke atas keseluruhan Rang Undang-undang itu. Ada juga cadangan dari orang ramai supaya satu waran perlu didapati sebab tangkapan dibuat dan tangkapan itu dibuat oleh seorang pegawai Polis yang berpangkat Inspektor atau yang berpangkat lebih tinggi dan orang yang ditangkap mesti dihadapkan kepada seorang Magistrate mengikut tempoh masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa mengambil perhatian tentang kebimbangan orang ramai berhubung dengan kemungkinan penyalahgunaan kuasa. Oleh kerana itulah Jawatankuasa menggunakan masa dan usaha yang banyak untuk meneliti prosedur tangkapan dan penyiasatan berikutnya dan membincangkan cara-cara memperkenalkan perlindungan

yang mencukupi supaya kemungkinan penyalahgunaan kuasa dikurangkan.

Jawatankuasa telah menimbang dengan serius cadangan untuk membenarkan tangkapan permulaan dibuat hanya oleh pegawai-pegawai Polis yang berpangkat lebih tinggi dan memutuskan bahawa ini tidak praktikal.

Ini ialah oleh kerana dalam sesuatu operasi yang melibatkan pegawai-pegawai Polis dari berbagai pangkat tindakan membuat tangkapan biasanya dilakukan oleh seorang Konstabel. Sekiranya sekatan ke atas pangkat dibenarkan tangkapan yang dibuat oleh seorang Konstabel akan dianggap menyalahi undang-undang dan orang yang ditangkap mesti dibebaskan. Yang lebih penting ialah apa yang berlaku selepas tangkapan dibuat.

Fasal 3 (2) (c) Rang Undang-undang itu membuat peruntukan bagi seorang pegawai Polis yang berpangkat Timbalan Penguasa atau berpangkat lebih tinggi membenarkan lanjutan tahanan melebihi 30 hari bagi maksud menjalankan penyiasatan. Sebagai perlindungan lanjut, Jawatankuasa bercadang memendekkan tempoh selama 30 hari itu menjadi 14 hari supaya pihak-pihak berkuasa yang berpangkat lebih tinggi akan dapat diberitahu mengenai tangkapan itu dalam satu tempoh yang lebih singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa mengakui bahawa perlindungan-perlindungan yang dicadangkan adalah masih merupakan perkara dalam kepada pihak Polis. Oleh itu dapat dihujahkan bahawa ini masih membolehkan berlakunya penyalahgunaan kuasa dalam satu bentuk atau lain. Semua kemungkinan ini wujud seperti juga kemungkinan seorang Magistrate setuju melanjutkan tempoh tahanan dalam jagaan Polis tanpa meneliti sehalus-halusnya kes itu.

Walau bagaimanapun Jawatankuasa merasa bahawa satu proses dalam sepatutnya ada sebagai peringkat pertama untuk mengawal dan memperseimbangkan bagi menghadapi kemungkinan kemahuan sesukahati seseorang individu. Apa yang boleh diperkenalkan ialah sebuah badan penyiasat bebas, bebas dalam ertikata di luar kekuasaan Polis.

Jawatankuasa dengan itu bercadang untuk memasukkan peruntukan Pegawai Siasatan yang bertanggungjawab meneliti penyiasatan Polis dengan memanggil saksi-saksi dan lain-lain dan mengemukakan laporannya secara berasingan yang perlu dipertimbangkan oleh Menteri bersama-sama dengan laporan siasatan Polis sebelum Menteri membuat keputusan. Sebagai tambahan, Jawatankuasa merasakan ada perlunya diwujudkan satu peruntukan berhubung dengan merekodkan pertanyaan oleh seorang pegawai Polis semasa siasatan Polis dijalankan.

Pertanyaan-pertanyaan yang diberi oleh orang-orang yang mengetahui faktor-faktor kes itu mesti ditandatangani oleh orang-orang yang membuat pernyataan tersebut atau meletakkan cap jarinya mana yang berkenaan selepas pernyataan dibacakan kepadanya dalam bahasa yang ditulis dan selepas ia diberi peluang membuat pembetulan jika ia mahu.

Ini adalah satu perlindungan untuk memastikan bahawa pegawai Polis tidak dapat mengada-adakan pernyataan dari saksi-saksi semasa siasatan dijalankan.

Dengan terdapatnya peruntukan ini akan membolehkan Menteri mendapatkan pernyataan-pernyataan yang direkodkan dengan betul untuk memuaskan hatinya sebelum Menteri itu mengeluarkan perintah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, dalam mana-mana sistem perlindungan, tidak ada jaminan 100% bahawa kesilapan manusia tidak akan berlaku. Apa yang boleh kita harap ialah mengurangkan kesilapan manusia seperti itu, dari segi ini tiap-tiap seorang itu mempunyai peranan masing-masing seperti agensi-agensi penguatkuasaan dan juga orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 (2) Rang Undang-undang itu merupakan Fasal yang menerima paling banyak komen dari orang ramai iaitu tentang tempoh penyiasatan selama 60 hari. Ada yang bersetuju dengan tempoh tahanan 60 hari untuk tujuan penyiasatan, ada pula yang berpendapat bahawa tempoh 60 hari itu adalah terlalu lama dan patut dikurangkan. Sungguhpun tempoh alternative yang dicadangkan banyak berbeza, tetapi kebimbangan orang ramai pada keseluruhannya adalah penyalahgunaan kuasa perlu dielakkan dan kesusahan yang dialami oleh orang yang disyaki yang mungkin tidak bersalah perlu diringkaskan, terdapat juga kebimbangan bahawa semakin lama tempoh tahanan semakin besar kemungkinan bahawa pihak Polis akan menggunakan siksaan atau lain-lain taktik kekerasan.

Satu lagi hujah yang menyokong tempoh tahanan yang singkat ialah untuk menggalakkan pihak Polis menjadi lebih cekap dalam penyiasatan mereka. Orang ramai juga berpendapat tempoh tahanan yang singkat itu akan menggalakkan pihak Polis menyiasat sesuatu kes dengan sempurna dan menyeluruh sebelum membuat apa-apa tangkapan di bawah Fasal 3 (1). Sebaliknya pula ada mereka yang berpendapat bahawa tempoh tahanan 60 hari itu patut dilanjutkan kepada 90 hari, berasaskan hujah bahawa masa yang panjang akan memudahkan penyiasatan yang lebih menyeluruh dan lebih adil kepada orang yang disyaki.

Selepas meneliti prosedur penyiasatan, Jawatankuasa yakin jika tempoh siasatan itu dikurangkan, maka proses penyiasatan akan terganggu dan akan menyebabkan ketidakadilan kepada individu dan masyarakat. Proses penyiasatan Polis melibatkan pemeriksaan balas yang berhati-hati ke atas maklumat yang diterima, penyusunan laporan-laporan serta penyediaan, pernyataan dan lain-lain lagi. Dengan mengambilkira faktor-faktor ini Jawatankuasa berpendapat bahawa tempoh 60 hari itu patut dikekalkan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mencadangkan bahawa peruntukan dalaman selama 60 hari itu dibuat oleh Menteri melalui kuasa membuat peraturan-pertaturan mengikut peruntukan di bawah Fasal 20 Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Penasihat adalah satu lagi tajuk yang menarik minat ramai semasa Jawatankuasa berhadapan dengan orang ramai. Ramai di kalangan mereka yang menyentuh tajuk ini berpendapat bahawa peranan Lembaga Penasihat semasa mendengar representasi-representasi atau mengkaji semula kes-kes di bawah Rang Undang-undang itu sepatutnya tidak hanya bercorak penasihat sahaja seperti yang terdapat di bawah Ordinan Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebahagian daripada mereka juga menyarankan supaya bilangan Ahli Lembaga Penasihat ditambah sebagai mewakili satu cross section penduduk, terdapat juga cadangan-cadangan supaya kajian semula oleh Lembaga diadakan tiap-tiap 3 bulan sekali dan tidak 6 bulan sekali. Ini akan membolehkan seseorang itu dibebaskan lebih awal jika penahanan terhadapnya tidak perlu. Sebaliknya, terdapat juga cadangan-cadangan untuk melanjutkan tempoh antara kajian semula.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa bersetuju dengan pandangan orang ramai bahawa Lembaga Penasihat tidak berperanan sebagai penasihat semata-mata, bagaimanapun syor-syor Lembaga tidak boleh terikat ke atas Yang Di-Pertuan Agong kerana peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang mengenai proses representasi-representasi yang dibuat oleh seorang yang disampaikan dengan perintah tahanan di bawah Fasal 7 hendaklah consistent dengan Perkara 151 (1) Perlembagaan negara kita. Bagaimanapun sebagai salah satu daripada perundingan utama untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, Jawatankuasa mencadangkan apabila Lembaga Penasihat mengkaji semula sesuatu kes dan membuat syor supaya perintah tahanan atau sekatan tahanan itu ditamatkan, maka syor tersebut hendaklah terikat ke atas Menteri.

Mengenai kekerapan kajian semula oleh Lembaga Penasihat, Jawatankuasa mencadangkan supaya satu kajian semula diadakan tidak awal dari 12 bulan dari tarikh perintah tahanan atau sekatan, tetapi tidak lewat daripada 3 bulan sebelum tamat tempoh perintah tersebut. Dalam lain perkataan, hanya satu kajian semula sahaja yang akan diadakan oleh Lembaga dalam tempoh tahanan atau sekatan selama 2 tahun. Cadangan ini dibuat memandangkan beban kerja yang berat kerana setiap kajian melibatkan temusol secara extensive dengan semua kakitangan pusat tahanan polis dan orang tahanan atau orang sekatan. Adalah dijangkakan bahawa Lembaga Penasihat akan terpaksa mengkaji semula hampir 400 kes sebulan menjelang tahun 1987 dan lebih kurang 600 kes sebulan menjelang tahun 1989, tambahan pula Lembaga Penasihat juga terpaksa menampung representasi-representasi yang dibuat oleh mereka yang ditahan. Oleh itu, beban kerja Lembaga akan menjadi terlalu berat dan ini mungkin mengakibatkan keputusan yang

terburu-buru, yang mungkin menjadi tidak adil kepada individu-individu yang berkenaan. Walaupun cadangan ini dibuat berasaskan kepada pertimbangan pragmatic, ini adalah adil dan saksama memandangkan beberapa perlindungan yang dimasukkan, khususnya peruntukan bahawa syor-syor Lembaga Penasihat semasa mengkaji semula kes-kes akan terikat kepada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa tidak dapat menimbang cadangan untuk menambahkan bilangan Ahli Lembaga Penasihat kerana Perkara 151 (1) (2) Perlembagaan menghadkan komposisi-komposisi Lembaga Penasihat pada hanya 3 orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sebilangan individu dan pertubuhan berpendapat bahawa sebagai satu perlindungan terhadap penyalahgunaan kuasa, kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan pembelaan oleh peguam mestilah dinyatakan dengan jelas dalam Rang Undang-undang itu, pembelaan peguam hendaklah dibenarkan semasa:

- (i) tempoh penyiasatan 60 hari;
- (ii) representasi-representasi kepada Lembaga Penasihat; dan
- (iii) kajian semula oleh Lembaga Penasihat.

Selepas menimbang dengan teliti Jawatankuasa berpendapat bahawa lawatan-lawatan oleh peguam dalam tempoh penyiasatan 60 hari itu akan merumitkan proses penyiasatan.

Amalan di bawah Kanun Acara Jenayah ialah meletakkan perkara itu di bawah budi-bicara pihak Polis, lawatan-lawatan selalunya dibenar selepas selesainya penyiasatan. Atas alasan inilah Mahkamah Persekutuan dalam tahun 1975 telah memutuskan menolak rayuan satu kes mengenai seorang pegawai penyiasat yang tidak

membenarkan lawatan oleh peguam. Bagaimanapun hak pembelaan oleh peguam semasa membuat representasi-representasi kepada Lembaga Penasihat dan semasa kajian semula telah pun diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah Acara 1972 di mana mengikut seksyen kecil 3, Fasal 20 Rang Undang-undang hendaklah disifatkan telah dibuat atau diberi di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang memberi pendapat mengenai peruntukan Rang Undang-undang itu menggesa Jawatankuasa meminda Fasal 16 supaya nama dan butir-butir mengenai seseorang itu dikekalkan selama-lamanya di dalam daftar yang disimpan bagi maksud Rang Undang-undang itu walaupun selepas perintah tahanan atau sekatan telah tamat atau dibatalkan atau dimansuhkan. Mereka berpendapat bahawa ini akan memudahkan tugas mengawasi orang itu dan boleh berfungsi sebagai suatu pencegahan. Jawatankuasa berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan di dalam Fasal 16 dikekalkan mengikut yang sedia ada oleh kerana pendaftaran di dalam daftar hanya bagi maksud-maksud rekod dan pentadbiran pada tempoh masa tahanan dan sekatan dan orang yang ditahan atau dikenakan sekatan mengikut Rang Undang-undang itu bukan seorang penjenayah dari hakikat sebenarnya oleh kerana dia tidak dibicara dan disabitkan kesalahan di dalam sebuah mahkamah undang-undang. Juga butir-butir itu tidak boleh dipergunakan dengan cara yang sama seperti rekod sabitan kesalahan lama di dalam sebuah mahkamah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar orang ramai yang memberi pendapat mengenai Fasal 6 Rang Undang-undang itu berasa bahawa rempoh tahanan atau sekatan sepatutnya berjalan berturut-turut

dengan mana-mana tempoh pemenjaraan dan bukan berjalan serentak, oleh kerana dalam pendapat mereka tiap-tiap satunya adalah bagi 2 kesalahan yang berasingan. Jawatankuasa berpendapat bahawa Fasal 6 dikekalkan oleh kerana tujuan tahanan atau sekatan mengikut Rang Undang-undang itu ialah bercorak pencegahan. Oleh itu, jika seseorang dikenakan perintah tahanan atau sekatan mengikut Rang Undang-undang itu dihukum satu tempoh pemenjaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Rang Undang-undang itu atau lain-lain undang-undang bertulis, kesan pencegahan itu akan juga tercapai sekiranya kedua-dua tempoh itu berjalan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mengambil kira pendapat orang ramai dan dengan teliti menimbang keperluan memerangi ancaman dadah bagi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan negara di satu pihak dan keperluan melindungi kebebasan asasi individu di satu pihak yang lain, Jawatankuasa mencadang pindaan-pindaan seperti berikut kepada Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984:

- (1) Rang Undang-undang itu selepas menjadi undang-undang akan berkuatkuasa bagi satu tempoh selama 5 tahun, melainkan dilanjutkan melalui satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen;
- (2) sementara mana-mana pegawai polis tidak kira pangkat, boleh membuat tangkapan tanpa waran ke atas seorang yang disyaki kebenaran dari pegawai-pegawai berpangkat lebih tinggi adalah diperlukan bagi tahanan lanjutan seperti berikut:
 - (a) seorang pegawai yang berpangkat Inspektor atau

- lebih tinggi bagi tahanan melebihi 24 jam;
- (b) seorang pegawai yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau lebih tinggi bagi tahanan melebihi 48 jam;
- (c) seorang pegawai yang berpangkat Timbalan Penguasa Polis atau lebih tinggi bagi tahanan yang melebihi 14 hari.
- (3) Peruntukan bagi seorang Pegawai Siasatan diwujudkan di dalam Rang Undang-undang ini. Fungsi Pegawai Siasatan itu ialah mengkaji laporan penyiasatan polis dan mengemukakan satu laporan bebas kepada Menteri sebelum Menteri membuat keputusan;
- (4) tempoh tahanan untuk menjalankan siasatan dikekalkan selama 60 hari, tetapi dicadangkan bahawa peruntukan dalaman selama 60 hari itu dibuat oleh Menteri melalui kuasa membuat peraturan-peraturan mengikut peruntukan di bawah Fasal 20;
- (5) sesuai dengan perkara 151 (1) Perlembagaan Persekutuan, Lembaga Penasihat akan menimbang representasi-representasi yang dibuat oleh seorang yang ditahan di bawah Rang Undang-undang itu dan membuat syor-syor selepas itu kepada Yang di-Pertuan Agong di dalam tempoh masa 3 bulan selepas menerima representasi-representasi itu dan bukan di dalam tempoh masa 3 bulan dari tarikh tahanan sepertimana asalnya diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang itu;
- (6) memandangkan beban kerja Lembaga Penasihat yang dikehendaki mendengar representasi-representasi dan

menjalankan kajian-kajian semula dan memandangkan pindaan yang memperuntukkan bahawa syor-syor Lembaga Penasihat akan mengikat kepada Menteri, maka tempoh masa kajian semula selama 6 bulan itu dipinda. Kajian semula akan dibuat tidak awal dari 12 bulan dari tarikh perintah tahanan atau sekatan, tetapi tidak lewat dari 3 bulan sebelum tarikh berakhirnya perintah tahanan atau sekatan itu. Ini bermakna bahawa sesuatu kes akan dikaji semula oleh Lembaga Penasihat sekurang-kurangnya sekali sebelum berakhirnya perintah tahanan itu. Walau bagaimanapun, Menteri boleh pada bila-bila masa sahaja memerintahkan Lembaga Penasihat mengkaji semula sesuatu kes sekiranya didapati perlu;

- (7) jika Lembaga Penasihat telah melaporkan bahawa pada pendapatnya tahanan atau sekatan itu patut dihentikan, Menteri hendaklah membatalkan perintah tahanan atau perintah sekatan itu, di sebaliknya jika Lembaga Penasihat telah melaporkan bahawa pada pendapatnya tahanan atau sekatan itu patut diteruskan atau dilanjutkan, Menteri boleh meneruskan atau melanjutkan tahanan atau sekatan orang yang berkenaan. Dengan lain perkataan, Menteri mempunyai budibicara untuk hanya menamatkan perintah tahanan atau sekatan sungguhpun disyorkan oleh Lembaga Penasihat supaya perintah tahanan atau sekatan diteruskan atau dilanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang Dadah

Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 adalah dilampirkan bersama-sama laporan ini bertanda sebagai "Lampiran A" dan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) sebagaimana yang telah dipinda adalah juga dilampirkan bersama-sama laporan ini bertanda "Lampiran A1". Ada juga beberapa pindaan berbangkit untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang itu sesuai dengan semangat dan isi pindaan-pindaan yang tersebut di atas. Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang itu akan menjadi perlindungan yang mencukupi sebagai menghalang terhadap penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang berkuasa. Oleh kerana pindaan-pindaan ini mencerminkan kehendak orang ramai, Jawatankuasa ini berasa bahawa ia telah dapat mencapai keseimbangan yang sederhana di antara keperluan memerangi ancaman dadah di atas kepentingan keselamatan negara dan perimustahaknya kebebasan asasi untuk individu dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa berpendapat bahawa penyertaan aktif oleh orang ramai dalam satu Rang Undang-undang yang amat penting ini sebelum ianya dibentangkan di Dewan Rakyat mencerminkan kematangan dan kepercayaan mereka di dalam sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

4.49 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendapat tahu kerja yang dibuat untuk menyasat, mengkaji dengan sedalam-dalamnya perkara ini, tetapi ada setengah-setengah yang saya tidak dapat bersetuju dengannya. Walaupun kami bersetuju dengan usaha-usaha untuk menghapuskan ancaman dadah di negara ini, DAP tidak dapat menyokong Rang Undang-undang ini kerana ia menjejaskan hak asasi manusia dengan amalan penahanan tanpa perbicaraan.

Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) Tahun 1984, Lampiran-lampiran serta memorandum-memorandum yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini telah jelas menunjukkan betapa bimbangannya segala lapisan masyarakat mengenai ancaman dadah di negara ini. Berbagai pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh pihak yang tertentu mengenainya.

Saya mengakui bahawa penubuhan Jawatankuasa Pilihanraya Khas dan penemuannya dengan orang ramai merupakan satu langkah ke arah yang betul. Walaupun memorandum-memorandum daripada pihak DAP telah dikembarkan di dalam lampiran-lampiran laporan Jawatankuasa tersebut dan pandangan DAP tersirat di dalam laporan itu sendiri dalam 3 perenggan, saya berpendapat bahawa sekiranya pandangan DAP tentang Rang Undang-undang tersebut dibentangkan sebagai laporan minority, maka ia merupakan satu langkah yang lebih wajar. Oleh itu saya hendak mengulangi kebanyakan

pendapat dan cadangan untuk menunjukkan betapa seriusnya DAP memandang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kami bersetuju dengan kebanyakan langkah yang diambil untuk mencegah ancaman dadah yang telah menjadi musuh yang pertama yang mengancam keselamatan negara kita dan kita pun mendapat tahu bahawa sejumlah 90% bekas penagih dadah didapati kembali menjadi penagih setelah dipulihkan. Ini merupakan masalah yang susah hendak mengatasi. Akan tetapi usaha-usaha yang digunakan tidak sepatutnya mencero bohi hak asasi manusia.

Penahanan seseorang berdasarkan kepada syak-wasangka sahaja tanpa perbicaraan serta pemberian kuasa sewenang-wenangnya kepada Menteri telah melanggar hak asasi manusia. Kami tidak dapat menerima amalan seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini, misalnya yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat fasal 3 (1) mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran dan menahan sementara menanti siasatan mana-mana orang yang berkenaan dengannya, dia mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan penahanan orang itu di bawah subseksyen (1), seksyen 4. Ini merupakan suatu kuasa sewenang-wenangnya yang boleh disalahgunakan dan jaminan yang telah diberi tadi tidak boleh memberi satu langkah yang konkrit untuk menjawab soalan yang timbul di kalangan orang ramai.

Undang-undang yang terdapat sekarang adalah mencukupi sekiranya dikuatkuasakan dengan sewajarnya seperti, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Restricted Residence Ordinance 1933, Pravection of Crime Ordinance 1959, ISA 1960 dan Emergency Ordinance 1969. Oleh itu kami tidak dapat menerima cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas bahawa

Rang Undang-undang ini selepas diluluskan menjadi undang-undang akan berkuatkuasa bagi satu tempoh selama 5 tahun melainkan melalui satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen. Saya berharap sebahagian besar daripada Ahli Yang Berhormat tidak akan menyokong Rang Undang-undang ini.

Sekiranya majoriti Barisan Nasional tidak dapat mempertimbangkan pencabulan hak-hak asasi dan kebebasan asas yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini maka nescaya ia akan dapat diluluskan dengan majoriti. Dengan yang demikian cadangan alternatif saya adalah seperti berikut. Saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan:

- (1) Orang tahanan hendaklah dihadapkan ke mahkamah dalam tempoh 2 tahun ia ditahankan.
- (2) Sekiranya pihak Kerajaan tidak mempunyai bukti yang lengkap untuk mendakwa orang tahanan itu dalam tempoh 2 tahun, maka orang tahanan itu patut dibebaskan.
- (3) Tempoh tahanan tidak seharusnya lebih daripada 4 tahun.
- (4) Walaupun ada peruntukan iaitu satu tempoh selama 5 tahun melainkan dilanjutkan melalui satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen, Rang Undang-undang ini hendaklah dibatalkan secara otomatis selepas tidak lama daripada 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah diperingatkan bahawa seandainya seorang pengedar dadah telah ditahan selama 2 tahun, maka empayer penyeludupan dan pengedaran dadahnya akan hilang kecuali jika pihak polis tidak berupaya untuk mengawalinya. Ketidakcekapan polis

boleh memberi peluang kepada penjenayah untuk menyelenggarakan aktiviti-aktivitinya dari tempat tahanan. Sekiranya pihak polis benar-benar Bersih, Cekap dan Amanah seperti yang disarankan, maka penjenayah-penjenayah akan hilang hubungan pokoknya dengan luar dalam tempoh 2 tahun dan saya percaya tidak dalam tempoh 4 tahun itu, hubungan ini akan putus sama sekali. Oleh itu, selepas dia ditahan 2 tahun orang yang berkenaan hendaklah dihadapkan ke mahkamah. Jikalau dalam tempoh 2 tahun pihak Polis tidak berjaya mendapat bukti yang cukup untuk perbicaraan maka orang tahanan itu haruslah dibebaskan. Jika penahanan dilanjutkan ia menunjukkan ketidakcekapan pihak Polis untuk mendapat bukti yang lengkap. Setiap orang tahanan yang disyaki sebagai pengedar dadah tidak seharusnya ditahan lebih daripada 4 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua pihak dapat mempertimbangkan cadangan ini malah penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas, penemuannya dengan orang ramai serta memorandum-memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pihak haruslah dipandang dengan serius, janganlah sekali-kali melepaskan batuk di tangga sahaja, perbuatan memandang sepi suara dan aspirasi rakyat merupakan satu tamparan hebat kepada prinsip demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas telah mengemukakan satu kenyataan yang amat jelas iaitu kebimbangan orang ramai terhadap penyalahgunaan kuasa oleh kedua-dua pihak Polis dan Menteri. Persoalan yang ditekankan telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu:

Pertama, orang ramai merayu supaya Yang Berhormat Menteri

memendekkan masa penahanan oleh Polis dari 60 hari kepada 30 hari.

Yang kedua, perolehan waran sebelum melakukan penahanan.

Yang ketiga, menghadkan kuasa pegawai Polis yang berhak menahan orang yang disyaki pengedar dadah kepada sekurang-kurangnya pangkat ASP. Saya sedar Yang Berhormat telah menerangkan bagaimana ini tidak boleh dilakukan.

Yang Keempat, mengalih kuasa penahanan kepada Majistret mengikut Kanun Acara Jenayah Seksyen 117 bila hendak melanjutkan tempoh penahanan.

Yang kelima, memberikan Lembaga Penasihat lebih kuasa supaya Menteri mesti mempertimbangkan syor-syor Lembaga ini.

Yang Keenam, keganasan, keseksaan Polis dalam mencongkil maklumat daripada banduan dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, para profesional serta mereka yang lebih berpengetahuan tentang seluk beluk undang-undang telah menghulurkan kritikan yang lebih membina dan tepat apabila mereka mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini telah menjejaskan has asasi manusia sama seperti Akta Darurat dan ISA. Kebimbangan penyalahgunaan kuasa oleh pihak Polis dan Menteri adalah satu yang wajar oleh kerana ini melibatkan soal-soal hak asasi individu tidak kira sebarang apa jaminan yang diberi oleh Kerajaan, Fasal 3 (1) harus dibatalkan.

Walaupun pihak Jawatankuasa telah mencadangkan bahawa masa tahanan dipendekkan kepada 14 hari sahaja, pihak berkuasa yang lebih tinggi pangkat mereka mengetahui dengan

lebih cepat tentang penahanan seseorang yang disyaki pengedar dadah, cadangan ini masih tidak dapat menghadkan kuasa sewenang-wenangnya yang telah diberikan kepada pihak Polis untuk menahan seseorang atas dasar-dasar syak wasangka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penahanan tanpa perbicaraan yang diamalkan adalah melanggar Artikel 55 dan 56 United Nations Charter. Deklarasi Universal Hak-hak Manusia di mana Artikel 55 menganjurkan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "No man shall be subjected to arbitrary arrest, detention or even exile." Manakala Artikel 56 menganjurkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Everyone is entitled in full equality to a fair and public hearing by an independent and impartial tribunal in the determination of his rights and obligations and of any criminal charges against him."

Selain daripada melanggar Artikel-artikel ini penahanan tanpa pembicaraan juga menjejaskan hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang termaktub dalam Artikel 5, 9 dan 10 Perlembagaan Persekutuan. Bila cawangan Eksekutif bertindak sebagai hakim dan pendakwa ini juga melanggar prinsip pengasingan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penahanan tanpa perbicaraan dengan izin, International Covenant of Civil and Political Rights, 1966, antara hak-hak diakui adalah hak untuk menerima perlindungan daripada keseksaan dan kezaliman, hukuman yang tidak berperikemanusiaan. Artikel 9, hak kebebasan dan keselamatan seseorang yang mengatakan bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "No one shall be subjected to arbitrary arrest or detention and that anyone deprived of his liberty by arrest or detention shall be entitled to take proceedings before a court in order that the court may decide

without delay on the lawfulness of his detention and order his release if the detention is not lawful."

Artikel 14 hak kesaksamaan, apabila dihadapkan ke mahkamah dan tribunal seseorang yang didakwa melakukan kesalahan jenayah berhak diandaikan tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang.

Artikel 5 (4) Perlembagaan Malaysia menyatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Where a person is arrested and not released he shall without unreasonable delay and in any case within 24 hours (excluding the time of any necessary journey), be produced before a magistrate and shall not be further detained in custody without the magistrate's authority."

Prinsip-prinsip Rukun Negara tahun 1970 menegaskan bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "The Rule of Law is ensured by the existence of an independent Judiciary with powers to pronounce on the constitutionality and legality or otherwise of Executive acts".

Apakah gunanya sebuah badan perundangan Judiciary yang bebas jika undang-undang membenarkan pencabulan sewenang-wenangnya atas hak-hak asasi dan kebebasan seseorang individu. Ini satu soal yang pokok.

Pada pandangan orang ramai langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan adalah:

- (1) Meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 supaya merangkumi penahanan pengedar dadah dan menurunkan taraf bukti-bukti pengedaran dadah kepada, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "balance of probabilities."
- (2) Ordinan Darurat 1969 adalah mencukupi.

- (3) Menumpukan perhatian kepada pemulihan penagih dadah, meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai dadah dan langkah-langkah untuk menghapuskan permintaan dan penyalahgunaan dadah.

Kerajaan seharusnya mempertimbangkan cadangan-cadangan ini dan menumpukan perhatian yang sewajarnya kepada pandangan orang ramai. Kita tidak dapat menerima alasan bahawa tempoh maksimum penahanan yang dibenarkan di bawah Ordinan Darurat selama dua tahun itu adalah tidak mencukupi untuk mencegah pengedaran dadah, akan tetapi jika Rang Undang-undang ini diluluskan, maka tempoh masa maksimum penahanan tidak seharusnya dilanjutkan lebih daripada empat tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kuasa Lembaga Penasihat, bila dibandingkan dengan kekuasaan Lembaga ini dengan kekuasaan Lembaga yang serupa dalam Ordinan Darurat, Rang Undang-undang ini tidaklah menekankan soal bahawa syor-syor Lembaga Penasihat mesti diikuti seperti di dalam Ordinan Darurat. Sepertimana yang dapat dibuktikan dalam kes-kes orang tahanan di bawah I.S.A., Lembaga Penasihat merupakan perhiasan sahaja. Adalah tidak bererti untuk mengadakan satu Lembaga Penasihat melainkan jika ia mempunyai kekuasaan yang benar-benar adil semasa menilai kes-kes setiap orang tahanan.

Cadangan orang ramai supaya memerlukan Menteri melaksanakan syor-syor Lembaga Penasihat dan mengadakan kajian semula oleh Lembaga tersebut tiga bulan sekali adalah wajar. Dan di sini saya hendak menekankan bahawa walaupun Yang Berhormat mengatakan tadi pihak Lembaga tidak mampu untuk

menjalankan penilaian ini tiap-tiap tiga bulan, kerana hendak mendapat representasi dan sebagainya dan kerjakerja yang lain. Saya berharap beliau dapat mempertimbangkan semula supaya dapat mencari jalan untuk mengadakan penilaian kes-kes setiap orang tahanan dengan lebih kerap lagi.

Satu lagi persoalan yang telah dikemukakan adalah bahawa peruntukan dibuat untuk perkhidmatan peguam dibenarkan semasa tempoh penyiasatan 60 hari, representasi kepada Lembaga Penasihat, kajian semula oleh Lembaga Penasihat. Kesemua cadangan itu adalah wajar, walaupun ditolak sama sekali oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan bahawa tuduhan ini akan melibatkan hukuman yang berat dan masa penahanan yang lama. Akan tetapi pihak Jawatankuasa merasa bahawa jika peguam dibenarkan semasa tempoh penyiasatan 60 hari akan merumitkan penyiasatan oleh Polis.

Apa yang dicadangkan oleh orang ramai adalah untuk mencegah sejauh mana boleh penggunaan keganasan oleh pihak Polis semasa mencungkil maklumat daripada orang tahanan. Saya tidak dapat tahu dan tidak memahami mengapa tempoh 60 hari ini ditetapkan. Adakah bukti-bukti yang menunjukkan hanya tempoh 60 hari dapat menyelesaikan semula masalah? 30 hari tidak bolehkah? 40 hari tidak bolehkah? Angka 60 ini, saya tidak tahulah sama ada diturunkan daripada Tuhan ataupun daripada siapa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak beri peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia dilaporkan mempunyai bilangan orang tahanan yang ketiga besarnya di rantau Asia-Pasifik. Setakat November, 1984 terdapat 13,046 orang di mana 32.55% iaitu 4,247 orang adalah ditahankan sambil menunggu perbicaraan sejak

tahun 1975. Purata bilangan orang yang ditahan berkaitan dengan dadah telah meningkat kepada 50 orang sebulan. Di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952, seksyen 39B, seramai 462 orang telah ditahan untuk pengedaran dadah dalam tahun 1984 dan 63 orang dalam tahun 1983. Memandangkan maklumat ini saya berasa bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952 yang sedia ada adalah cukup berkesan. Jika pihak berkuasa merasa kurang memuaskan, maka mereka harus memperketatkan lagi Akta itu dan bukan merangka sebuah Rang Undang-undang yang baru. Penahanan tidak akan menyelesaikan masalah pengedaran dadah. Malahan mungkin akan menambahkan kesiksaan dalam penjara negara kita.

Jika Kerajaan merasa sekatan atau buang daerah sebagai penyelesaian bagi kesesakan di dalam penjara, adakah dipertimbangkan pengaruh pengedar dadah yang disekat akan mempunyai kesan ke atas orang ramai di kawasan di mana beliau disekatkan? Tambahan lagi jika orang itu benar-benar seorang pengedar dadah, maka dia masih boleh menjalankan aktivitinya, walaupun jauh daripada tempat perniagaan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat menyedihkan sekiranya Rang Undang-undang ini akan diluluskan oleh sebabkan, dengan izin, the arrogance of power and the tyranny of the majority.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tidak ada dalam Bahasa Malaysiakah perkataan itu?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada keangkuhan kuasa tetapi dengan "tyranny of the majority" susah hendak diterjemahkan.

Tuan Alias Md. Ali: (*Bangun*)

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Berhormat minta jalan. Boleh bagi jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya, silakan.

Tuan Alias Md. Ali: Wakil daripada DAP jelas menuduh bahawa kita menjalankan satu amalan kebongkakan kuasa, kerana kita ada kuasa kita bongkak. Adakah Yang Berhormat daripada Kepong itu tahu bahawa kuasa yang hendak dijalankan di bawah Akta ini semata-mata untuk melindungi orang ramai daripada bahaya orang-orang mengedar dadah dan kalau beliau menganggap kita bertindak terhadap orang-orang yang mengedar dadah sebagai satu tindakan bongkak, menyalahgunakan kuasa, apakah cara lain yang boleh dibuat? Dan kalau DAP berkuasa cara apakah hendak DAP jalankan untuk memerangi pengedar-pengedar dadah yang ternyata telah memberi penyeksaan yang lebih dahsyat kepada beratus-ratus ribu pemuda yang menyebabkan pula beratus-ratus ribu family terseksa oleh kerana perbuatan pengedar-pengedar?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itulah penyalahgunaan kuasa. Saya beri jalan untuk penjelasan sahaja, tetapi dia hendak berucap.

Yang penting sekali saya telah sebutkan cara-cara alternatif untuk mengatasi masalah ini seperti Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang telah sedia ada kita boleh memperketatkan lagi. Sebab saya sudah memberi angka bagaimana bertambahnya penahanan ke atas pengedar-pengedar dadah dan walaupun DAP, saya ingin menekankan bahawa kita bersetuju dengan pelbagai langkah untuk mencegah ancaman dadah yang menjadi musuh yang pertama di negara ini. Kita tidak akan menerima cara yang melanggar hak asasi manusia. Itulah yang saya sebutkan.

Saya berharap Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ini dapat

mempertimbangkan apa yang kami bangkitkan di sini bukan setakat hendak memarahkan kami sahaja. Sepatutnya isi kandungan itu dipertimbangkan, bukan sentimen.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyalahgunaan kuasa, negara kita mengamalkan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "The rule of law dan dua prinsip cardinal". Rule of law tersebut yang pertama proses undang-undang atau mahkamah diamalkan. Yang kedua prinsip keadilan asli dengan izin, "natural justice". Dengan memberi kuasa sewenang-wenangnya kepada pihak Polis dan Menteri akan menjejaskan proses undang-undang ini. Seseorang adalah tidak bersalah sehingga dia dibuktikan adalah bersalah dan disabitkan kesalahan tersebut di dalam mahkamah.

Fasal 19 (1) Rang Undang-undang ini telah menggalakkan pihak Polis menggunakan kekerasan untuk memperolehi maklumat. Menurut jawapan yang diberi oleh Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas, Fasal 19 (1) ini memang tersedia ada di bawah Kod Prosedur Penjenayah (Criminal Procedure Code) untuk menggunakan kekerasan semasa memperolehi cap jari penjenayah dan tidak pernah disalahgunakan. Itulah kenyataan yang dibuat. Saya pun tidak tahu sama ada ini benar, Tuhan sahaja tahu. Menurut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, International Covenant of Civil and Political Rights 1966, Article 10, "seseorang berhak dilayan dengan perikemanusiaan bila ditahan." Hak ini telah dilanggarkan setiap di lokap Polis di mana keganasan Polis tidak dikawalkan. Bahkan juga Yang Berhormat tadi telah menyebut bahawa tidak ada jaminan 100%. Maka dengan Fasal 19 (1) ini orang ramai takut bahawa pihak Polis akan menggunakan alasan bahawa kekerasan yang mereka lakukan adalah sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengulangi empat lagi jenis undang-undang pencegahan yang memberikan kuasa yang meluas kepada pihak Menteri Dalam Negeri untuk menahan orang ramai iaitu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Restricted Residence Ordinance 1933, Prevention of Crimes Ordinance 1959, ISA 1960 dan Emergency Ordinance 1969. Orang ramai merasa bahawa Undang-undang ini adalah memadai untuk kegunaan Menteri dan Rang Undang-undang ini tidaklah perlu diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali pada Lembaga Penasihat selain daripada Lembaga ini perlu diberi kuasa yang lebih besar dan perlu mendapat jaminan bahawa ia benar-benar bebas. Saya berpendapat orang tahanan berhak diberitahu tentang syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga ini. Saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah ini adalah masalah sosio-ekonomi juga. Saya meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh orang ramai dan yang menarik perhatian saya ialah saya menyetujui dengan cadangan ini dan saya berharap Kerajaan dapat memberi perhatian iaitu kita hendaklah melancarkan projek-projek untuk menyalurkan masa pemuda-pemudi yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SRP, SPM, STPM ke dalam aktiviti-aktiviti yang sihat dan produktif termasuk membekalkan pekerjaan sementara. Kerajaan harus mendapat pertolongan dari semua lembaga agama, Islam mahupun yang bukan Islam, untuk menghapuskan ancaman dadah. Kerajaan boleh menyumbangkan bantuan wang pada persatuan-persatuan agama ini di kalangan pemuda-pemudi. Dan kita haruslah mengadakan sebuah jawatankuasa dadah sectional atau yang bertugas sebagai mata dan telinga jiran-jiran yang ada maklumat

mengenai pengedar dadah dan penagih dadah untuk meningkatkan penglibatan orang ramai dalam kempen anti-dadah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang lain bercorak undang-undang adalah termasuk perjanjian hendaklah dibuat di antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara lain untuk membolehkan harta luar negeri milik penganugerahan dadah dirampaskan, dengan izin, confiscated. Yang kedua, meningkatkan cawangan penguatkuasaan pihak Polis untuk menggabungkan sumber-sumber penyiasatan, penahanan di bawah satu unit khas, special task force, dengan izin, dan menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebagai satu badan yang benar-benar bebas untuk menghapuskan rasuah dalam Polis, Kastam, Imigresen, Penjara dan lain-lain agensi penguatkuasaan

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Berhormat, ada Ahli bangun.

Tuan Othman bin Abdul: 36 (1). Apa kena-mengena dengan Badan Pencegah Rasuah dalam masa untuk membebaskan Rang Undang-undang Pencegahan Dadah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat dari Ulu Terengganu hendak mengetahui alternatif dan sekarang saya bagi alternatif-alternatif yang wajar. Inilah kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, belum ruling dibuat oleh Tuan Speaker. Ahli Yang Berhormat tidak berhak untuk bercakap.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menarik perhatian kepada Peraturan

Mesyuarat 36 (1) yang berbunyi "seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu." Saya membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk bercakap dan menyentuh hal itu kerana dia membuat cadangan alternatif kepada cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan bersyukur kepada Tuhan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat telah bercakap lebih 40—lebih satu minit, ertinya 41 minit. Panjangkah lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, cuma satu minit sahaja.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Sebab ada rakan-rakan banyak yang memandang hal ini dengan berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan tadi menjadikan Badan Pencegah Rasuah sebagai satu badan yang benar-benar bebas untuk menghapuskan rasuah dalam Polis, Kastam, Imigresen, Penjara dan lain-lain agensi penguatkuasaan dan pegawai-pegawai serta kakitangan jabatan-jabatan ini mestilah mengumumkan harta milikan tahunan di dalam sebuah daftar umum (public register).

Akhirnya dalam semua pindaan yang dibuat ke atas Perlembagaan Malaysia semenjak tahun 1957 tidak terdapat sebarang pindaan yang telah meluaskan soal-soal kebebasan rakyat Malaysia. Di dalam setiap pindaan hak-hak rakyat telah dicabuli.

Tuan Alias bin Md. Ali: (Bangun)

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ada yang bangun, boleh bagi jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Tuan Alias bin Md. Ali: Yang Berhormat dari Kepong itu membuat tuduhan-tuduhan yang tidak dapat ditelan oleh kami mengatakan bahawa pihak parti Kerajaan selalu benar mencabuli hak asasi manusia dan hak asasi rakyat. Tidakkah Yang Berhormat tahu bahawa sebagai ahli politik parti Kerajaan, Kerajaan seluruhnya pergi menghadap rakyat setiap lima tahun sekali dan parti ini sudah menghadap rakyat setiap kali pilihanraya sejak merdeka dan sampai sekarang masih juga rakyat memilih Kerajaan Parti Barisan Nasional. Kalau parti kami bertindak mencabul kebebasan rakyat, menganiayai rakyat sudah tentu mereka tidak akan memilih kita bahkan akan memilih DAP. Hakikat bahawa rakyat tahu bahawa DAP dan parti-parti Pembangkang sekarang bukan merupakan satu alternative maka itu menyebabkan mereka kalah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, bila hendak bercakap kenalah hadapkan kepada Pengerusi, tidak boleh hadapkan kepada.

Tuan Alias bin Md. Ali: Badan saya menghadap kepada Pengerusi cuma mata sahaja memandang ke sana. (Ketawa)

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Mengikut Peraturan Mesyuarat, kita kena hadapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, silakan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih. Kalau rakyat bersetuju dengan anggapan DAP bahawa Barisan Nasional adalah satu parti yang sentiasa menganiayai rakyat dan mencabul hak-hak mereka sudah tentu

mereka akan memilih parti Pembangkang dan tidak memilih parti Barisan Nasional. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu tidak begitu naif di dalam politik untuk mengadakan satu hujah yang tidak boleh diterima oleh akal dalam Dewan ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya bagi tambahan masa sebab ada gangguan, satu minit lagi, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu ini matanya itu dipisahkan daripada badan. Dengan yang demikian, jelaslah beliau tidak nampak, tidak boleh fikir dengan masak-masak, cuma hendak mengemukakan penyimpangan yang tidak tentu arahnya. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dibenarkan ada rapat-rapat umum, kita dibenarkan menggunakan media massa seperti yang digunakan oleh pihak Barisan Nasional, kita dibenarkan mengadakan per-sembpadanan kawasan-kawasan dengan adil dan saksama, kita boleh lihat itulah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sudah cukup satu minit Yang Berhormat. Yang Berhormat minta satu minit tambahan itu sudah cukup. Boleh saya bagi sedikit lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Ya. Oleh kerana tiap-tiap kali pindaan dibuat hak-hak rakyat telah dicabul. Oleh itu, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 boleh dianggap sebagai satu langkah lagi yang mencabuli hak asasi rakyat yang tidak harus diluluskan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Mukah.

5.38 *ptg.*

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyuarakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini, Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri—Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar hujah-hujah rakan saya dalam Dewan yang mulia ini, cuma satu hujah beliau yang saya bersetuju kerana dia menyatakan langkah-langkah kita yang sedia ada sekarang tidak cukup dan penguatkuasaan Rang Undang-undang untuk mencegah masalah dan wabak dadah dalam negara kita ini tidak mencukupi itu memang betul. Dan kerana inilah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita dan Kerajaan Barisan Nasional telah mencari jalan dan dapat memikirkan satu cara untuk kita menjalankan, meneruskan lagi peperangan kita atas wabak dadah ini. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, dalam pendapat saya, Rang Undang-undang ini adalah satu langkah yang akan menutup atau meluaskan lagi langkah-langkah yang kita sedia ada sekarang kerana wabak dan masalah dadah ini adalah satu masalah yang melibatkan seluruh masyarakat dan melintaskan semua batas negara di Tenggara Asia ini. Jadi, Rang Undang-undang ini saya percaya adalah satu usaha di mana masalah yang kita selalu dengar dan saya pernah mendengar bahawa di mana pengedar-pengedar dadah ini yang kita selalu tangkap dan tahan dan dakwa dalam mahkamah ini kebanyakannya seperti yang dikatana diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah orang-orang pengedar kecil telah membawa dadah sahaja. Tetapi dengan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat terus menuju tekanan kita untuk

membasmikan wabak ini menuju kepada punca masalah wabak dadah ini. Kerana kita sudah ada undang-undang dan regulasi-regulasi dan langkah lain yang lain untuk memulih dan mengatur symptom-sympton wabak dadah ini, tetapi punca masalah ini kita belum dapat menekan dan merobohkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya pun tidak tahan mendengar bahawa ada dalam hujah-hujah rakan saya tadi bahawa kita kluatir kerana hak-hak asasi manusia telah terjejas oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memandang dari segi mana Yang Berhormat itu memandang hak asasi manusia ini. Tetapi yang saya faham Rang Undang-undang ini bila Kerajaan kita menyediakan Rang Undang-undang ini kita mementingkan hak asasi rakyat jelata di negara kita, kerana walaupun kita lihat adanya masalah yang kita pandang sekarang, itu cuma satu, dengan izin, symptom tetapi mereka yang mengedar dadah ini yang bersembunyi di belakang kekayaan mereka dan kekuasaan mereka dari segi yang kita lihat bukan sahaja di Malaysia, di negara-negara yang lain, di Amerika Syarikat, di Eropah, di Amerika Selatan, masalah begini akan timbul akhirnya kalau kita tidak membuat satu langkah yang demikian, kerana bila wabak dadah ini selain telah meletus dari sebuah masalah masyarakat, atau dengan izin, social problem menjadi satu masalah nasional atau masalah international juga bila pengedar-pengedar dadah ini dengan pendapat-pendapat mereka dan kegilaan kuasa-kuasa mereka, dengan lain-lain cara yang haram yang mereka telah jalankan itu, dengan perlahan-lahannya mencerobohi kedaulatan sebuah negara. Jadi dengan masalah ini dan kemungkinan ini, saya memang dengan sepenuh-penuh hati menyokong Rang Undang-undang ini.

Untuk membetulkan serba sedikit Yang Berhormat dari Kepong tadi ada

menyebutkan bahawa Rang Undang-undang ini adalah menjejaskan hak asasi manusia dan dia telah membuat quotation dari Article of The United Nations, dengan izin. Saya ingin juga memberitahu kepada Yang Berhormat dari Kepong itu bahawa lebih dari 50 buah negara termasuk Malaysia dan negara-negara yang terlibat dalam masalah dadah ini dan akibat-akibatnya seperti masalah keselamatan, masalah kewangan dan masalah rasuah di dalam Kerajaan. Jadi yang saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat itu bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun telah mengadakan satu Resolusi atau Declaration di mana masalah dadah ini bukan lagi dianggap sebagai satu masalah sosial tetapi adalah satu, dengan izin, crime against humanity.

Jadi dengan seberat-berat pandangan begini kita harus juga memandangkan langkah-langkah yang sehabis-habis kita dapat untuk memusnahkan sama sekali dan membasmi masalah ini dari bumi Malaysia dan dengan kerjasama dari Asia Tenggara dan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Rang Undang-undang itu sahaja tidak mencukupi. Jadi dengan kerjasama rakyat jelata dan semua rakyat di Malaysia ini, kita dapat membasmi dengan tambahan undang-undang seperti Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini dan juga dengan kerjasama rakyat juga kita dapat menjalankan secara adil dan tiada apa-apa kemungkinan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi dan salahguna kuasa ini akan kurang kalau rakyat dan orang-orang biasa (civilian), dengan izin, juga bersama-sama bekerja untuk menguatkuasakan langkah-langkah ini dan sama-sama membasmi wabak dadah ini.

Dari pandangan saya sebagai seorang pengamal perubatan, Tuan

Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dapat diumpamakan di mana kalau kita menyangkakan bahawa seseorang itu ada membawa penyakit yang akan merebak dan menyusahkan hingga menjadi satu punca merebaknya satu penyakit seperti penyakit cacar atau penyakit yang senang merebak. Jadi saya memandangkan ini adalah satu juga cara di mana kita menyangkakan seseorang itu adalah satu punca masalah wabak dadah di negeri itu. Dengan menahat seseorang itu cuma untuk menyasiat dan had-had masa itu kemungkinan juga tergantung kepada kita mendapat bukti supaya dapat mengesan bahawa seseorang ini adalah satu dari punca masalah dadah kita di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan sokongan saya ini, saya juga berharap supaya Kementerian-kementerian seperti Kementerian Kebudayaan, Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pelajaran terus bergiat lagi meningkatkan rancangan-rancangan pendidikan dan kegiatan supaya belia-belia dan pelajar-pelajar kita yang muda ini dapat menguatkan lagi cara pemikiran dan nilai-nilai kita yang asal di dalam negara kita. Saya bercadang begini kerana nilai-nilai yang telah memberi pertumbuhan penyakit-penyakit dadah ini adalah nilai-nilai yang telah kita import dari negeri yang bukan negeri Malaysia.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyuarakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1984.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.54 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

sama-sama menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1984.

Apabila saya membaca seluruh peraturan Rang Undang-undang ini, saya dapati bahawa hasrat Kerajaan begitu tinggi sekali dan begitu bersungguh-sungguh untuk mencegah daripada berlakunya penjenayah-penjenayah dadah ini untuk mengedar dadah dan juga untuk menjalankan kegiatan-kegiatan di dalam negara ini. Dengan mengadakan undang-undang yang khas seperti ini, adalah dari segi pandangan saya, bukan pandangan Wakil dari Kepong tetapi dari segi pandangan saya, adalah lebih memudahkan tindakan Kerajaan di dalam memastikan satu-satu penjenayah, satu-satu perosak negara itu akan dapat ditangkap dan dihukum, dicegah daripada berlaku untuk merosakkan negara seluruhnya.

Jadi dengan hasrat Kerajaan yang bersungguh-sungguh ini dan juga niat hati yang begitu cecal sekali untuk menghapuskan pengedar-pengedar dadah dan juga pengedar-pengedar yang besar, yang licin yang tidak dapat mencari kesalahan secara nyata, dengan ini adalah amat kita sanjungi dan menghargai usaha Kerajaan yang menjalankan undang-undang ini. Cuma kita terdapat mereka yang menentang Akta ini atau mereka yang tidak berapa setuju undang-undang ini adalah kalau kita katakan mereka ini seolah-olah juga akan terlibat dengan keadaan yang berlaku dalam negara ini. Jadi mereka tidak bersetuju undang-undang yang berat ini yang dikenakan pada seseorang penjenayah atau kepada seorang pengedar dadah, mereka tidak setuju. Sudah tentu mereka ini juga bersubahat dengan perbuatan-perbuatan seperti ini. Kalau mereka bersubahat, sudah tentu mereka tidak setuju, kerana mereka mungkin bercita-cita untuk melakukan apa yang dicegahkan oleh Kerajaan.

Bagi saya yang tidak bercita-cita dan berniat untuk melakukan perkara ini tidak ada hak kemanusiaan yang lebih dahsyat daripada apa yang dilakukan oleh pengedar dadah. Apakah kita menjaga hak kemanusiaan untuk pengedar-pengedar dadah, untuk penjenayah-penjenayah yang merosakkan negara, daripada menjaga hak kemanusiaan kepada orang-orang yang dirosakkan oleh perbuatan orang seperti ini? Kita boleh bercakap hak asasi manusia, hak keperikemanusiaan tetapi kita tidak perlu berperikemanusiaan kepada penjenayah, penjahat, pengedar dadah dan orang-orang yang tidak menyokong undang-undang seperti ini, kerana orang yang tidak menyokong adalah orang yang niat atau bercita-cita untuk melakukan seperti ini, maka bagi saya undang-undang yang lebih berat daripada inipun patut disokong demi untuk matlamat kita menjaga rakyat kita supaya tidak dipesongkan dengan cara-cara yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita hendaklah menjaga dan kita hendak berperikemanusiaan kepada rakyat umum, kepada belia-belia kita, kepada pelajar-pelajar kita yang dirosakkan oleh perbuatan penjenayah ini. Inilah yang patut kita awasi, kita tidak perlu membela perikemanusiaan kepada penjenayah-penjenayah. Kita tidak perlu berperikemanusiaan atau memberi hak asasi yang sebenarnya kepada mereka yang seperti ini kerana mereka ini tidak lain adalah untuk merosakkan orang ramai dan negara.

Selain daripada itu, kita tahu bahawa tidak boleh kita menghukum seorang itu bersalah setelah kita buktikan kesalahannya, memang kita akui, tetapi masalah sekarang, mereka ini lebih bijak daripada DAP, lebih bijak daripada Pembangkang, pengedar dadah ini bijak. Kalau DAP boleh putar belitkan kenyataan dalam Dewan ini dengan keadaan yang

begitu, satu pihak, kita minta Kerajaan supaya bertindak tegas dalam membasmikan dadah tetapi satu pihak lain menahan Kerajaan daripada memberi hukuman yang berat kepada orang yang disyaki mengedarkan dadah. Tetapi yang mengedar dadah ini, yang disyaki ini adalah orang-orang yang "mastermind", orang-orang yang melakukan perkara itu adalah secara besar-besaran yang kita tidak boleh nampak. Mungkin ada di antara kita yang ada dalam Dewan ini pun ada, mungkin ada, mungkin ada di mana-mana, kerana mereka ini dengan keadaan yang bijak, lincahnya, ia ada di mana-mana. Kita bercakap apapun mereka akan tahu, akan sampai kepadanya tetapi kita tidak sedar bahawa orang inilah yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang seperti ini. Kalau Kerajaan mendapat bukti—senang, bawa ke mahkamah. Itu tidak payah soal.

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, ada orang bangun. Boleh bagi jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tadi saya dengar Wakil dari Kepong bercakap, saya pun tidak ganggu, tetapi kalau dia hendak juga, boleh. Tetapi janganlah hendak bersyarah pada saya, itu sahaja.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Silakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tadi Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan bahawa mungkin "mastermind" pun ada hadir dalam Dewan ini dan saya ingin tahu sama ada kemungkinan wujud bahawa Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pun adalah seorang "mastermind" juga. Ini sahaja. Point saya, ia dapat

mengsyakki siapa orang sebelum kita mendapat bukti-bukti yang tertentu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya kita mungkin, kalau sudah terasa macam itu, mungkin sudah makan lada. Kalau orang makan lada juga akan terasa pedasnya. Kalau saya kata mungkin ada dalam Dewan ini juga ada "mastermind" yang menjalankan kegiatan sebagai pengedar dadah, kalau Wakil dari Bandar Kuching sudah terasa, memang dia makan lada. Saya tidak kata kepada Wakil dari Kuching, saya tidak kata kepada sesiapa. Kemungkinan, kerana kita sekarang dalam Dewan ini kepada sama hitam, hati lain-lain, tidak sama. Kalau saya kata mungkin, tidak mesti Wakil dari Kuching. Kalau Wakil dari Kuching terasa, terasalah.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan yang dijalankan oleh pengedar-pengedar, ia sangat licin, kita tidak dapat tangkap. Kalau kita dapat tangkap, dia bawa dadah, senang. Masalahnya dia sentuh pun tidak, kepala sahaja fikir tentang masalah itu, wangnya masuk. Kadang-kadang dia tidak berada dalam negara kita, kadang-kadang dia berada di majlis-majlis pada masa itu, mungkin ada dalam Dewan ini, kita tidak tahu, di mana-mana dia ada. Apa yang kita bercakap, apa yang kita buat, apa yang kita suarakan mereka dengar. Apa yang saya bercakap sekarang pun mungkin dia ada dengar, dan esok akan sampai, mungkin juga orang-orang yang bertindak tegas terhadap dadah seperti wakil dari Kuala Lumpur Bandar, dia pernah menerima surat-surat ugutan. Ini adalah tindakan yang wajar, perbuatannya telah diperhatikan, tiap langkahnya diperhatikan sehingga menerima surat ugutan. Syabas kepada wakil dari Kuala Lumpur Bandar dengan tindakan beraninya dengan hasrat untuk memperjuangkan dadah ini, untuk menghapuskan mereka yang

berniat tidak baik dan jahat terhadap penganalisis dadah ini.

Mereka yang tidak dapat kita tentukan kesalahan yang besar-besar, yang bijak-bijak inilah yang kita syak yang patut kita tangkap, kita simpan mereka sekejap, kerana hidupnya pun sudah mewah, kita beri mereka rasa susah sedikit. Apabila susah sedikit, dia dapat memikirkan, "wah, begini rupanya!". Mereka ingat dunia ini luas, tetapi rupanya tidak seluas yang ia sangka ada tempat yang sempit iaitu dalam kurungan sementara mereka itu kita dakwa di mahkamah, kerana mereka ini tidak mudah mengaku. Siapa hendak mengaku kalau berak di tengah jalan, tidak siapa hendak mengaku. Makin dia maki pula "siapa berak sini?", tentu orang tidak kata dia. Kalau dia berak di tengah jalan, dia kata, "siapa berak di sini?" Tentu orang tidak kata dia berak, mesti orang lain yang berak. Ini dadah berbahaya, lebih teruk lagi perbuatan membuang najis di tengah jalan, tidak sesenang yang disangka oleh pihak DAP untuk menangkap penjenayah-penjenayah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak sebut beberapa perkara dari segi perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya penganalisis dadah yang begitu berleluasan. Kita akui sebagaimana kata Wakil dari Kepong tadi bahawa negara kita merupakan negara yang ketiga ramainya kita menangkap atau menahan orang-orang yang terlibat dengan perbuatan-perbuatan jahat. Ini kita bersyukur kepada Tuhan, di rantau Pasific ini dan negara kita juga merupakan negara yang paling diakui yang telah dijamin sebagai sebuah negara yang diakui tentang keselamatannya. Sebab itulah DAP boleh menang, DAP boleh masuk dalam Dewan ini, DAP boleh bercakap Kalau dia pergi ke Thailand, tentu dia tidak boleh bercakap sebagaimana yang dicakapkan dalam Dewan ini.

Belum lagi pergi ke negeri China, tentu tidak boleh bercakap sebagaimana yang dicakapkan ini.

Di rantau Pasific ini sebuah negara yang diakui sebagai sebuah negara yang terjamin keselamatannya dari segi kecekapan pegawai dan juga dari segi kurangnya berlaku rasuah, kurangnya berlaku penyelewengan. Cuma mereka kata banyak. Mereka tidak pernah buktikan sebanyak mana. Tetapi kalau kita pernah merantau ke negara-negara lain, tambahan pula di rantau Asia ini, negara kitalah sebuah negara yang paling kurang sekali berlaku apa-apa yang disebutkan oleh wakil dari Kepong tadi, kalaulah dia ini sebagai seorang penyiasat atau sebagai seorang yang telah merantau ke sana ke sini untuk mengetahui perkara ini. Kalau dia merantau, dia tahu bagaimana keselamatan terjamin dalam negara kita, bagaimana rasuah, bagaimana jenayah, bagaimana keselamatan kita berjalan dan kebebasan kita bercakap di negara ini. Kalau dia tidak tahu mempertimbangkan ini, dia bukan bercakap dari segi perikemanusiaan tetapi bercakap dari niat yang kurang baik untuk membangkang sahaja peraturan yang kita adakan pada hari ini.

Perbuatan yang dilakukan dengan cara penganalisis dadah ini adalah hasil daripada kekecewaan penjahat-penjahat, juga kekecewaan gerakan-gerakan komunis dan juga fahaman politik yang salah untuk mempengaruhi hati rakyat. Ini adalah satu perkara yang patut diambil perhatian, ini adalah kekecewaan mereka. Mungkin kekecewaan mereka tidak dapat mempengaruhi rakyat melalui cara-cara pilihanraya, tidak dapat mempengaruhi rakyat dengan cara berkempen, bercakap, merasuk sana, merasuk sini, prajudis sini, menimbulkan perkara yang bukan-bukan, mereka sudah tidak berjaya daya lagi untuk mempengaruhi fikiran

rakyat dengan cara yang sihat, maka dengan cara inilah yang dijalankan.

Dengan cara pengedar dadah inilah cara yang paling baik untuk mereka untuk mempengaruhi anak-anak muda kita setelah rakyat-rakyat kita tidak lagi siuman, setelah rakyat-rakyat kita penuh dengan penagih dadah, setelah rakyat kita tidak tahu lagi pertimbangan perkara baik atau buruk maka pada masa itulah orang akan menangguk di air keruh dan komunis-komunis akan masuk ke negara kita. Dan penjahat-penjahat akan bermaharajalela, akan mempengaruhi akhirnya yang buruk dia kata baik, yang baik dia kata buruk. Sebab itulah ada setengahnya rakyat kita juga memilih yang buruk, sebab telah dirosakkan pertimbangannya. Jadi inilah yang kita takut. Kalau keadaan ini berlaku maka adalah amat buruk sekali bagi negara kita. Mereka akan kecewa. Dengan cara demokrasi mereka kecewa, dengan cara bercakap mempengaruhi rakyat mereka akan kecewa maka cara inilah yang paling baik bagi mereka dengan mengedar dadah, dengan menggunakan orang-orang tertentu di samping mencari keuntungan bagi faedah diri mereka.

Kalau inilah cara yang dilakukan oleh mereka maka adalah sepatutnya Undang-undang seperti ini dilakukan lebih awal daripada masa ini. Dibentangkan dalam Dewan ini terlebih dahulu lagi supaya ianya benar-benar dapat dihukum kepada mereka yang disyaki atau mereka yang melakukan kesalahan atau mereka yang berniat tidak baik bagi menjalankan pengedaran dadah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapati ramai anak-anak muda terpengaruh dengan penggunaan dadah ini. Mungkin ada perkara-perkara yang mengecewakan mereka. Sama ada mereka tidak dapat berlumba-lumba mencapai akademik yang baik di dalam persekolahan

ataupun mereka tidak dapat menempuh keadaan masyarakat yang begitu rumit sekarang ini, mungkin mereka ini tidak dapat sesuatu yang mereka hajati, sama ada gagal dalam percintaan, ataupun gagal menjadi calon dalam pilihanraya ataupun gagal untuk memenangi dalam pilihanraya. Kegagalan misalnya berlaku. Ini anak-anak muda juga akan kecewa dalam perkara ini.

Sebagai jalan lain untuk menyelesaikan kekecewaan ini maka dengan cara menggunakan dadah ini satu cara yang paling mudah dan paling senang untuk kita melakukannya.

Maka dengan sebab itulah kita daripada sekolah lagi, kita hendaklah menekankan beberapa perkara, terutama di dalam keadaan untuk memberi panduan dan juga kerjaya iaitulah nasihat panduan dan kerjaya di sekolah-sekolah kerana setakat ini kita dapat mereka ini sebagai melukut di tepi gantang kata orang, tidak begitu ditekan. Guru yang mengajar hanya sebagai sambilan. Guru penasihat tidak ditekan pun dan tidak diberi satu keistimewaan untuk menjaga maka mereka ini bekerja sebagai sambilan. Jadi Kerajaan seharusnya menekankan dari peringkat sekolah bahawa panduan nasihat dan juga kerjaya bukan sahaja setakat untuk memberi nasihat kepada peribadi anak-anak itu tetapi juga nasihat jalan mana ataupun lapangan mana atau kerja apa mereka akan tempohi dari segi kepandaian yang mereka ada. Kerana banyak masalah-masalah yang timbul di sekolah-sekolah menengah, di pusat-pusat pengajian tinggi yang kita tidak sedar yang mereka ini malu untuk menceritakan kepada rakan-rakannya dan juga kepada ibubapanya. Maka nasihat, panduan dan kerjaya inilah satu cara yang boleh kita menyelesaikan masalah-masalah orang muda, masalah-masalah pelajar, masalah-masalah yang boleh menolong

kita meredakan sedikit ataupun menyelesaikan sedikit sebanyak, sebahagian daripada masalah-masalah pelajar-pelajar kita.

Dengan sebab itulah Kerajaan harus menekankan perkara ini di sekolah-sekolah supaya ianya akan menjadi anak-anak muda menerima panduan dan nasihat yang baik untuk menempuh kehidupan kita yang begitu rumit di saat-saat ini.

Selain daripada itu juga Kerajaan harus menekankan ajaran-ajaran agama dan ajaran-ajaran moral yang mati diajar dan dipelajari, bukan setakat ada di dalam jadual waktu yang dijadikan sebagai endah tak endah. Kalau waktu peperiksaan pelajaran agama ini sudah tidak penting, begitu juga pelajaran tata rakyat akan ditinggalkan begitu sahaja. Perkara ini adalah penting mengingatkan anak-anak kita ini kepada tidak mudah hilang akal dan juga tidak mahu lupa Tuhan. Seperti wakil daripada DAP misalnya. Dia mudah lupakan dan mudah hilang akal. Dia bercakap kadang-kadang terlupa hendak fikir. Inilah yang kita tidak mahu. Biarlah dia ini jangan mudah hilang akal, ingat dekat Tuhan, sebutkan nama Tuhan banyak-banyak, tidak mudah hilang akal, moralnya dengan tatarakyat, dengan cintakan tanahairnya, maka anak-anak itu tidak akan mudah dipengaruhi terutama di pengaruhi oleh mereka yang berhasrat untuk membawa anak-anak muda itu ke jalan yang tidak baik setelah mereka itu kecewa mempengaruhi anak-anak muda roh anak-anak muda dengan jalan yang baik, maka mereka akan mempengaruhi dengan jalan-jalan yang tidak baik supaya hasrat dan cita-cita mereka akan tercapai.

Selain daripada itu mungkin ada doktor-doktor yang menjadi ahli-ahli politik misal kata, boleh sukarela pergi berkhidmat dengan sukarela di kem-kem beri nasihat dan beri pandangan-pandangan bukan sahaja bercakap

untuk misal kita kata buat itu tidak kena, buat ini tidak kena, tetapi cuba praktikkan yang baiknya supaya sama-sama kita menolong membantu penagih-penagih dadah ini supaya tidak bertindak liar dan bagaimana hendak menangkap supaya orang ini membenci dadah. Jadi cari cara-caranya. Bukan setakat bercakap untuk menidak-nidakkan benda itu.

Dan satu lagi di dalam tahanan, saya masih terdengar ada pihak-pihak yang menyampaikan kepada saya, di dalam tahanan mereka itu masih dapat bekalan dadah. Ini juga mesti bertindak tegas. Tiap-tiap pegawai di situ bukan pernah bersumpah tetapi pegawai itu adalah manusia biasa. Dan kita kena fikir bagaimana caranya, apakah sebabnya dadah ini di dalam kawasan pemulihan dadah yang dikawal begitu ketat, dadah boleh sampai kepada penagih-penagih. Ini bijaknya orang-orang yang menagih dadah ini. Bagaimana cara hendak menipu, bagaimana cara hendak jahat, bagaimana cara hendak dapat benda-benda yang buruk seperti ini. Dia tahu, saya tidak tahu hendak cerita sebab saya tidak berniat melakukan kepada perkara-perkara yang buruk dan jahat ini. Jadi, dengan sebab itulah bijaknya penagih dadah ini di dalam keadaan kurungan, di dalam keadaan sekatan, kawalan yang begitu ketat masih mendapat dadah ini.

Dengan sebab itu, pihak yang berkenaan harus bertindak supaya apa yang kita lakukan ini, apa pemulihan yang kita jalankan, apa yang kita buat itu, tidak akan disia-siakan.

Dengan itu, saya menyokong penuh Undang-undang ini supaya dilaksanakan dengan segera supaya orang yang berniat tidak baik, orang yang melakukan perkara yang boleh merosakkan ketenteraman negara dan juga boleh merosakkan peri kemanusiaan manusia dan juga ini tidak akan menyentuh hak asasi

manusia ramai tetapi hak asasi penganut dadah maka undang-undang ini patut dilaksanakan dengan segera oleh Kerajaan. Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

6.11 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1984 yang sedang dibahaskan sekarang, saya ingin tegaskan di sini mula-mula sekali bahawa dadah adalah di antara perkara yang memabuk dan memusnahkan akal pemikiran manusia, sedangkan akal pemikiran adalah kemuncak daripada segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia, maka dengan sendirinya dadah memang wajar benar termasuk dan dimasukkan di bawah barang larangan. Ianya menjadi barang larangan Allah sebelum daripada ianya menjadi barang larangan mana-mana pihak atau mana-mana Kerajaan di dunia ini.

Sebab itu sewaktu Islam mengharamkan arak dahulu, Islam tidak menamakan satu-satu nama tertentu walaupun terdapat macam-macam nama arak yang terkenal di kalangan peminum arak di zaman itu seperti Al-nabith, Al-atik, dengan izin, dan lain-lainnya, bahkan Islam menggunakan perkataan Al-hamar yang memberi erti dan memberi makna secara umum iaitu menutup dan menuduh kerana arak dalam segala jenisnya boleh menutup dan boleh menuduh semua aktiviti pemikiran manusia, yang menyebabkan manusia langsung tidak punya fikiran kerana kena tudung ataupun tidak punyaimbangan dalam pemikirannya semasa berusaha untuk berfikir, sedangkan perimbangan di antara dua arah

pandangan yang sedang dibincang itulah menjadi kuasa penentu bagi bijak atau tidak kebijakannya seseorang manusia.

Seorang Presiden di sebuah negara jiran telah kehilangan kerusinya baru-baru ini kerana perimbangan pemikirannya sudah tidak ada lagi kerana otak dan daya fikirannya sudah tidak seimbang lagi, kerana telah ditutup dan ditudung oleh arak. Keadaan yang sama terdapat dalam dadah, penghisap dadah serupa juga peminum arak, mereka itu telah bertindak luar dari dugaan, mencuri, membunuh bahkan menjual negeri. Hancurnya pemerintahan Dinasti Ming di Benua Besar China adalah terlibat dengan dadah dan tanah jajahan Hongkong boleh bercerita sepenuhnya mengenai tragedi sedih ini. Ini semua membuktikan kebijaksanaan Islam mengharamkan apa sahaja yang boleh melumpuh dan boleh memusnahkan daya pemikiran manusia. Oleh itu sebarang usaha untuk menghapuskan unsur celaka ini pasti disokong dan dibantu dengan cara yang menyeluruh dan comprehensive.

Akta yang sedang dibahaskan sekarang ini walaupun nampaknya serius bila dipandang sepintas lalu, tetapi dukacita ianya sekadar hendak membasmi sebahagian sahaja iaitu dadah, manakala yang menjadi punca bagi pemusnahan dan kelumpuhan ini bahkan juaranya iaitu arak dibiarkan bermaharajalela seperti biasa juga. Islam sendiri menggelarkan arak dengan umulhabais, dengan izin, ibu dan induk bagi seluruh karut-marut dan kacau-bilau di dunia ini. Rata-rata tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk memusnahkan malaria misalnya maka bukan sekadar nyamuk malaria sahaja yang disembur racun, tetapi semua rumah dan bangsal, pondok dan istana, sama ada nyamuk atau tidak ada nyamuk racun mesti disembur, kerana orang tahu untuk

menghapuskan malaria, jentik-jentik dan telornya juga mesti dimusnah bersama.

Rang Undang-undang Dadah yang ada di hadapan kita sekarang ini hanya berkisar di atas dadah semata-mata tidak menyeluruh dan dengan sendiri tidak serius, ianya tidak menyeluruh kepada semua anasir yang memabuk seperti arak yang pada hakikatnya merupakan jentik-jentik dan telur-telur yang amat subur dan membiak untuk dadah itu sendiri.

Kalau Kerajaan kita sekarang ini dalam usaha menghapuskan komunis dan sanggup menuduh dan melibatkan parti-parti Pembangkang dengan kegiatan komunis walaupun tidak terdapat bukti, maka untuk menghapuskan dadah, mengapa Kerajaan tidak sanggup, bahkan berani melibatkan sama unsur-unsur yang serupa, unsur-unsur yang menimbulkan mabuk dan khayal. Bahkan saya tambah lagi bahawa untuk menghapuskan kesan kekacauan di Lubuk Merbau baru-baru ini Kerajaan telah sanggup memberkas di bawah ISA orang yang cuma menulis buku peristiwa itu, manakala pembunuh durjana itu sendiri belum tentu di mana duduknya sekarang. Saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana arak lebih teruk dari dadah, kerana pada dadah terdapat perkataan salahguna dan tidak salahguna, dengan erti ada dadah yang disalahguna dan ada pula yang tidak disalahguna, tetapi arak tidak ada langsung salah atau tidak salah, semuanya salah dan semuanya keji dan najis. Nampaklah sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak serius dalam usaha ini sepertimana yang diharap-harapkan, sedangkan keseluruhan banduan-banduan dadah di negara-negara Eropah dikira terlibat dengan dadah Malaysia.

[Perenggan ucapan bahagian ini dihapuskan (expunged) atas arahan

Y.B. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 43]

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila tarik balik.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Saya tarik balik perkataan itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa undang-undang dengan pelaksanaan-pelaksanaannya yang betul merupakan di antara cara yang berkesan untuk menyelesaikan problem hidup. Islam sendiri di samping memperkenalkan prinsip iman dan taqwa sebagai prinsip hidup, dia juga menetapkan undang-undang tertentu untuk keselamatan dan ketenteraman. Bererti mengadakan undang-undang termasuk Undang-undang Dadah sekarang ini adalah perkara yang wajar diterima walaupun ianya masih cacat dari segi tidak berlandaskan iman dan taqwa sepertimana adat lumrah yang kebiasaan berlaku di seluruh dunia sekular, termasuk Malaysia. Soal yang harus ditimbulkan sekarang ini apakah punca langkah pencegahan ini berlaku hingga membabitkan hak-hak asasi manusia yang boleh ditahan dan disekat tanpa pembelaan di mahkamah terbuka. Ada dua perkara yang boleh ditimbangan sekarang:

Pertama, kita pernah membaca amaran yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri di penghujung November tahun 1984 lepas terhadap adanya setengah-setengah pegawai Polis yang melindungi pengedar serta penagih dadah. Dengan erti kelemahan-kelemahan yang berlaku sekarang tidak boleh dilonggokkan semata-mata ke atas pengedar dan penagih sahaja. Kita mesti berani

mengaku bahawa kelemahan juga berlaku di kalangan anak buahnya sendiri iaitu bahagian keselamatan sedangkan Akta yang kita bahaskan sekarang ini tidak menampakkan apa-apa sungutan walaupun berupa sindiran terhadap mereka, sedangkan puak-puak rasuah inilah selamalamanya yang memusnahkan segala usaha baik orang lain.

Kedua, penjualan dadah merupakan sumber ekonomi yang sangat lumayan pada mana-mana yang berkenaan. Masalah halal-haram tidak timbul walaupun di kalangan penganjur-penganjur yang beragama Islam kerana mereka tahu bahawa halal-haram bukannya menjadi prinsip negara. Negara sendiri memberi peluang sepenuh-penuhnya kepada rakyat untuk mengukuhkan ekonomi masing-masing tanpa mengira halal haram, Bank Islam pun dibuka, bank riba pun dibuka, resit-resit derma kebajikan pun diberi dan resit-resit Loteri 4 Nombor pun dihulurkan, resit judi dan resit derma sama-sama bebas. Justeru itu penglihatan orang-orang Islam di negara ini dalam penganjur dadah, dalam penghisapan dadah, dalam menerima rasuah dadah dan sebagainya adalah menjadi perkara biasa dan lumrah, hasil dari didikan falsafah pragmatis yang sedang diamalkan oleh pemerintah kita sekarang. Hal ini telah menimbulkan kerumitan yang amat sangat di kalangan para pendakwah untuk bekerjasama dalam usaha membasmi dadah. Mereka menjadi serba salah dan kadang-kadang naik malu untuk menyebut hukum halal-haram terhadap kerja-kerja dadah, baik penjualan dadah, penganjur dadah kerana mereka sedar dan mereka tahu benar-benar bahawa mereka menjadi alat untuk memuaskan selera tuan-tuan besar yang tidak memperdulikan halal-haram, tidak memperdulikan tauhid dan syirik, tidak memperdulikan iman dan kufur. Jadi di mana letaknya keadilan kalau

hukuman dari Akta ini semata-mata ditumpukan kepada puak-puak yang cuma disyak sahaja menjadi penganjur dadah dan sebagainya, sedangkan mereka itu mungkin menjadi mangsa kepada kelemahan-kelemahan kita sendiri yang mesti dibuat pembetulan juga, kerana walaupun apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi cuma di kalangan Polis sahaja, tetapi mengikut biasa kerja-kerja begini ada rangkaianannya, ada networknya yang menyeluruh termasuk puak-puak VIP dan beg-beg diplomatik.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh masalah penahanan, sekatan yang mana disebut dan yang tidak sebut kuasa penahanan orang-orang yang disyakki. Sesungguhnya penahanan tanpa waran bukan perkara baru bagi kita. Dunia seluruhnya tahu bahawa kita yang selalu menggunakan perkataan demokrasi ala Malaysia telah lama menggunakan ISA sebelum ini dan kerja-kerja ISA ini 5x2 sahaja dengan apa yang dicadangkan dalam Akta yang sedang dibahaskan sekarang ini. PAS sendiri sejak dahulu sampai sekarang arif benar dalam hal ini kerana kami selalu sangat menjadi batu landasan pihak berkuasa melepaskan geram mereka kerana kelemahan-kelemahan mereka sendiri, bahkan akhir-akhir ini berlaku semacam pencolekan, bukan sahaja tanpa bicara, bahkan tanpa budi-bicara, Allah azzawajalah dan para malaikatNya sahaja maha mengetahui betapa sedih dan lukanya hati keluarga bagi mangsa tahanan tanpa budi-bicara ini.

Surat-surat khabat kita kelmarin melaporkan bagaimana rakyat Sudan di bawah tadbiran sekarang menuntut supaya apa yang dinamakan agensi keselamatan bekas Regim Numeri di Sudan yang diguling itu dibubarkan dan telah pun dibubarkan. Apa pun nama yang digunakan dan apa sahaja

kata-kata manis yang dipakai, termasuk perkataan Agensi Keselamatan, Akta Pencegahan, hakikatnya lebih kurang sahaja kerja-kerjanya dengan ISA di negeri kita sekarang yang lambat-laun mesti juga menerima padahnya dengan izin Allah. Oleh itu, sebelum kita mengadakan satu lagi undang-undang yang mengingatkan kita kembali dengan apa telah ada, iaitu ISA, perlulah kita renung balik Akta lama itu, yakni ISA itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman-pengalaman yang telah lepas terdapat keraguan yang boleh dipertikaikan dan perlu mendapat penjelasan seadil-adilnya terhadap mangsa-mangsa tahanan ISA dahulu. Contoh, seorang bernama Mohd. Nor Mansor dari Sabah, beliau pernah ditahan semasa Parti BERJAYA masih menjadi Pembangkang, bila partinya berkuasa, beliau dibebas, kemudian dilantik menjadi Menteri Kewangan. Orang ramai boleh bertanya mana satu yang betul dan mana satu yang salah; tahan tanpa bicaralah yang betul atau bebas tanpa penjelasan yang betul.

Yang kedua, sebuah buku bernama "Tetamu Istimewa" karangan bekas seorang Menteri yang menceritakan pengalamannya dalam tahanan. Buku ini dahulunya diharamkan dan kemudian dihalalkan. Manakala buku yang satu lagi bernama "Universiti Kedua" juga mempunyai kandungan tujuan serupa, tetapi tidak pernah diapa-apakan. Dan akhir-akhir ini seorang dari 3 Abdul yang pernah ditahan di bawah ISA juga telah membuat kenyataan terbuka bahawa beliau telah dianiyai oleh pihak tertentu dengan penahanan itu, tetapi tidak ada apa-apa penjelasan balas dari pihak yang berkuasa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, daripada contoh yang berlaku di hadapan mata kita bagaimana keraguan telah timbul

terhadap pelaksanaan ISA, maka tahanan-tahanan yang akan dilakukan nanti melalui Akta Dadah yang sedang dibahas sekarang juga akan sama-sama diragukan keadilannya dan sama-sama boleh dipertikaikan, lebih-lebih lagi adalah sangat-sangat membimbangkan hati bahawa akan terdapat kes-kes terhadap orang yang benar-benar tidak terlibat dengan dadah, tetapi dibabitkan dengan dadah untuk tujuan tertentu dan kepentingan tertentu. Dan suratkhbar kita hari ini menceritakan bagaimana seorang Konstabel dari Bandaraya Kuala Lumpur ini telah ditahan kerana menyalahgunakan kuasanya menuduh orang yang tidak bersalah membawa sebiji bom tangan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita mengkaji masalah penahanan tanpa bicara secara terbuka ini, perlu kita ingat sedikit prinsip Islam mengenai kehakiman. Sebagai contoh, dengan erti yang dimaksud: "Sesiapa yang membuat dakwaan dia dikehendaki mengemukakan hujah, manakala pihak yang engkar diminta bersumpah". Dengan erti, tidak ada hujah dan tidak ada bukti terhadap dakwaannya, maka tidak akan sabit kesalahan untuk yang dituduh. Hendak tuduh tak tentu fasal, hendak tahan tak tentu fasal tidak boleh, berdasarkan manusia adalah bersih kecuali ada sebab-musabahnya.

Saidina Ali k.a. seorang khalifah yang terkenal pernah kalah dalam perbicaraannya melawan seorang Yahudi yang dituduh mencuri baju rantainya. Walaupun Saidina Ali mengenali benar-benar dan dapat mengemam baju rantainya sendiri, tetapi oleh kerana tidak ada saksi dan bukti yang boleh diterima oleh mahkamah, maka dakwaan beliau gugur dan Yahudi telah menang dalam kes ini. Apa yang menarik di sini ialah Yahudi tadi yang terkenal sebagai musuh tradisi Islam telah dengan ikhlas mengucap dua kalimah syahadah dan

menerima Islam sebagai cara hidupnya kerana berpuas hati dengan cara Islam menyelesaikan masalah dengan adil dan memuaskan. Kebetulan Akta yang ada di hadapan kita sekarang ini menahan, menyekat seseorang tanpa waran bukan memuaskan, tetapi melukakan hati yang terlibat.

Kesimpulannya, saya menyokong sepenuh usaha untuk membasmi salahguna dadah, tetapi tidak menyokong usaha-usaha tempel yang tidak dimasukkan keseluruhan bahan-bahan mabuk, seperti arak dan sebagainya. Saya menolak 100% usaha menahan, menyekat tanpa waran, tanpa bicara secara terbuka, ia tidak boleh diamalkan lagi terus-menerus kerana tak boleh dipertahankan, usahkan di padang mahsyar, di dunia ini pun sudah tak berani dibawa ke mahkamah terbuka. Sekian, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat: (Bangun)

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersabit dengan teguran saya atas ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi yang menarik perhatian Peraturan Mesyuarat 36 (8), iaitu menegah ahli-ahli dalam Dewan ini menyebut nama-nama Duli Yang Maha Mulia yang sedang memerintah sekarang. Jadi, saya menarik perhatian semua para Pemberita dan para Pencatat Peringatan Mesyuarat hari ini supaya perkataan itu dan ayat-ayat itu dihapuskan daripada Peringatan Mesyuarat pada hari ini. Itu arahan daripada saya sendiri.

Saya jemput Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

6.26 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya

(Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 bersama-sama dengan laporan dan syor-syor yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat ini.

Dalam bentuknya yang asal, Rang Undang-undang ini telah dirujukkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas setelah dibentangkan untuk bacaan kali yang pertama di dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan Parlimen yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Pilihan Khas ini di bawah Pengerusinya, iaitu Timbalan Menteri Dalam Negeri dengan kebijanya telah memutuskan bertemu dengan segenap rakyat Malaysia untuk memperolehi sudut pandangan, suatu keratan rentas masyarakat Malaysia yang mungkin seluas dengan Aturan, Urusan Mesyuarat 83 (2).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membuat keputusan membentuk Jawatankuasa sedemikian berhubung dengan suatu Rang Undang-undang baru dengan implikasi penting bagi masa depan negara ini. Walaupun sebagai seorang Pembangkang, saya tidak boleh dapat menyokong satu Rang Undang-undang yang akan meninggalkan prinsip hak asasi kemanusiaan, akan tetapi kita sebagai ahli politik yang mungkin cuba berusaha dengan satu "sense of fairness", dengan izin, mestilah membuat ucapan tahniah kepada Kerajaan oleh kerana membentuk Jawatankuasa Pilihan Khas itu.

Konsep perundingan di antara Parlimen dengan golongan-golongan yang terlibat sebelum meluluskan sesuatu Rang Undang-undang yang penting patut diberikan dorongan walau dan mungkin khususnya oleh pihak Pembangkang, asalnya ini patutlah dipuji oleh kerana ianya

adalah suatu kejadian yang jarang sekali berlaku.

Buat permulaan, sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas membayangkan prinsip keadilan semula jadi di mana rakyat dapat menikmati hak mereka untuk didengar sebelum sebarang keputusan yang mempengaruhi mereka dibuat. Kedua, Jawatankuasa sedemikian akan memberikan peluang kepada rakyat mengambil bahagian di dalam proses pembuatan keputusan sesebuah negara.

Seperti yang sedia maklum, penglibatan serta penyertaan adalah kuasa-kuasa dorongan terbaik bagi pembentukan sebuah negara yang maju, akhirnya ia juga menjamin serta menggalakkan bertanggungjawab awam (public accountability) di dalam proses perundangan negara dan melaluinya menegaskan kewibawaan moral Parlimen sebagai institusi politik yang tertinggi di negara kita.

Kebanyakan daripada kesukaran yang telah dialami oleh kerana kelulusan Rang Undang-undang yang kontroversal secara terburu-buru ini masa yang lepas, mungkin dapat diselesaikan jika Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen telah diadakan untuk berunding dengan rakyat. Contoh Rang Undang-undang sedemikian adalah Akta Pendaftaran Pertubuhan-pertubuhan (Pindaan), Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang seterusnya membawa kepada krisis Perlembagaan dan Akta Undang-undang Sivil 1984.

Saya telah menemui Jawatankuasa ini di Kuching dan saya juga telah mengkaji laporannya termasuk semua keterangan kata demi kata (verbatim report), dengan izin, saya telah tertarik dengan tiga perkara.

Yang pertama, ucapan tahniah mesti diberi kepada kakitangan Parlimen yang telah menyediakan suatu laporan

verbatim mengenai pembicaraan awam yang begitu cemerlang.

Kedua, saya juga tertarik dengan sikap am Jawatankuasa yang begitu terbuka dan penuh kejujuran dalam perbincangan-perbincangan dengan orang awam.

Saya mendapati suatu usaha tulin oleh Jawatankuasa Pilihan Khas khususnya Pengerusinya iaitu Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk mendalami serta memperolehi idea-idea rakyat yang benar-benar menghadapi bantahan mereka. Maka amatlah menggembirakan saya bahawa laporan akhir Jawatankuasa ini juga telah mengandungi syor-syor mengenai 7 pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang asal. Kesemuanya bertujuan mengadakan perlindungan daripada kemungkinan salahgunaan kuasa oleh pihak Eksekutif.

Cadangan-cadangan bagi pindaan-pindaan telah membuktikan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas dan melaluinya Kerajaan adalah responsive terhadap kekhuatiran-kekhuatiran rakyat yang telah disuarakan mengenai penyalahgunaan kuasa yang diberikan oleh Rang Undang-undang ini kepada Kerajaan. Ia juga membuktikan bahawa perbincaraan awam dengan menggunakan sedikit perbelanjaan awam bukanlah suatu latihan yang sia-sia (futile exercise) sahaja. Jadi, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada anggota-anggota Jawatankuasa Pilihan Khas terutama sekali Pengerusinya iaitu Timbalan Menteri Dalam Negeri serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat termasuk seorang Ahli dari DAP kerana menetapkan suatu tradisi Parlimen yang dihargai di Malaysia. Sumbangan mereka akan melanjutkan tujuan demokrasi berparlimen dan pembangunan negara di Malaysia.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*

Ketiga, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada tindak balas daripada rakyat yang begitu baik sekali kepada perbicaraan awam yang dijalankan. Kesemuanya 421 badan dan banyak individu telah bertemu dan memberikan pandangan, pendapat mereka kepada Jawatankuasa tersebut. Sumbangan mereka kepada usaha Jawatankuasa Pilihan Khas bukan sama sekali kecil dan jika masa membenarkan saya berasa pasti bahawa lebih ramai rakyat Malaysia akan mengambil bahagian dalam perbicaraan itu.

Tindak balas yang kuat ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia mengambil berat tentang proses perundangan. Mereka akan meluangkan masa supaya berbincang sesama mereka dan menyediakan memorandum-memorandum dan juga melibatkan diri secara aktif jika diberi peluang. Maka perbicaraan awam Jawatankuasa Pilihan Khas patut mendorong Kerajaan supaya lebih kerap menghadapi rakyat dan bukan sahaja memberi tahu mereka apa yang patut difikirkan oleh mereka bahkan rela mempelajari dari rakyat sendiri, barulah demokrasi Parlimen mempunyai peluang terus hidup di Malaysia.

Apa yang saya telah nyatakan adalah berkait dengan kuasa atau dengan usaha dan kerja, prestasi Jawatankuasa itu dan sekarang saya akan membincangkan merit ataupun prinsip-prinsip Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada sudut pandangan DAP, pokok dasar kontroversi yang menyelubungi Rang Undang-undang ini adalah isu mengenai tahanan pencegahan dan kuasa menangkap orang-orang yang disyaki tanpa waran.

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 adalah dibentang selaras dengan Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, Perkara (1) fasal (f) yang memperuntukkan kuasa bagi Parlimen menggubal undang-undang menentang subversion.

Pihak DAP telah sejak dahulu lagi membantah terhadap undang-undang yang digubal di bawah Bahagian XI, Perlembagaan Persekutuan yang terdiri daripada 3 perkara termasuk perkara 149 yang mengusahkan undang-undang yang digubalkan sedemikian walaupun ianya tidak selaras dengan Perkara 5 (iaitu Peruntukan bagi Kebebasan Individu), Perkara 9 (Pencegahan Pembuangan Negeri dan Kebebasan Bergerak) dan Perkara 10 (Kebebasan Berucap, Berhimpun dan Bergaul).

Kini Dewan Rakyat dikehendaki mempertimbangkan sesuatu Rang Undang-undang menyeru peruntukan-peruntukan di bawah Perkara 149 Perlembagaan dan dengan jelasnya melanggar perkara-perkara di atas yang menjamin perlindungan hak-hak kebebasan asasi seseorang rakyat.

Dalam menggunakan kod prosedur, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan bebasnya, Rang Undang-undang ini melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa semua rakyat adalah sama di sisi undang-undang dan berhak menerima perlindungan yang sama juga dari proses perundangan (equal protection of the law), dengan izin.

Pihak DAP memahami dan juga menghargai tujuan Kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang ini yang akan memberikan kuasa-kuasa yang berleluasa kepada pihak Eksekutif dengan menggabungkan prinsip persaingan

kuasa di antara institusi-institusi Eksekutif, perundangan dan mahkamah.

Pihak DAP memerhatikan dengan penuh keberatan bertambah seriusnya masalah dadah seperti dibukti oleh statistik. Kini terdapat seramai lebih kurang 100 ribu orang penagih dadah yang diketahui di negeri ini. Dengan dipertimbangkan pengguna-pengguna dadah yang belum diketahui, bilangannya akan didapati di antara, mungkin 400,000 dan setengah juta.

Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru ini telah mengumumkan bahawa pada tahun yang lepas sahaja kira-kira 462 orang pengedar sahaja telah didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya 1982 dan dalam tiga bulan pertama tahun ini pihak Polis telah memberkas 2,000 lebih orang pengedar yang disyaki dan merampas sejumlah 803 kilogram dadah serta 2,000 lebih biji pil-pil. Jumlah dadah ini boleh diubah kepada 7.9 juta suntikan.

Pihak DAP juga telah merakamkan di Dewan yang mulia ini bahawa sendiket dadah ataupun drug-lords, dengan izin, yang bertindak di sebalik tirai adalah pesalah-pesalah yang sebenarnya. Kami pun juga memberi jaminan bahawa DAP akan menyokong usaha Kerajaan membasmi semua bentuk penyalahgunaan dadah akan tetapi walaupun tujuan Kerajaan adalah amat baik, walaupun tujuan Kerajaan untuk menggubal Rang Undang-undang ini adalah untuk memelihara kebaikan negara kita dan masyarakat pada amnya, saya bimbang juga bahawa "the cure is more dangerous than the sickness", Tuan Yang di-Pertua, ataupun ubat yang tidak baik akan membunuh pesakit kalau ubat yang salah digunakan.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan berasa bahawa Rang Undang-undang yang sedia ada tidaklah memadai untuk memberkas

drug lords yang sebenarnya memandangkan betapa sukar membuktikan pemilik dadah di kalangan mereka yang telah mengeluarkan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini yang akan, dengan izin, bypass process mahkamah.

Rang Undang-undang ini akan mengesahkan tahanan orang-orang disyaki tanpa waran serta tangkapan tanpa perbicaraan oleh sesebuah mahkamah. Ini adalah amat malang kerana kami tidak boleh menghubungkan diri dengan sesuatu undang-undang yang membatalkan hak-hak asasi rakyat, menafikannya hak kepada saluran-saluran rayuan perundangan ataupun judicial recourse, dengan izin, dan menganggapkan pesalah sehingga dibuktikan tidak ataupun guilty until proven innocent dan meletakkan dengan membuktikan ini di atas dirinya sendiri.

Saya menyedari perhatian bahawa Parlimen adalah layak meluluskan sesuatu undang-undang di bawah Perkara 149 Perlembagaan kerana mengukuhkan keselamatan negara, akan tetapi peruntukan ini adalah hanya bagi tujuan darurat sahaja. Bolehkah rakyat Malaysia diyakinkan bahawa masalah dadah telah sampai ke tahap darurat seperti yang wujud misalnya semasa peperangan ataupun bencana alam yang besar-besaran.

Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun ISA telah menggubal pada masa negeri ini menghadapi subversion bersenjata yang mengancam kestabilan masyarakat awam. Ordinan Darurat pula telah digubal pada masa berlakunya pergolakan awam yang besar yang juga telah mengancam Rule of Law, dengan izin.

Walaupun kami telah sentiasa membantah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Ordinan Darurat sekurang-kurangnya pada masa perlaksanaannya telah wujud sedikit sebanyak suatu

keadaan bencana nasional, ini bukanlah keadaannya dengan masalah dadah khususnya apabila pemimpin-pemimpin Kerajaan kita sering meyakinkan rakyat akan keselamatan negara yang terkawal itu.

Mungkin ada di antara mereka yang akan menyatakan bahawa prinsip-prinsip keadilan tulen dan sistem Common Law adalah hanya suatu tradisi dan bahawa tidaklah salah bagi Parlimen menegaskan kehendak rakyat ataupun *exercise political will of the people*, dengan izin dengan menyangkal hukuman-hukuman keadilan tulen melalui kelulusan undang-undang tertulis demikian.

Adalah juga suatu kenyataan bahawa Malaysia tidak menandatangani mana-mana konvensyen hak-hak asasi antarabangsa seperti International Covenant of Civil and Political Rights, dengan izin, seperti yang dibangkitkan dan dibaca oleh rakan saya daripada Kepong, janganlah kita melupakan hakikat bahawa dalam satu sistem perundangan dan politik Malaysia yang berakar umbi di dalam sistem Common Law dan sebagai satu anggota masyarakat dunia kita sebagai sebuah negara adalah terikat secara moral untuk menegakkan hak-hak asasi manusia di bawah Carta 55 dan 56 United Nations Charter, lebih lagi kita tidak boleh melupakan penghormatan sedunia yang diberikan hak-hak kebebasan asasi seperti yang ditafsirkan oleh Universal Declaration of Human Rights, dengan izin, yang telah diluluskan sebulat suara oleh Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1948.

Pada hari ini Declaration itu mengumumkan norma-norma hak-hak asasi yang paling asasi yang diterima oleh undang-undang antara bangsa. Hak-hak asasi seorang manusia dan hak-hak kebebasan awam adalah pemilihan yang paling berharga serta

murni kerana tanpanya ia adalah hanya a non-person. Di dalam sesebuah masyarakat civil undang-undang sistem mesti dihadapkan kepada peneguhan hak-hak tersebut termasuk hak kebebasan iaitu terhadap pembangunan potensi manusia, maka sementara Rang Undang-undang ini mungkin sah dari segi prosedur oleh kerana peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan kuasa kepada Parlimen digubal ini tidak menghapuskan perasaan yang keberatan serta tidak diingini ataupun distasteful feelings. Oleh kerana dari segi moral mungkin Rang Undang-undang ini telah melanggar substantive prinsip hak-hak asasi kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini akan keputusan pengadilan Raja Azlan Shah, bekas Lord President Mahkamah Persekutuan. Dalam satu kes, kes Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan vs Sri Lampah Enterprise Sdn Bhd dan dalam judgement beliau telah berkata berbunyi seperti berikut, dengan izin:

“Every legal power must have legal limits, otherwise there is dictatorship. Where it is wrongly exercised it becomes the duty of the courts to intervene. The courts are the only defence of the liberty of the subject against departmental aggressions. In these days when government departments and public authorities have such great powers and influence, this is a most important safeguard for the ordinary citizen, so that the courts can see that these great powers and influence are exercised in accordance with the law.”

Apa yang dimakna oleh seorang yang bertugas sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah bahawa satu perlindungan ataupun safeguard yang terakhir tentang penyalahgunaan kuasa oleh pihak Kerajaan oleh pihak

Eksekutif Kerajaan ialah Judiciary System. Dalam mencadangkan Rang Undang-undang ini Kerajaan telah menghapuskan hak-hak perundangan Eksekutif dengan menafikan kuasa mahkamah, mengkaji semula tindakan Eksekutif. Kini lebih banyak Rang Undang-undang sedang diluluskan tanpa hak-hak perundangan Eksekutif sedemikian memasukkan peruntukan-peruntukan yang tidak membenarkan keputusan oleh seseorang Menteri dipersoalkan dalam satu mahkamah. Ini adalah satu trend yang merbahaya yang menceroboh Rule of Law, dengan izin, yang menjadi asas Demokrasi Berparlimen.

Saya menghargai masa serta usaha yang diberi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas kerana mendalami prosedur menahan dan kemudiannya menyelidik supaya menyediakan kawalan terhadap kemungkinan-kemungkinan salahgunaan kuasa.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas patutlah dipuji. Khususnya kerana menakluk atau subject Rang Undang-undang ini kepada Kajian Semula oleh Parlimen setelah lima tahun dan juga menjadi syor-syor Lembaga Penasihat terikat kepada Menteri berkenaan atau binding, Tuan Yang di-Pertua.

Pengwujudan jawatan pegawai siasatan ataupun "Inquiry Officer" dengan izin, dengan sedikit kuasa menyaman dokumen-dokumen serta saksi-saksi bagi tujuan memberi pendapat seterusnya ataupun second opinion kepada Menteri juga adalah amat innovative. Jika pindaan-pindaan yang sama dibuat kepada ISA, ia pasti akan diterima oleh rakyat, bukan sebagai tujuan akhir tetapi sebagai satu intermediate, satu konsesi ataupun kompromi untuk mengreformasikan ISA itulah ke arah akhirnya menghapuskan ISA sama sekali. Dan jika dibuat kepada ISA ianya akan

diterima, akan tetapi di dalam konteks semasa Rang Undang-undang ini, cadangan-cadangan yang telah dinyatakan itu memang menurunkan kemungkinan salahgunaan kuasa oleh pegawai Polis dan lain-lain pegawai akan tetapi ia tidak merupakan satu kawalan terhadap pelanggaran hak-hak asasi akibat tahanan kerana disyaki dan tanpa perbicaraan. Dan kebanyakan daripada apa yang kononnya dipanggil kawalan ataupun perlindungan yang sepatutnya disediakan melalui pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidak mempunyai kuasa moral ataupun kuasa legal seperti kawalan-kawalan mahkamah yang telah di bypass oleh Rang Undang-undang ini.

Pindaan-pindaan ini juga tidak menjawab persoalan bagaimanakah Rang Undang-undang ini boleh dianggap sebagai satu pencabulan hak-hak asasi manusia. Soalan ini tidak pernah dijawab. Daripada pandangan Rule of Law dan pengasingan kuasa-kuasa ataupun "separation of powers", dengan izin, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini hanya merupakan "cosmetic surgery" sahaja. Kerajaan nampaknya berpendapat bahawa keperluan lebih kuasa oleh pihak Executive adalah wajib secara mutlak kerana menyelesaikan masalah penyeludupan dadah. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pendapat-pendapat yang berharga yang telah disuarakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas oleh beberapa pertubuhan khususnya daripada wakil-wakil DAP Pulau Pinang, Selangor Graduates' Society, ALIRAN, Consumers 'Association of Penang (CAP), Australia-New Zealand Graduates' Society dan lain-lain yang mengatakan bahawa wabak dadah tidak boleh diatasi dengan meninggikan kuasa-kuasa Executive bagi tahanan pencegahan dan bagi tahanan atas syak. Mereka juga menyatakan bahawa masalah dadah adalah merupakan satu penyakit sosial

ataupun penyakit masyarakat. Dengan menghadkan masalah ini kepada hanya persoalan kekurangan kuasa bagi Kerajaan untuk menahan sendikit dadah, Kerajaan akan pasti gagal. Mula-mulanya jika kita menerima andaian Kerajaan bahawa sendikit-sendikit dadah menjalankan operasi secara antarabangsa, penahanan beberapa orang tengah di antara pengedar-pengedar dadah biasa dengan ketua-ketua sindiket tidak akan mencegah drug smuggling. Boleh dipercayai bahawa drug lords ataupun Raja Dadah yang sebenar akan terus memaksa kakitangan-kakitangan mereka menanggung kesalahan bagi mereka ataupun take the rake bagi drug lords itu dan mungkin ditahan oleh Polis.

Kedua, pengedaran dadah yang berleluasa adalah berlaku kerana agensi-agensi penguatkuasa adalah kurang memuaskan dalam erti kata kecekapan dan kebebasan dalam rasuah. Dalam lain perkataan wabak penyalahgunaan dadah adalah tanda satu penyakit sosial masyarakat yang lebih berleluasa mungkin iaitu rasuah. Kejayaan pengurus-pengurus besar-besaran (drug lords) adalah bergantung kepada masalah rasuah yang berleluasa bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai Polis dan Jabatan Kastam di entry point sahaja, bahkan juga mungkin di tahap-tahap yang lebih tinggi. Melainkan kita memperlihatkan suatu keazaman politik bersama untuk membasmi rasuah, wabak ini akan sentiasa mengancam negara kita, walau berapa kasar pun Rang Undang-undang ini digubal.

Satu lagi aspek yang disuarakan oleh beberapa deligasi adalah sebab-sebab soal yang menyebabkan penyalahgunaan dadah. Mengapakah 65% daripada semua penagih-penagih dadah adalah murid-murid lepasan sekolah yang menunggu keputusan SPM atau STPM.

Tuan Yang di-Pertua, adakah faktor-faktor sosial dan politik yang mewujudkan perasaan alienation, dengan izin, kegagalan, kekeciwaan kehilangan keyakinan diri dan kejahilan yang memandu seorang kepada dadah. Adakah kita kini menjadi sebuah negara yang begitu mabuk dengan nilai-nilai materialistik ataupun "achievement-oriented" sehingga golongan belia-belia kita kehilangan keyakinan terpaksa mencari kesenangan dengan dadah. Adakah masyarakat kita kini begitu tertindas dengan polisi-polisi "paternalistic" Kerajaan sehingga kuasa-kuasa ataupun anasir-anasir kemanusiaan perlu mencari kebebasan dalam penyalahgunaan dadah? Adakah kita kehilangan semangat riang dan kemasyarakatan Malaysia yang pernah dinikmati pada masa merdeka kerana telah mempolarisasikan masyarakat kita, atau "atomization" sehingga "alienasi" yang dilahirkan itu dimanifestasikan dalam penyalahgunaan dadah, jika penyalahgunaan dadah sememangnya merupakan satu masalah sosial, mungkin kita mesti mencari pengubatan sosial juga? Undang-undang yang kasar, yang keras sahaja tidak cukup berkesan dalam mengatasi wabak dadah itu.

Jadi saya bersetuju dengan pendapat-pendapat golongan bahawa syarat-syarat diwujudkan Jawatankuasa Pilihanraya Khas Dewan Rakyat itu adalah terlalu sempit dari mula-mula lagi. Jika kita hendak menentang ancaman penyalahgunaan dadah, mungkin jawatankuasa itu sepatutnya merujuk balik kepada Parlimen bagi penubuhan satu Jawatankuasa Parlimen baru dengan tanggungjawab yang berat tetapi dengan bidang kuasa yang lebih luas untuk mengkaji semula aspek yang baru berhubung dengan dadah termasuk rasuah polis, penyelidikan awam, terhadap dadah di dalam

sekolah-sekolah, rawatan yang lebih cekap, pemulihan, penyelidikan dan juga pembentukan Jawatankuasa Anti-Dadah Serantau, mungkin kampung demi kampung ataupun jalan demi jalan. Akan tetapi sekarang kita diminta meluluskan Rang Undang-undang yang sama ini dengan hanya sedikit "cosmetic surgery" sahaja. Dalam meluluskan Rang Undang-undang ini kita akan terus menginstitusikan amalan "guilt by suspicion", dengan izin. Ini adalah satu-satunya yang tidak akan diterima oleh DAP, bukan kerana kami memperjuangkan hak-hak drug lords itu yang disyaki menerima, percikaraan yang adil, bahkan juga kerana kami memberatkan sistem demokrasi berparlimen.

Kami tidak boleh menerima apa-apa perundangan yang menghakis sistem ini secara arbitrary Rule of Law.

Dan akhirnya saya ingin membaca sedikit satu perenggan daripada muka surat 38 yang merupakan satu keputusan yang sesuai dan wajar kepada ucapan saya. Ini adalah disuarakan oleh Pengerusi Aliran, Dr Chandra Muzaffar yang berkata:

"Sekiranya kita tidak berpegang kepada lunas-lunas keadilan tertentu, mungkin kedudukan kita tidak begitu berbeza daripada apa yang berlaku di Indonesia di mana mereka yang disyaki penjenayah ditembak mati di jalan raya Jakarta dan oleh badan-badan yang lain yang berlaku dalam beberapa bulan yang sudah yang telah menaikkan perasaan marah daripada beberapa golongan di merata tempat dan lain-lain".

Apa yang dimaksudkan oleh saya ialah jika kita meluluskan Rang Undang-undang ini, kita akan menginstitusikan kuasa Kerajaan untuk sebagai, dengan izin, "death squad" sahaja. Terima kasih, sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bersama-sama rakan-rakan lain untuk menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) Tahun 1984.

Seluruh masyarakat mengakui bahawa wabak dadah adalah merupakan suatu penyakit yang boleh bukan sahaja mengancam keselamatan fizikal dan mental individu yang telah menyalahgunakannya, malah wabak ini boleh mengancam keselamatan, keharmonian masyarakat dan seterusnya boleh mengancam kestabilan, kedaulatan negara kita. Wakil-wakil DAP yang bangun berucap, Wakil dari Kepong, Wakil dari Bandar Kuching juga mengakui bahawa masalah penyalahgunaan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun membela laporan Yang Berhormat sendiri, ya?

Tuan Khadri bin Sabran: Saya selaku Ahli Parlimen Tenggaroh, sebagai seorang Ahli Dewan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta duduk sebentar. Saya rasa Laporan Jawatankuasa dibentang yang mana Yang Berhormat sendiri menjadi Ahli Jawatankuasa tersebut. Saya rasa walaupun kita tidak dapat mana-mana peraturan yang menghalang Yang Berhormat daripada berucap, sekurang-kurangnya dari segi Parliament etiquette, elok juga kalau Yang Berhormat tidak berucap. Apa kata Yang Berhormat?

Tuan Khadri bin Sabran: Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, hak saya untuk berucap mewakili kawasan

Pilihanraya saya dan juga kalau saya berucap, selaku seorang Ahli Jawatankuasa Petugas.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan sebagai menyokong Laporan Yang Berhormat sendiri.

Tuan Khadri bin Sabran: Bagi menyokong Laporan, terima kasih. Malah Ahli dari Kepong, Ahli dari Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ini oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat membangkitkan Tatatertib Mesyuarat?

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak ada apa Tatatertib Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak, kena minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta satu keputusan dari Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh adalah seorang yang membentangkan Laporan ini, bagaimanakah ianya boleh mengambil bahagian dalam perbahasan atas Laporan ini jikalau kita hormat conflict of interest, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Tuan Yang di-Pertua mengkaji semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu keputusan diminta daripada saya. Seperti saya maklumkan kepada Majlis tadi bahawa tidak ada mana-mana satu peraturan yang menghalang Yang Berhormat daripada berucap. Dan bila mana saya minta sama ada Yang Berhormat Ahli

dari Kuching boleh menyebut mana-mana Peraturan Mesyuarat yang telah dilanggar pun saya rasa beliau tidak dapat mengemukakan kepada saya untuk membantu saya. Namun bila kita dalam keadaan yang sedemikian rupa, berbalik kepada prinsip. Dan saya memutuskan membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh berucap di atas permintaannya sendiri atas pegangan saya kepada prinsip bahawa sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tersebut dibenar mengemukakan, membentangkan dan menyampaikan hujah-hujah beliau, mengapa beliau meminta Dewan menerima Laporan Jawatankuasa beliau. Begitu juga saya terpaksa menerima penegakan hak Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh berucap sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa sebagai menyokong Laporan Jawatankuasa yang mereka menganggotai. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta jalan. Adakah hendak beri jalan?

Tuan Khadri bin Sabran: Saya belum habis, ayat pun belum habis lagi. Apa yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua adalah jelas. Kalau Yang Berhormat Pengerusi saya membentangkan Laporan dan setelah Laporan dibentangkan, dibahaskan maka saya selaku seorang Ahli Jawatankuasa memberikan sokongan terhadap Laporan yang telah dibentangkan dengan mengambil kira hujah-hujah yang telah dilemparkan oleh mereka, terutamanya Wakil-wakil dari Bandar Kuching, Kepong dan juga daripada Pengkalan Chepa sebagai memperkuatkan lagi usaha supaya Laporan ini diterima oleh Dewan yang

mulia ini. Maka saya rasa berhak untuk memberikan hujah saya sekarang. Terima kasih di atas keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan saya meneruskan percakapan saya.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat membangkitkan Tatatertib Mesyuarat?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu buku Parliamentary Practice oleh Erskine May.

Tuan Khadri bin Sabran: Ini Tatatertib Mesyuaratkah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membangkit Peraturan Mesyuarat. Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Khadri bin Sabran: Tatatertib Mesyuarat berapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Sim Kwang Yang: Yang menyatakan, dengan izin, muka surat 210:

“The second main basis of procedure in the House of Commons (ataupun Dewan Rakyat) is provided by the Standing Orders which, as indicated above, has to be read in conjunction with the practice of the House and do not form a complete code of procedure.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam praktis Parlimen sejarah negara kita, ada satu kes yang berlaku dalam masa lalu di mana seorang Ahli Jawatankuasa boleh mengambil bahagian dalam perbincangan atas laporan seorang Ahli itu, saya tidak boleh tentang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching sekali

lagi membangkitkan perkara Tatatertib Mesyuarat. Seperti yang saya maklumkan tadi setelah mengkaji dan saya rasa saya faham apa yang ada dalam buku ini tidak terdapat mana-mana peraturan yang boleh menghalang Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh berucap. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyebut peraturan dalam Erskine May. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya pun baca Erskine May dan meneliti akan Erskine May. Namun dalam keadaan yang sebegini, sepertimana Ahli Yang Berhormat maklum, ini adalah kali pertama mungkin sesuatu Laporan Select Committee ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas dibentangkan di dalam Majlis Parlimen kita. Oleh yang demikian, kita tidak ada precedent. Sekiranya saya membuat keputusan, keputusan itu hendaklah berasaskan satu Peraturan Mesyuarat.

Kedua, Perlembagaan Persekutuan dan ketiganya precedent. Dan di mana-mana sumber yang saya sebut tadi, saya tidak terfikir mana-mana prinsip precedent ataupun peraturan yang boleh saya memutuskan melarang Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh berucap. Maka dalam keadaan yang sedemikian, saya terpaksa membenarkan dan mengizinkan tuntutan hak yang dituntut oleh beliau.

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order di bawah S. O. 100 sebelum ianya dipinda esok petang, Tuan Yang di-Pertua, may from time to time direct; and in giving any such direction Tuan Yang di-Pertua shall have regard to the usages of Commonwealth Parliamentary practice so far as such usages can be applied to the proceedings of the House.”

The word used is “shall” and Tuan Yang di-Pertua sekarang terpaksa membuat rujukan kepada Parliamentary Practice dan bukan

Standing Orders ataupun Perlembagaan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya telah meneliti Peraturan Mesyuarat 100 tetapi saya mengambil perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 99. Saya tidak perlulah sebut apakah Peraturan Mesyuarat 99 itu. Sila teruskan Yang Berhormat dari Tenggaroh.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. DAP ini kita hendak mengucapkan terima kasih kepada mereka pun mereka hendak bantah kita, begitulah kelaziman parti Pembangkang di dalam negara kita ini yang tidak sihat yang sering ingin menimbulkan kekacauan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat minta jalan. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Khadri bin Sabran: Ayat belum habis lagi, kalau minta jalan tidak ada benda hendak cakap.

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat dari Tenggaroh.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (9).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Peraturan Mesyuarat 36 (9)?

Dr Tan Seng Giaw: "Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan dan sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan." Tambah pula kita hendak membahaskan satu keadilan untuk

meluluskan Rang Undang-undang ini, saya tidak nampak mengapa seorang Ahli di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini boleh menjadi pendakwa dan juga hakim dengan serentak. Itu satu kesalahan dan keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah tidak wajar.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta duduk dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membaca Peraturan Mesyuarat 36 (9). Saya kira kalau Yang Berhormat sendiri tinjau bahagian kedua iaitu "selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan." Saya rasa kalau saya diberi izin menggunakan bahasa Inggeris, you contradict yourself, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya hendak minta penjelasan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Bandar Kuching, dua "K" ini. Apa mereka takut Ahli Backbencher kita hendak hujah sedikit di atas perkara ini. Mereka sudah panjang lebar berucap tadi.

Tuan Sim Kwang Yang: Minta maaf, kalau saya boleh diberi peluang untuk menjelaskan tujuan saya untuk membangkitkan beberapa point tertib mesyuarat, bukan mahu kacau ataupun takut, mana ada takut, semua Ahli-ahli Parlimen di sini tidak takut. Oleh kerana kita sekarang buat satu Undang-undang dan oleh kerana keputusan Tuan Yang di-Pertua akan menjadi satu precedent yang berbahaya, dalam pandangan saya oleh yang demikian, saya bangkitkan point-point ini, bukan mahu kacau ataupun takut, ini tidak berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sepertimana Ahli

dari Bandar Kuching maklumkan tadi, setiap keputusan daripada Kerusi ini menjadi precedent. Saya pandang bahawa precedent hari ini yang saya membenarkan seorang Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas berucap di atas Laporan Jawatankuasanya sendiri tidak akan merupakan precedent yang memperbahayakan institusi Parlimen di Malaysia ini. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh, sila teruskan ucapan.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Biarlah saya pendekkan untuk menjelaskan kedudukan dan persoalan seperti yang biasa dibangkitkan oleh kedua-dua wakil dari Kepong dan dari Bandar Kuching. Keseluruhannya kedua-dua wakil yang berkenaan bimbang dan menolak cadangan-cadangan di dalam Rang Undang-undang yang sedang kita bincang sekarang ini dan penolakan-penolakan tersebut hanya berkisar kepada prinsip hak asasi manusia iaitu Rang Undang-undang yang memperuntukkan tahanan tanpa bicara. Dan berkaitan dengan prinsip yang dipegang oleh kedua-dua wakil ini, saya ingin mengemukakan soalan kepada kedua-dua wakil ini berkaitan dengan satu andaian, satu contoh yang akan saya. . . .

(Y.B. dari Bandar Kuching keluar Dewan)

Janganlah lari dahulu wakil dari Bandar Kuching, tolong jawab dan tolong jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila arahkan ucapan kepada saya.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih. Yang Berhormat wakil dari Kepong sebagai seorang suami dan memiliki seorang isteri, memiliki beberapa orang anak. Sebagai seorang suami bertanggungjawab terhadap rumahtangganya, berkewajipan untuk

menjaga keharmonian, kebahagiaan, keselesaan rumahtangganya. Sebagai seorang isteri pula bertanggungjawab untuk memelihara anak-anak, mengemas rumah, menyediakan makan minum dan tugas-tugas lain seperti yang biasa ditetapkan oleh seorang suami selaku ketua rumahtangga tersebut. Waktu pagi si suami, wakil dari Kepong keluar rumah untuk mencari nafkah hidup. Semasa ketiadaan suami, si isteri keluar ikut pintu belakang untuk tujuan-tujuan lain yang berperingkat awalnya tidak seorang pun yang mengetahui ke manakah si isteri ini pergi, apakah dibuatnya kecuali si isteri itu sendiri yang mengetahuinya. Hari demi hari, masa berlalu, minggu demi minggu, bulan demi bulan keadaan-keadaan serupa itulah pula yang dilakukan oleh seorang suami keluar mencari nafkah hidup dan keadaan yang sedemikian rupa jugalah si isteri keluar ikut pintu belakang semasa ketiadaan suami di rumah. Dari hari ke hari si suami balik ke rumah mendengar cerita daripada jiran tetangga, isteri awak keluar main kayu tiga. Daripada seorang jiran pergi kepada dua orang jiran, tiga orang jiran, pergi kepada adik beradik, handai taulan dan sahabat handai menceritakan keadaan-keadaan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa ceritanya Yang Berhormat.

Tuan Khadri bin Sabran: Saya ingin mengemukakan persoalan kepada Wakil dari Kepong agar Wakil dari Kepong memberikan jawapan kepada saya. Soalan belum siap, belum saya kemukakan, sabar.

Perkara yang ditimbulkan oleh rakan-rakan, oleh sahabat handai, oleh rakan taulan, oleh jiran tetangga kepada si suami ini tadi—kepada wakil dari Kepong ialah mengatakan bahawa isterinya semasa ketiadaan suami di rumah pergi ke suatu tempat bermain kayu tiga. Saya tidak mahu

menggunakan perkataan yang kurang sopan di Dewan yang mulia ini kerana bermain kayu tiga lazimnya boleh difahami oleh semua orang, saya harap wakil dari Kepong juga faham akan makna kayu tiga. Kalau tidak faham dia melakukan perbuatan curang dengan lelaki-lelaki lain. Jika sekiranya si suami setelah mendapat tahu tentang perkara ini, mendapat cerita daripada rakan taulan, sahabat andai, keluarga jiran tetangga mengenai kecurangan suaminya, wakil dari Kepong tidak melakukan sesuatu tindakan terhadap si isteri maka si suami biasanya kita anggap sebagai suami yang dayus, suami yang pengecut, suami yang bacul. Maka untuk menjaga maruah suami terpelihara sebagai seorang suami yang tidak dayus, seorang yang tidak bacul, seorang suami yang mempunyai prinsip, maka pada kebiasaan apa yang biasa berlaku di dalam masyarakat kita ialah si suami akan pada peringkat awalnya menasihati isteri, kemudian apabila nasihat tidak diterima, akan melakukan pergeseran, pergaduhan dengan si isteri. Kemudian jika sekiranya perangai, perbuatan yang terkutuk tersebut itu juga tidak diberhentikan oleh si isteri, maka biasa berlaku perceraian. Perceraian adalah merupakan satu hukuman oleh seorang suami terhadap seorang isteri. Dan saya ingin bertanya kepada Wakil dari Kepong berdasarkan kepada faktor apakah maka si suami ini boleh menjatuhkan talak kepada isterinya sedangkan bukti-bukti sah tidak dapat diperlihatkan. Sama juga perkara tersebut dengan Rang Undang-undang yang sedang kita perbincangkan sekarang ini, di mana saya rasa penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa ini telah pun memberikan penjelasan yang sejelas-jelasnya.

Cuba saya minta supaya Wakil dari Kepong untuk memberikan jawapannya.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan ucapan. Yang Berhormat dari Kepong sila duduk. Kalau Yang Berhormat tidak mahu bercakap lagi, saya boleh beri orang lain.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, itu persoalan yang pertama yang ingin saya sampaikan kepada mereka yang sering mempertikaikan tentang tahanan tanpa bicara dan melanggar hak asasi manusia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa menjawab serta menggulung perbahasan.

7.23 mlm.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun berucap khususnya kepada mereka yang menyokong Rang Undang-undang dan juga di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya tidak sepatutnya saya berucap dengan panjang lebar menjawab satu-persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat termasuk oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Pengkalan Chepa dan Bandar Kuching kerana Laporan yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan ucapan yang saya telah ucapkan semasa membentangkan Laporan tersebut dan juga Rang Undang-undang itu mengandungi perkara-perkara yang begitu detail bersangkutan dengan sebab-sebab apa Jawatankuasa memutuskan kesudahannya menerima satu Rang Undang-undang yang memberi kuasa

kepada Menteri untuk mengeluarkan arahan tahanan tanpa dibicarakan.

Walau bagaimanapun, izinkan saya juga menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Bandar Kuching dan juga Pengkalan Chepa. Terlebih dahulu izinkan saya menegaskan di sini bahawa undang-undang yang kita sedang bicarakan adalah undang-undang berkenaan dengan kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan menahan ataupun arahan pencegahan tanpa dibicarakan seseorang yang disyaki terlibat sebagai seorang pengedar dadah.

Kita tidak membincangkan tentang undang-undang yang memberi kuasa kepada Menteri mengeluarkan arahan menangkap sesiapa sahaja dan seterusnya digantung. Walaupun kita ada Rang Undang-undang Dadah Berbahaya, 1952 di mana memberi kuasa kepada Mahkamah jika seseorang itu disabit kesalahannya memiliki heroin ataupun morfin yang melebihi had ataupun berat 15 gram lebih, dia mesti dihukum gantung. Pada tahun sudah kita dapati 462 orang yang ditangkap, mungkin akan dihadapkan ke Mahkamah dan jika disabitkan kesalahan, 462 orang mesti dihukum gantung.

Kita semua tahu bahawa 462 orang ini bukanlah pengedar-pengedar dadah secara besar-besaran ataupun ketua-ketua sindiket. Kita semua ketahui bahawa 462 orang ini, sebagai contoh, adalah mereka yang menjadi orang-orang upahan. Bermakna ada orang-orang di atas daripada 462 orang ini dan besar kemungkinan ada pula orang-orang di atas daripada di atas 462 orang ini.

Soalan yang selalu dikemukakan oleh Jawatankuasa apabila kita menemui rakyat jelata dalam kerja Jawatankuasa menjelajah di seluruh

negara ialah apakah caranya kita hendak menangkap orang yang bukan 462 orang yang telah pun ditangkap tetapi orang atasan, apakah caranya yang kita akan menangkap mereka dan cara manakah kita hendak bicarakan mereka. Tidak ada jawapan yang dikemukakan dengan tepatnya oleh sesiapa pun, melainkan ada syor untuk mengubah cara perbicaraan, ataupun dengan izin, "the burden of proof" mengikut perbicaraan yang lazim. Mengikut perbicaraan yang lazim di bawah undang-undang jenayah, standard of proof, dengan izin, adalah mengikut "beyond any reasonable doubt". Cadangan yang dikemukakan supaya kita ubahkan darjah-darjah "the burden of proof" tadi kepada "proof on the balance of probability" seperti juga kes-kes sivil yang dibicarakan di Mahkamah.

Jawatankuasa berpendapat bahawa jika perkara itu dibuat, tentangan hebat akan dikemukakan oleh pihak-pihak Mahkamah kerana, dengan izin, we are tampering on the most sacred part of the Rule of Law. Oleh sebab kita pun ada undang-undang yang memberi kuasa kepada Executive mengeluarkan arahan tahanan kepada mereka yang disyaki sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, bermula daripada tahun 1933 lagi iaitu Restricted Residence Ordinance; pada tahun 1959 Prevention of Crime Ordinance; pada tahun 1960 The Internal Security Act dan pada tahun 1969 The Emergency Ordinance. Walaupun ada bezanya sedikit iaitu undang-undang tahun 1933 dan undang-undang tahun 1959 tidak bersangkutan-paut dengan undang-undang tahanan, ia adalah undang-undang sekatan sahaja. Hanya ISA dan Emergency Ordinance yang memberi kuasa kepada Menteri mengeluarkan arahan menahan mereka tanpa dibicarakan.

Apabila kita mengkaji undang-undang yang sedia ada, kami

berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada yang memberi kuasa kepada Menteri mengeluarkan arahan tahanan ataupun sekatan tidak mencukupi untuk menghadapi masalah pengedaran dadah di seluruh negara kita. Bermakna, jika kita berhajat untuk menggunakan undang-undang tersebut ataupun mana-mana undang-undang tersebut kepada 462 orang taukeh kepada mereka yang ditangkap tadi, ini tidak mencukupi. Satu, oleh sebab ISA tidak boleh digunakan kerana undang-undang itu diluluskan khusus untuk memerangi masalah subversif, komunis dan seterusnya dan EO sahaja yang sesuai dan memang diakui sepertimana yang saya sebutkan tadi bahawa EO memang digunakan untuk mengeluarkan arahan tahanan kepada mereka yang disyaki terlibat sebagai pengedar-pengedar dadah, tetapi had maksima hanyalah kepada tahap 2 tahun sahaja.

Kami berpendapat bahawa mereka yang sekarang ditahan di bawah Undang-undang E.O. hanya rela dengan sukarela ditahan dengan sesuka hati, kerana mereka ketahui bahawa dalam dua tahun mereka terpaksa dibebaskan dan dibebaskan untuk balik kepada perniagaan mereka yang amat "lucrative" itu.

Dalam lawatan kami, Jawatankuasa selain daripada menemui orang awam dan juga pertubuhan-pertubuhan, kami sempat melawat pusat-pusat tahanan di mana kami melihat keadaan orang-orang yang ditahan di bawah Undang-undang E.O. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa orang yang ditahan yang memiliki harta berjuta-juta ringgit yang mereka hanya duduk menunggu masa. Apabila masa dua tahun itu akan tamat, supaya ia akan balik ke tempat dia, bukan di negara kita, bahkan di luar negara, dia balik ke negaranya, dengan izin, to enjoy the proceeds of his trade.

Kita berpendapat bahawa perlunya satu undang-undang yang khusus untuk memerangi wabak dadah dari segi pengedaran. Jikalau kita mewujudkan undang-undang ini yang dinamakan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dengan memberi kuasa kepada Menteri mengeluarkan arahan menahan siapa sahaja yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah selama dua tahun dan jika perlu atas syor Lembaga Penasihat, tahanan itu boleh disambungkan selama dua tahun lagi. Walaupun Rang Undang-undang asal tidak memperuntukkan bahawa Menteri terikat kepada syor-syor Lembaga Penasihat, kami selepas menemui orang ramai berpendapat bahawa sebagai satu perlindungan eloklah kita masukkan satu peraturan yang mengatakan bahawa tiap-tiap syor yang dikeluarkan oleh Lembaga Penasihat, Menteri mesti mengikut dan melaksanakan syor itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bila mendengar ucapan Yang Berhormat dari Kepong dan juga mendengar Yang Berhormat dari Bandar Kuching berucap, nampak sedikit perbezaan. Mungkin oleh sebab Yang Berhormat dari Kepong tidak menemui Jawatankuasa apabila Jawatankuasa berada di Kuala Lumpur, tetapi Yang Berhormat dari Bandar Kuching sempat menemui Jawatankuasa apabila Jawatankuasa berada di Kuching. Sebab itu Yang Berhormat dari Kuching menyentuh beberapa perkara yang begitu detail berpandukan kepada Laporan yang ada di hadapan kita semua. Tetapi Yang Berhormat dari Kepong mengambil satu sikap seolah-olah tidak menyokong undang-undang ini atas beberapa faktor. Faktor yang ketara sekali ialah kononnya undang-undang ini memperkenalkan tahanan pencegahan orang-orang tanpa dibicarakan, tanpa juga memberi

penjelasan-penjelasan ataupun sebab-sebab yang konkrit.

Jadi, susahlah saya hendak menjawab satu persatu Yang Berhormat dari Kepong. Hanya ingin saya menjelaskan bahawa jika niat Kerajaan untuk memperkenalkan Rang Undang-undang asal, saya percaya Kerajaan tidak perlu mengemukakan undang-undang ini melalui satu Jawatankuasa Pilihan Khas kerana sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, dengan menggunakan istilah "the brute majority", saya percaya Kerajaan boleh meluluskan undang-undang ini tanpa dirujuk kepada satu Jawatankuasa Khas. Tetapi alhamdulillah, Kerajaan dengan sifat liberalnya, memandang bahawa berapa pentingnya sesuatu undang-undang ini untuk melibatkan orang ramai khususnya untuk mendengar pendapat dan pandangan daripada mereka, dan oleh kerana ianya menyentuh hak asasi manusia bahawa Kerajaan telah pun memutuskan bahawa satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan.

Selepas Jawatankuasa ditubuh dan menjelajah di seluruh negara, kami telah balik mengemukakan beberapa pindaan dan kami percaya pindaan-pindaan itu mencerminkan hak-hak ataupun kemahuan orang ramai.

Pindaan yang pertama yang saya ingin menjelaskan sedikit iaitu tentang syor Jawatankuasa supaya undang-undang ini hanya berkuatkuasa selama lima tahun. Ini adalah salah satu "innovative" yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa kerana Jawatankuasa sendiri berasa bahawa kita harus menjalankan peperangan kita atau memulakan peperangan kita terhadap pengedar-pengedar dadah ini dengan cara begitu serius sekali. Bermakna dengan lain perkataan, kita harus berlumba dengan menentukan had tamatnya iaitu lima tahun. Kita

janganlah harus "jog", dengan izin, dengan tidak ada had penghabisan, dengan perkataan English, let us run, let us not jog. Bermakna, marilah kita berlumba, dalam masa lima tahun ini tengok adakah undang-undang ini memberi kesan yang baik. Jika sebaliknya melalui undang-undang ini terdapat penyalahgunaan kuasa yang berleluasa, Jawatankuasa sendiri berpendapat bahawa Dewan yang mulia ini tidak akan melanjutkan undang-undang itu, akan dibiarkan mati secara automatik. Tetapi sebaliknya jika terdapat bahawa undang-undang ini telah memberi kuasa yang begitu lengkap kepada pihak-pihak Polis dan pihak Polis telah pun menjalankan usaha mereka dengan cekap dan beberapa sindiket-sindiket telah pun ditangkap dan terbongkar dengan berkesannya, saya percaya bahawa tiap-tiap Ahli Dewan yang mulia ini, lima tahun akan datang akan menyuarakan supaya ianya disambung lagi. Itulah satu "innovative" yang kami percaya akan memberi kesan yang bermakna kepada Rang Undang-undang ini. Ini tidak terdapat dalam undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga Undang-undang Darurat 1969.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Akta Keselamatan Dalam Negeri sekarang ini berusia 25 tahun dan Akta Darurat berusia lebih daripada 15 tahun. Tetapi ketika kedua-dua undang-undang itu diperkenalkan ataupun dijadikan undang-undang, tidak terdapat satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menemui rakyat untuk mendapatkan pandangan dan syor-syor daripada mereka.

Jawatankuasa berpendapat bahawa undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 yang mengandungi faktor lima tahun limit

ini, akan memberi bukan sahaja kuasa kepada pihak yang berkuasa menjalankan tugas, tetapi akan menentukan bahawa pihak-pihak yang berkuasa menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih bersih dan berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyuarakan agar seorang itu apabila ditahan selepas 2 tahun dia harus dihadapkan ke mahkamah; dan jika tidak terdapat bukti yang terang dia mestilah dibebaskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tempohkan perjalanan mesyuarat sehingga pukul 8.00 malam. Dewan akan bersidang semula pada pukul 8.00 malam.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.41 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 8.00 malam.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

8.00 mlm.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang saya jelaskan tadi dalam ucapan saya, Jawatankuasa sedar bahawa ancaman dadah tidak boleh diselesaikan secara perundangan sahaja. Kita semua sedia maklum, walaupun dalam negara kita, kita ada berbagai-bagai undang-undang, umpamanya jika seorang itu mengambil nyawa seseorang manusia, dia melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Akta Keseksan dan boleh dihukum gantung. Ini tidak bermakna dengan adanya undang-undang itu tidak ada kes-kes pembunuhan di negara kita. Juga, jika kita meluluskan undang-undang ini tidak juga bermakna bahawa kita boleh

mengatasi masalah pengedaran dadah di negara kita, tetapi apa yang mustahak sekali dengan adanya undang-undang ini Kerajaan dan juga Jawatankuasa berpendapat bahawa adanya senjata untuk Kerajaan memerangi pengedaran dadah di negara ini dengan mengeluarkan arahan oleh Menteri menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah.

Jawatankuasa memutuskan bahawa undang-undang yang sedemikian rupa perlu diwujudkan oleh kerana undang-undang yang sedia ada sekarang yang bersangkutan-paut dengan dadah berbahaya tidak mencukupi sebab bukti-bukti yang terdapat terhadap mereka yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah tidak mencukupi untuk mengemukakan mereka ke hadapan mahkamah dan jika juga dibawa ke hadapan mahkamah, mereka tak boleh didapati salah kerana selalunya mereka ini tidak memiliki dadah secara fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang telah mengatakan bahawa hak-hak asasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi tidaklah guna kita membangkitkan perkara ini untuk membela mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah atas prinsip hak asasi manusia. Jika terdapat majoriti rakyat jelata yang menyokong bahawa Rang Undang-undang sedemikian rupa perlu diwujudkan. Apa yang perlu kita masukkan ke dalam Rang Undang-undang ini ialah perlindungan-perlindungan yang akan menentukan bahawa mereka yang betul-betul menjadi pengedar dadah ataupun ketua-ketua sindiket kepada pengedaran dadah akan ditahan selama 2 tahun.

Seperti yang saya terangkan dalam ucapan saya tadi terdapat juga

beberapa banyak lagi perlindungan di mana apabila seorang itu telah ditangkap dan polis menjalankan siasatan, selepas habisnya siasatan polis itu kertas penyiasatan akan dikemukakan kepada seorang pegawai penyiasat yang terdiri daripada seorang yang berkelulusan undang-undang, tetapi tidak seorang pegawai polis, dia bolehlah menjalankan penyiasatan secara persendirian dan mengemukakan laporannya kepada Menteri. Dengan cara itu Menteri mempunyai 2 laporan; satu daripada pihak polis dan satu daripada pegawai penyiasatan sebelum Menteri membuat keputusan. Selepas daripada itu, jika juga arahan untuk ditahan dikeluarkan oleh Menteri, orang yang ditahan itu mempunyai hak untuk mengemukakan representasi-representasinya kepada Lembaga Penasihat dan Lembaga Penasihat mesti dalam tempoh 3 bulan selepas menerima representasi tersebut mengemukakan pendapatnya kepada Yang di-Pertuan Agong walaupun Yang di-Pertuan Agong tidak terikat dengan syor Lembaga Penasihat kerana sepertimana yang kita semua sedia maklum, Lembaga Penasihat sendiri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan kita mestilah "consistent" dengan Perkara 151 (1) Perlembagaan Negara kita, tetapi Jawatankuasa berpendapat bahawa ini adalah satu perlindungan yang mencukupi. Selepas daripada itu, satu ulangkaji akan diadakan sebelum tamatnya perintah tahanan atau sekatan 2 tahun tadi dan dalam ulangkaji tadi jika Lembaga Penasihat menasihatkan kepada Menteri bahawa seseorang itu harus dibebaskan, nasihat atau syor ini mesti diikuti oleh Menteri, bermakna Menteri tidak ada pilihan dalam hal itu. Sebaliknya jika Lembaga Penasihat mengesyorkan bahawa orang yang disekat atau ditahan itu harus disambung perintah tahanan dan sekatannya, Menteri mempunyai budibicara untuk menyambung ataupun tidak menyambung. Dalam

pendapat Jawatankuasa ini memberi perlindungan yang secukup-cukupnya kepada orang yang ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi, selepas menimbang pendapat begitu banyak orang ramai dan juga daripada pertubuhan-pertubuhan Jawatankuasa membuat syor meminda beberapa peraturan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dan pindaan-pindaan yang telah pun disyorkan oleh Jawatankuasa adalah pindaan-pindaan yang akan memberi secukup-cukupnya perlindungan kepada mereka yang disyakki dan ditahan atas perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri.

Jawatankuasa berpendapat bahawa dengan terlulusnya Rang Undang-undang ini yang akan mengandungi beberapa banyak perlindungan-perindungan yang disyorkan oleh Jawatankuasa, Rang Undang-undang ini walaupun daripada asalnya mengikut peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun Undang-undang Darurat, 1969, tetapi ianya memberi perlindungan yang mencukupi bagi pihak yang disyakki dan juga memberi kuasa yang mencukupi kepada pihak berkuasa iaitu pihak polis menjalankan "peperangan" mereka untuk menangkap, menyiasat dan seterusnya memberi laporan kepada Menteri agar orang yang disyakki itu boleh ditahan selama 2 tahun.

Tentang hak seseorang yang disyakki itu mendapat perkhidmatan peguam sepertimana yang telah diterangkan, ini memang dimasukkan di dalam Rang Undang-undang tersebut melalui fasal 20 di mana disebutkan bahawa segala peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Ordinan Darurat (Ketenteraman

Awam dan Mencegah Jenayah) 1972, di mana mengikut subseksyen (3) Fasal 20 Rang Undang-undang itu hendaklah disifatkan telah dibuat atau diberi di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan yang tidak menyokong tetapi telah bangun memberi ucapan menyentuh beberapa perkara yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984.

Di sini saya inginlah mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Jawatankuasa khususnya kepada orang ramai yang telah tampil ke hadapan memberi syor-syor yang amat berguna sebagai panduan kami untuk mengemukakan beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang ini dan jika Rang Undang-undang ini diluluskan dan menjadi undang-undang, Jawatankuasa percaya bahawa ini akan memberi satu bidang kuasa kepada pihak polis khususnya menjalankan tugas-tugas mereka dengan cara berkesan dan undang-undang ini akan dikaji semula, insya Allah dalam masa lima tahun lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri:

Bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984;

DAN

Bahawa Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh

Majlis ini pada 17hb Oktober, 1984, untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dan membuat syor ke atasnya, yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR. 1 Tahun 1985, diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60 disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984

DAN

Bahawa Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 17hb Oktober, 1984, untuk mengkaji Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dan membuat syor ke atasnya, yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR. 1 Tahun 1985, diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila kemukakan peringkat bacaan kali yang ketiga mengikut Peraturan Mesyuarat 60.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, telah ditimbang dan telah dipersetujui tanpa pindaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan pindaan atau tanpa pindaan, Yang Berhormat?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLEUM (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga**

8.17 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini tidaklah rumit dan mudah difahami dan bagaimanapun tidak bermaksud.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, satu Peraturan Mesyuarat dibangkitkan.

Tuan Lim Kit Siang: 36 (2) yang berbunyi:

Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu."

Adalah dimaklum bahawa Rang Undang-undang ini menyentuh mengenai satu kes yang sudah dalam mahkamah, kes, dengan izin, Originating Summons No. A 254/84 in the matter of the Petroleum Development Act 1974 and in the matter of the Petroleum National Berhad (PETRONAS) between Cheah Kam Choo (also known as K. C. Cheah) as plaintiff and (1) the Petroleum National Berhad (PETRONAS) and (2) Government of Malaysia as defendants dan tajuk atau benda Rang Undang-undang ini, dengan izin, is on all fours, sebenarnya bersangkutan-paut dengan kes A 254/84 dan menimbulkan bahawa kalau kita bincang Rang Undang-undang yang hendak dibentang oleh Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri bahawa melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (2) khasnya oleh kerana dalam kes A 254/84 adalah permohonan oleh plaintiff daripada mahkamah bahawa ada perisytiharan. Bolehkah saya baca permintaan plaintiff?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: And further the plaintiff seeks the following declarations:

- (1) A declaration that the objects and powers of PETRONAS must be either expressly conferred or derived by reasonable implications from the Petroleum Development Act, 1974.

- (2) A declaration that the objects set out in the Memorandum of Association of PETRONAS must be construed subject to the provisions of the Act, and may be given effect to only to the extent permitted by the provisions of the Act.
- (3) A declaration that the acquisition of shares in Bank Bumiputra Malaysia Berhad by PETRONAS is *ultra vires* the Petroleum Development Act, 1974.
- (4) A declaration that the purchase or acquisition of the \$2.488 billion problem loans of Bank Bumiputra Malaysia Berhad by PETRONAS is *ultra vires* the Petroleum Development Act, 1974.
- (5) A declaration that the said acquisition of Bank Bumiputra Malaysia Berhad shares by PETRONAS is illegal.
- (6) A declaration that the Prime Minister of Malaysia cannot, purporting to act under the provisions of Section 3 (2), issue a direction to PETRONAS to purchase or acquire the shares of Bank Bumiputra Malaysia Berhad and if such direction be given, then it is *ultra vires* the Act and contrary to public policy and, further, that such direction, if given or purported to have been given, is not binding on PETRONAS.
- (7) A declaration that such further or other directions as this honourable court deems just."
- (8) Mengenai cost dan lain-lainlah.

Dan oleh kerana perkara ini ada dalam mahkamah kalau kita Dewan yang mulia ini terus membincangkan Rang Undang-undang ini tentulah dengan cara langsung (directly) akan merosakkan kepentingan-kepentingan

dua pihak. Tidak tahulah siapa yang akan menang tetapi akan merosakkan kepentingan-kepentingan dua pihak dan apa yang berlaku pun akan jadi *sub judice* dan sebab itu saya timbulkan perkara ini. Saya harap bahawa Kerajaan khususnya boleh bersikap adil dan tarik balik Rang Undang-undang supaya menunggu keputusan mahkamah dan janganlah jump the gun, go to say. Tetapi selain daripada itu Parlimen ini pun patutlah menghormati keluhuran kehakiman atau the Rule of Law dan kemerdekaan kehakiman dan tidak campur tangan dalam urusan mahkamah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silakan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan. Rang Undang-undang ini adalah perkara berasingan dari kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka, yang masih ada di hadapan mahkamah. Kerajaan sedar adanya satu kes yang masih ada di mahkamah tetapi soal yang ingin dibawakan sekarang ialah bagi Dewan ini meluluskan satu Rang Undang-undang yang meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Kita bukannya ingin membahas kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana kes ini bukan berada di hadapan Dewan, yang sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sendirinya merupakan *sub judice*, tidak seharus dikeluarkannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya diizinkan saya ingin meneruskan membawa Rang Undang-undang ini yang mana dari segi huraiannya nanti sudah tentu penjelasannya akan dapat difahami oleh Dewan ini dan juga ini perlu bagi kepentingan umum. Sekiranya kita tidak berbuat demikian maka tidaklah dapat kita

menghuraikan mengenai Rang Undang-undang ini dan nanti lagi kita akan dikelirukan oleh kerana terdapatnya hujah-hujah seperti yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Hujah di atas perkara ini sebenarnya kalau kita baca Peraturan Mesyuarat 36 (2) tidak boleh disebutkan apa-apa perkara atau dalam Bahasa Inggeris reference shall not be made to any matter yang sedang dalam pertimbangan mahkamah dan ini bererti bahawa tidak perlu merujuk kepada kes K.C. Cheah vs PETRONAS dan Government of Malaysia. Kalau ada disebutkan apa-apa perkara yang berbentuknya isunya, masalahnya dalam mahkamah kita sudah melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (2).

Kita boleh berpura-pura bahawa kita tidak mahu bincang kes-kes K.C. Cheah vs PERTONAS dan Kerajaan Malaysia tetapi kalau apa yang kita bincangkan ialah isu yang pokok dalam kes itu, kita sudah secara langsung melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (2). Dan di sini saya rasalah kita semua tahu latar belakang dan tujuan Rang Undang-undang ini Kerajaan boleh cakap 1,000 kali tidak ada kena mengena dengan kes ini tetapi semua rakyat tahu ada kena mengena dan berasal daripada kes ini tetapi itu lain hal. Perkaranya ialah sama ada apa yang kita akan buat ialah *sub judice* apabila ada menyebut apa-apa perkara tidak perlu sebut nama kes K.C. Cheah, PETRONAS. Apa-apa perkara dan perkara-perkara tadi ada disebut ialah apa yang kita mahu bincangkan apa yang kita mahu putuskan, itulah hujah saya.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti sebentar Yang Berhormat, saya akan beri peluang.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sudah lama duduk di Dewan ini, adakah melalui hujahnya ia bermaksud bahawa Parlimen tidak mempunyai satu legal right untuk membuat legislation dalam Bahasa Inggeris "Has Parliament a legal right to legislate?" Inikah yang dipersoalkan? Adakah bermakna bahawa kita tidak boleh membawa perkara ini walaupun macam saya katakan tadi kita bukan hendak membincangkan kes itu tetapi hanya membahas Rang Undang-undang untuk meminda. Saya sangat-sangat mengharapkan Tuan Yang di-Pertua, menggunakan Peraturan Mesyuarat 99.

Walau bagaimanapun, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk menerangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 100 kalau kita boleh rujuk mengenai perkara ini. Sebenarnya saya ingin mengatakan Parlimen memang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang rule of *sub judice* tidak menyekat kuasa ini.

Jika diizinkan menurut Erskine May Parliamentary Practice edisi ke 20 muka surat 378, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"The House of Commons (iaitu kalau ambil contoh the House of Commons) has expressly resolved that the *sub judice* rule is qualified by the right of the House to legislate on any matter".

Jadi, di sini saya rasa oleh kerana kita tidak menyentuh kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti kes yang ada di mahkamah dan kita hanya meluluskan undang-undang secara umum. Sekali lagi saya minta

izin kepada Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya meneruskan membawa Rang Undang-undang ini dan dalam rangka saya membuat huraian nanti, ia juga akan memberi pengetahuan dan penerangan yang baik kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli dari Bandar Kuching tadi ada membangkitkan Tertib Mesyuarat.

Tuan Sim Kwan Yang: Saya ingin mengingatkan Tuan Yang di-Pertua, jika saya boleh diizinkan bahawa inilah kali kedua Tuan Yang di-Pertua akan membuat satu keputusan yang penting, satu decision yang penting dan jika either flaw.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebutkan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Sim Kwan Yang: Jikalau point of order 99 yang berbunyi, Decision of Tuan Yang di-Pertua.

Dato K. Pathmanaban: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwan Yang: Yang berbunyi: Decision of Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat.

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, point of order 99 tidak kena mengena. Saya hendak sentuh Peraturan Mesyuarat 37 di mana dikatakan bahawa seorang Ahli yang hendak menyentuh Peraturan Mesyuarat hanya dibenarkan berdiri di tempat beliau menerangkan apakah Peraturan Mesyuarat yang hendak disentuh dan meninggalkan keputusan itu kepada Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada bahasan di atas perkara itu. Adakah Tuan Yang di-Pertua hendak izinkan satu perbahasan

di atas permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya belum dengar lagi apa yang beliau hendak kata nanti. Saya rasa harus mendengar sedikit. Silakan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwan Yang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu membuang masa Dewan ini sahaja, kacau-kacau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Tertib Mesyuarat 99, Tuan Yang di-Pertua berhak untuk membuat satu keputusan ke atas apa-apa perkara sahaja dari masa ke semasa dan keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah final dan memandangkan Tuan Yang di-Pertua akan membuat satu keputusan yang penting yang akan dirujuk oleh Parlimen di negerinegeri lain dalam Komanwel sebagai authority untuk perbuatan mereka dan memandangkan bahawa Tuan Yang di-Pertua juga telah membuat satu precedent decision baru-baru ini dan saya membuat satu cadangan kepada Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua ingin menanggukkan mesyuarat ini sehingga satu keputusan yang lengkap boleh dibuat esok dan jika pertimbangan masa adalah satu faktor yang akan mempengaruhi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak berapa lama masa itu ada terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa saya masih boleh berfikir lagi walaupun masa berlarutan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan mahu debate tetapi saya mahu buat submission hujjah sebelum satu keputusan dibuat oleh kerana point of order tadi mengenai soalan Yang Berhormat Menteri sama ada saya bersetuju bahawa Parlimen ada legal rights untuk membuat apa-apa undang-undang. Saya setuju Parlimen ada legal

rights membuat apa-apa undang-undang tetapi tertakluk, subject to, terhad kepada peraturan-peraturan yang kita ada dan antara peraturan-peraturan itu ialah Peraturan-peraturan Mesyuarat. Kalau dalam Peraturan Mesyuarat 36 (2) dengan jelasnya menyatakan ada melarangkan kita sendiri tidak boleh menyebut apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah dan lain-lain, kalau kita mahu hendaklah mengatasi perkara ini kita mahulah pinda Peraturan Mesyuarat ini.

Dan lagi satu contohnya Parlimen ada legal rights buat apa-apa undang-undang lagi tertakluk kepada sekatan-sekatan yang Parlimen sendiri sudah buat semacam ada perkara-perkara yang sensitif yang tidak boleh melalui cara yang biasa untuk kemukakan kepada Parlimen ini. Perkara-perkara sensitif yang tidak boleh dikemukakan kecuali mendapat persetujuan Majlis Raja-raja Conference of Rulers. Kita perlu subject to, tertakluk kepada sekatan-sekatan ini. Ini bukan bererti bahawa kita bukan supreme. Kita sudah buat sekatan, dan kalau kita mahu buat apa-apa undang-undang, mahu kembalikan kepada keadaan yang asal, kita perlu pinda Peraturan Mesyuarat ini dan ini adalah hujah-hujah saya bawa ada Peraturan ini dan Peraturan ini tidak boleh dianggap sebagai tidak bererti dan kalau itu ada Peraturan bahawa kita perlu yang pertama sebelum Yang Berhormat Menteri kemukakan Rang Undang-undang ini, kemukakan satu pindaan, suspend Standing Orders, menggantungkan Peraturan Mesyuarat 36 (2) atau untuk hapuskan Peraturan 36 (2). Itulah ikut procedure yang patut, yang adil dan bukan oleh kerana tindakan sewenang-wenangnya.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada quote Erskine May, esok kalau tak silap akan ada satu Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat yang akan

kemukakan beberapa pindaan dan antaranya ialah untuk meminda Peraturan 100 di mana tidak perlu lagi Dewan ini menghiraukan apa-apa practice kelaziman Majlis Parlimen dalam negeri-negeri Kommanwel sepanjang yang boleh dipakai kepada perjalanan Majlis. Kalau itulah sikap Kerajaan tak mahu lagi baca Erskine May, bermula daripada esok, kenapa hari ini menggunakan Erskine May. Tetapi ini bukan hujah yang utama, hujah yang utama ialah dalam Peraturan Mesyuarat kita dengan jelas ada hadkan cara kita untuk kemukakan, bincang sama ada melalui usul atau Rang Undang-undang terhadap apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab. Saya ucapkan terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat memperakui Parlimen berhak dan berkuasa membincang dan meluluskan undang-undang asalkan tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat memperakui akan hal ini. Dan saya sudah katakan mengenai Peraturan 36 (2), saya katakan tadi Rang Undang-undang ini adalah perkara yang berasingan daripada kes yang masih ada di hadapan mahkamah.

Rang Undang-undang ini sendiri tidak ada di dalam timbangan mahkamah. Jadi kenapakah kita tidak boleh membincangkan Rang Undang-undang ini?

Yang ketiganya, walaupun saya membuat quotation daripada Erskine May, memang kalau esok setelah kita luluskan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat, saya tak akan menyebutnya. Saya menyebut oleh kerana kita belum meluluskan lagi pindaan ini. Jadi sekali lagi Ahli Yang Berhormat diingatkan, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita betul-betul dapat menilai di manakah letaknya

Rang Undang-undang ini. Seperti saya katakan tadi sekali lagi Rang Undang-undang ini adalah perkara berasingan daripada kes yang mesti ada di mahkamah dan Rang Undang-undang ini sendiri tidak ada dalam timbangan mahkamah. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua akan tidak lengah-lengah lagi membuat keputusan mengenai perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab prinsip ini adalah prinsip yang besar dan saya harus teliti sebelum memutuskan. Jadi saya berhajat untuk mendengar hujah-hujah sehingga berhabis-habisan dan selepas itu bila mana habis semua hujah, saya akan memutuskan dan selepas saya memutuskan, saya tidak akan layan mana-mana lagi hujah. Silakan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai hujah bahawa kes atau Rang Undang-undang ini tidak kena mengena dengan kes K.C. Cheah dan PETRONAS, adakah Yang Berhormat Menteri berpendirian bahawa apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan menjadi undang-undang bahawa kes K.C. Cheah dan PETRONAS boleh lagi diteruskan. Kes ini tentu sudah habis, oleh sebab tidak ada kes lagi.

Dan di sini untuk memperkuatkan hujah-hujah ini, saya mahu sebut satu surat yang ada dihantar kepada mahkamah oleh pihak Peguam K.C. Cheah dalam kes ini dan saya minta izin untuk baca surat ini, tiga perenggan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Ahli Yang Berhormat membangkitkan 36 (2), saya rasa 36 (2) sendiri mungkin

menghalang Ahli Yang Berhormat daripada menyebutkan perkara *sub judice*.

Tuan Lim Kit Siang: Saya baca ini oleh kerana mengenai sama ada bersangkut-paut atau tidak, bukan sama ada dalam kes ini K.C. Cheah betul atau Kerajaan betul. Itu bukan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Ini surat Sri Ram Zukifly dan Kumar kepada Senior Assistant Registrar, Appellate & Special Powers Division, High Court, Kuala Lumpur bertarikh 27hb Mac, 1985:

“Puan,

We refer to the above-mentioned matter, which was fixed before His Lordship for hearing on 26th of March, 1985 and which was, on application by the solicitors for the first defendant, adjourned to 22nd of July, 1985.

We consented to this application for the reason that Mr. Paddy, their counsel, was not available on 26th of March, 1985. Our consent was given *bona fide* and for the reason that the first defendant should have the right of representation by counsel of his choice.

Events have occurred since the granting of the adjournment, which indicate that there is a strong likelihood that the Act in question will be amended retrospectively to nullify the action brought by our client. From newspaper reports, we gather that a Bill to put into effect such an amendment will be tabled at the present Parliamentary Session.

xx xx xx xx xx ”

Dan inilah menunjukkan sama ada berkaitan dengan kes atau tidak. Itulah untuk menjawab atau untuk shoot

down hujah-hujah bahawa kes ini tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang di hadapan kita.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Dan saya menyeru kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan rakan-rakannya bersama-sama menghormati keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Mendengar saya menghabiskan dahulu huraian saya mengenai Rang Undang-undang ini. Dan sambil Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (2), dia sendiri telah mencabulkan peraturan ini. Ini saya tidak faham. Peluang sentiasa diambil oleh Ahli Yang Berhormat itu, mencabul Peraturan itu sendiri. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, saya terpaksa memutuskan Yang Berhormat, sebab Peraturan Mesyuarat 36.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Dengan syarat, Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka dengan rakan-rakannya bersabar seperti keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Terima kasih. Bersabar mendengar huraian saya.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya terpaksa putuskan mengikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri mahu bersabar dahulu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat dibangkitkan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Peraturan Mesyuarat 36 (2). Dua yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Sebenarnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka itu barangkali beliau tersalah sebut. Prosedur mengenai Rang Undang-undang terdapat dalam Perkara 48, Peraturan Mesyuarat dan seterusnya. Peraturan 36 hanya menyebut isi ucapan yang tidak boleh menyentuh perkara-perkara yang sedang berada dalam pertimbangan mahkamah. Nampaknya Ahli dari Kota Melaka telah pre-judge, dengan izin, keinginan ataupun apa yang akan dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mungkin beliau tidak akan menyebut apa-apa pun kes yang sedang dalam perbicaraan dan yang demikian tidak akan melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (2). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham tidak ada lagi hujah-hujah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: (*Bangun*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri dahulu. Sungguhpun perkara yang saya bangkitkan ialah mengenai Peraturan Mesyuarat 36 (2)—isi-isi ucapan, kalau itu dilanggar tentulah apa-apa tindakan baik secara melalui usul atau rang undang-undang atau apa-apa pun tidak akan dikenakan larangan dan saya rasa itu adalah perkara yang pokok dan saya kemukakan oleh kerana ini mustahak bukan oleh kerana mahu sengaja hendak timbulkan perkara semacam orang yang mahu buat begitu dan turunkan pangkat Yang Berhormat Menteri kepada Timbalan Menteri, tetapi saya rasa ini mustahak dan saya bukan untuk satu perkara (isu) dan kita pun ada baca dalam suratkhbar

bahawa Bar Council pun berpendapat perkara ini ialah *sub judice*. Dan saya harap kita boleh ada satu pandangan yang adil dan melalui Peraturan Mesyuarat yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat?

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri bangun dahulu tadi.

Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pada rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu minta juga bersabar. Ahli Yang Berhormat Kota Melaka ini memang cara dialah, seboleh-bolehnya dia akan mengelirukan, melarikan jauh daripada tajuk. Saya cuba hendak memandu balik kepada tajuk Rang Undang-undang ini. Jadi, biarlah macam saya katakan tadi kita minta Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bersabar, walaupun dia menyebut Bar Council, saya juga kalau hendak menyebut fasal Bar Council, Bar Council sendiri mengikut kenyataannya, menerima bahawa Parlimen has got the right to legislate, dengan izin. Seperti juga pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Jadi, saya rasa biarlah saya teruskan Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya terpaksa beri keputusan dahulu, Yang Berhormat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Terima kasih.

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya hendak betulkan, tersasul tadi saya sebut, Yang Berhormat. Saya hendak maksudkan Yang Berhormat Menteri

itu tersasul. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita membuang masa yang terlampau banyak melayani point of order yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya Dewan ini apabila hendak menguruskan sesuatu urusan, kita tertakluk kepada prosedur-prosedur yang ada dalam Standing Order. Dan apabila kita hendak mengemukakan masalah Rang Undang-undang maka prosedur dalam peraturan ini ialah perkara 48 dan sehingga seterusnya dan kalau tidak ada tegahan dalam sebarang fasal 48, dan sehingga seterusnya tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan yang ada, saya kira kita tidak perlu membuang masa dan kita boleh meneruskan perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana hujah Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, bahawa kita membuang masa dalam perkara ini, saya tidak tahu sama ada beliau sekarang mahu cabar dengan secara langsung dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua sudah membuang masa oleh kerana mahu timbang memberikan satu pertimbangan dalam perkara ini. Inilah satu contempt kepada Yang Berhormat sebenarnya (*Ketawa*).

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Kota Melaka patut menghala kepada saya kerana saya yang hendak membawa Rang Undang-undang ini, bukannya Yang Berhormat Ulu Terengganu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak boleh menghala kepada dia. Mahu

menghala kepada Tuan Yang di-Pertua, sebab peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa kedua-dua Yang Berhormat tidak ada lagi hujah-hujah tambahan. Dan Ahli-ahli yang lain pun adakah Yang Berhormat hujah-hujah tambahan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tidak ada.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada lagi hujah? Kalau tidak ada hujah baru, saya akan minta Yang Berhormat duduk serta merta.

Tuan Sim Kwang Yang: Terhadap point yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Parlimen berhak untuk membuat undang-undang. Ya, itu satu prinsip yang betul. Tetapi apa yang kita mesti timbang adalah internal constituency, Tuan Yang di-Pertua, dalam proses perundangan. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kita akan melangarkan satu prosedur mahkamah secara langsung. Ini adalah suatu conflict di antara kedua-dua cawangan itu iaitu di antara cawangan eksekutif dengan cawangan mahkamah.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua telah membuat ruling mengenai Standing Order 36 (2).

Timbalan Yang di-Pertua: Belum lagi, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan mengikut tertib mesyuarat 99 yang muktamad saya hendak menekankan bahawa adalah penting bagi Tuan Yang di-Pertua untuk membuat.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu bukan hujah baru, Yang Berhormat. Telah pun disebutkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu hal iaitu berapa minit sebentar tadi ada Ahli dari Tenggaroh yang melanggar amalan demokrasi berparlimen dan menyebutkan kata-kata biadab yang tidak disekat ataupun diberhentikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap dalam kes ini pun bila mengambil keputusan baiklah kita buat dengan adil dan saksama.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah habis? Sekarang ini Yang Berhormat ada hujah baharu, saya hendak putuskan ini?

Tuan Khadri bin Sabran: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak putuskan ini. Sila.

Tuan Khadri bin Sabran: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu dia bangun dan berucap atas point of order apa?

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 99.

Tuan Khadri bin Sabran: Peraturan Mesyuarat 99 itu hak siapa Yang Berhormat? Hak wakil Kepongkah atau hak Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mengizinkan. Sila.

Tuan Alias bin Md. Ali: Point of order 36 (1). Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (1) yang disebut oleh Ketuanya Ahli dari Kota Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tidak ada modal tambahan lagi. Boleh saya putuskan, adakah Yang Berhormat berhujah baharu?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak mengatakan tadi dengar, dengar, dengar. Kerana Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua: Belum lagi, Yang Berhormat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Bukan, mengizinkan saya menghabiskan membawa Rang Undang-undang, bukan keputusan mengenai Standing Order 36 (2).

Tuan Lim Kit Siang: Duduk, duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua: Semasa Yang Berhormat mula berucap, Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (2). Jadi, sebelum saya mengizinkan Yang Berhormat teruskan saya terpaksa memikirkan berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat yang dibangkitkan dan memutuskan sama ada Yang Berhormat boleh teruskan atau tidak. Jadi, sekarang saya putuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, prinsip di depan kita adalah satu prinsip yang besar, kebangkitan Peraturan Mesyuarat 36 (2) oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh prinsip-prinsip pokok pemerintahan, sama ada Rang Undang-undang di depan kita ini sah atau tidak dibentangkan mengikut sama ada pembentangnya melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (2) ataupun tidak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai setiap perkara yang besar, kita mesti lihat daripada perspective yang keseluruhannya (the total perspective) Dewan ini. Apakah masalah di depan kita. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan bahawa pembentangan Rang Undang-undang ini oleh pihak Kerajaan adalah merupakan satu perkara yang *sub*

judice justeru menyelahi Peraturan Mesyuarat 36 (2). Dan kita telah mendengar selengkap-lengkapnya hujah-hujah dan huraian-huraian kedua-dua belah pihak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti perkara yang besar-besar dan mengaitkan apa yang saya katakan mula-mula tadi berkenaan dengan perspective keseluruhan, saya telah anticipate masalah ini dan justeru dengan perasaan penuh tanggungjawab, dengan peranan dan tanggungjawab saya mempenge-rusikan Majlis Dewan Rakyat Malaysia, telah meninjau dan meneliti daripada setiap aspek. Aspek Perkara 62, 63, 68, 121 dan 128 dalam Perlembagaan kita. Aspek-aspek 36 (2), 43, 92, 99 dan 100 dalam Peraturan Mesyuarat kita yang merupakan extension kepada Perlembagaan negara kita. Jadi, saya rasa boleh dan saya tidak harus lagi bimbang yang setiap apa keputusan yang saya akan buat tidak dibuat dengan keadaan tergesa-gesa ataupun tanpa penelitian dengan penuh hemat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan kita ialah satu masalah Rang Undang-undang pindaan kepada satu Akta, saya tekankan Rang Undang-undang terjemahannya ialah Bill. Akta terjemahannya ialah Law-Act. Kerja-kerja yang bersangkutan dengan Bill ialah kerja-kerja Parlimen. Kerja-kerja mentadbir dan mentafsir dan menghuraikan Act atau Akta ialah kerja-kerja mahkamah. Jadi, berbalik kepada prinsip pokok. Di hadapan kita ialah masalah Rang Undang-undang—Bill yang menjadi sebahagian daripada kerja Dewan Rakyat dan Parlimen. Namun sebab Rang Undang-undang atau Bill ini menyentuh pindaan-pindaan kepada Act atau Akta tentu sekali ada kes-kes yang di hadapan mahkamah yang dalam perbicaraan mengikut Akta atau Act khususnya sepertimana dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kes

254/1984. Jadi, keputusan saya, selagi mesyuarat ini—Dewan ini membincangkan perkara-perkara mengikut landasan Rang Undang-undang ataupun Bill adalah tidak merupakan satu perkara *sub judice* dan tidak boleh dihalang oleh Peraturan Mesyuarat 36 (2) (*Tepuk*). Namun, kalau disebut kes 254/1984 yang menyentuh Act atau Akta maka itu akan merupakan *sub judice* dan tidak boleh lagi saya benarkan sebut-sebut berkenaan dengan kes yang tersebut walaupun tadi untuk melengkapi huraian saya telah melonggarkan Peraturan itu. Yang Berhormat Menteri sila teruskan pembentangan Rang Undang-undang (*Tepuk*).

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menghormati dan menghargai keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dan saya akan mengikut landasan-landasan Rang Undang-undang seperti yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini tidaklah rumit dan mudah difahami dan bagaimanapun tidak bermaksud hendak menimbulkan sebarang kontroversi. Perbadanan yang digelar Petroleum Nasional Berhad atau, dengan nama ringkasnya, PETRONAS yang disebutkan dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Peruntukan yang nyata telah dibuat di dalam Seksyen 21 Akta Kemajuan Petroleum 1974 berkenaan dengan penubuhan sebuah Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965. Jelaslah dari mula-mula lagi yang Parlimen bermaksud supaya PETRONAS dikawal selia, bukan

sahaja oleh peruntukan-peruntukan Akta Kemajuan Petroleum 1974, bahkan juga oleh peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan seterusnya oleh peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya. Peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 yang tidak dikehendaki dipakai baginya hanyalah perkara-perkara yang berkenaan dengan penggunaan perkataan "Nasional" bagi nama perbadanan itu dan lagi berkenaan dengan kuasa-kuasa Perdana Menteri untuk mengeluarkan arahan-arahan yang mengikati Perbadanan.

Dengan demikian, Seksyen 3 Akta Kemajuan Petroleum, 1974 dengan khususnya memperuntukkan seperti berikut:

"3.(1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Seksyen 22 Akta Syarikat, 1965 berhubung dengan nama-nama syarikat, Perbadanan itu hendaklah dinamakan Petroleum Nasional Berhad, atau ringkasannya PETRONAS.

(2) Perbadanan itu hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Perdana Menteri, dan Perdana Menteri boleh, dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya patut.

(3) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berlawanan, Perbadanan itu hendaklah terikat kepada arahan yang dikeluarkan sedemikian.

Selain dari dua perkara tersebut di atas tadi di mana peruntukan-peruntukan Akta Kemajuan Petroleum, 1974 hendaklah mengatasi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965. Tidak pernah dimaksudkan oleh Parlimen semasa

menganunkan Akta Kemajuan Petroleum, 1974 untuk membataskan aktiviti-aktiviti PETRONAS mengikut bidang Akta itu pada menjalankan kuasa-kuasa yang ada padanya di bawah Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya.

Sebenarnya, semasa perdebatan pada peringkat Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum, 1974 dalam Dewan yang mulia ini pada 24hb dan 25hb Julai, 1974 dahulu, Ahli-ahli Yang Berhormat menyambut baik penubuhan PETRONAS di bawah Akta Syarikat, 1965 dan mengakui bahawa bidang kendaliannya itu lebih luas lagi daripada Perbadanan-perbadanan lain yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang tertentu.

PETRONAS ialah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965. Tidak ada perbezaannya antara PETRONAS sebagai sebuah syarikat yang didaftarkan sebagai sedemikian dengan mana-mana syarikat lain yang didaftarkan serupa itu. Sepertimana sebuah syarikat, PETRONAS boleh melakukan apa jua yang dibenar dilakukan oleh Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya dan oleh yang demikian ia mempunyai dan menikmati segala hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah sesebuah syarikat.

Akta Kemajuan Petroleum, 1974 tidaklah bermaksud untuk menyekat atau menggariskan skop hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah itu. Oleh yang demikian, maksudnya Rang Undang-undang ini ialah untuk menghapuskan sama sekali sebarang keraguan tentang kuasa-kuasa yang dipunyai dan dinikmati oleh PETRONAS selain dari hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai dan dinikmatinya dan yang sentiasa dipunyai dan dinikmati, samalah juga dengan apa yang

dipunyai dan dinikmati oleh mana-mana syarikat lain yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.

Pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Kemajuan Petroleum, 1974 adalah dikehendaki supaya berkuatkuasa kebelakangan. Ini cumalah logik disebabkan PETRONAS telah pun mempunyai kuasa-kuasa ini sejak mula-mula ditubuhkan lagi. Jika dibuat peruntukan yang selainnya, maka ini akan mengurangi konsep sifat kuasa-kuasa PETRONAS yang luas sebagaimana yang telah diharapkan oleh Parlimen pada mula-mula lagi.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Tajuk Panjang kepada Akta Kemajuan Petroleum, 1974 untuk memperuntukkan di dalamnya suatu sebutan mengenai kuasa-kuasa PETRONAS.

Fasal 3 memasukkan seksyen baru 3A kepada Akta Kemajuan Petroleum, 1974. Subseksyen (1) dalam seksyen itu memperuntukkan bahawa PETRONAS hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil alih atau memperolehi melalui perjanjian, penyerah-hakan, Pembelian atau dengan apa jua cara lain keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada apa jua pengusahaan perdagangan, perniagaan atau enterpris dalam apa jua bentuk kepunyaan mana-mana orang atau kumpulan orang (diperbadankan atau tak diperbadankan) dan menjalankan atau melibatkan diri dalam apa jua aktiviti sama ada yang disebutkan dalam Akta Kemajuan Petroleum, 1974 ataupun tidak yang sebelum pengambilan alih atau pemerolehan itu telah dijalankan oleh, dan bagi maksud, pengusahaan, perniagaan atau enterpris itu.

Subseksyen (2) dalam seksyen itu pula menetapkan bahawa kuasa-kuasa yang diberi kepada PETRONAS di

bawah subseksyen (1) adalah sebagai tambahan kepada dan bukannya mengurangkan kuasa-kuasa yang lain dan juga hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang diberikan kepadanya oleh Akta Kemajuan Petroleum, 1974 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Ini difikirkan perlu untuk membolehkan PETRONAS memainkan peranannya dalam memaju dan membangunkan negara selaras dengan hasrat Parlimen yang disuarakan semasa meluluskan Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum dalam tahun 1974.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini ialah suatu peruntukan akuan yang bermaksud hendak mengelakkan sebarang keraguan tentang pemakaian Akta Kemajuan Petroleum, 1974 untuk membolehkan mereka yang terlibat dengan hal ehwal PETRONAS supaya lebih berkebolehan untuk menguatkuasakan Akta itu sebagaimana yang diharap-harapkan oleh Parlimen tanpa gangguan daripada setengah-setengah orang yang menyusahkan, yang suka sibuk hendak meramalkan niat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin juga menghuraikan perkara ini dengan lebih lanjut lagi tetapi oleh kerana tindakan telah dibawa dalam Mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh sebut, Yang Berhormat!

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Terima kasih, maka saya tersekat dengan Peraturan Mesyuarat 36 (2) dan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan yang mulia ini untuk berbuat yang lain. Sekian, terima kasih.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan

Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum, 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

9.09 mlm.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengira sama ada saya setuju atau tidak setuju, saya menghormati keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dan keputusannya ialah atas satu point of order yang ada membangkitkan satu isu yang spesifik iaitu pembentangan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum, 1974 tidak menyalahi dengan Peraturan Mesyuarat 36 (2). Itu sudah diputuskan di sini, kita menerima keputusan itu, tetapi yang biasa pun dalam semua perkara-perkara di mana keputusan harus dibuat, keputusan barulah boleh dipakai untuk kes yang spesifik, tidak boleh digunakan sebagai satu, dengan izin, "umbrella ruling" oleh kerana dalam keadaan-keadaan yang lain ada faktor-faktor yang mungkin tidak boleh sama dengan isu-isu dan kalau ada satu general ruling, tentulah sebelum semua aspek ada didengari, saya rasa bukan sahaja dalam Dewan ini, dalam apa-apa mahkamah, apa-apa tempat, ini tentulah bukan sahaja tidak adil dan itu sebenarnya satu penafian keadilan.

Saya haraplah bahawa kita boleh berpegang teguh atas ruling sama ada Rang Undang-undang ini melanggar 36 (2), bukan lain-lain perkara. Lain-lain perkara perlu diputuskan apabila isu timbul. Oleh kerana saya, dalam aspek yang sesuai akan menyebut kes ini dan sebelum saya sebut kes ini, saya akan memberi hujah-hujah kenapa apabila saya sebut kes ini tidak melanggar 36 (2). Saya rasa ini mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan ini, dalam perbahasan

ini, saya ingat balik kepada satu perbahasan Dewan yang mulia ini di tahun 1983, bulan Julai. Apabila kita membahaskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan yang ada menyentuh kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong mengenai untuk memberi "Royal assent" kepada Rang Undang-undang, dalam masa itu saya ada sebut, nampaknya Dewan yang mulia ini sudah menjadi satu gelanggang wayang kulit. Di luar Dewan semua Ahli-ahli Yang Berhormat tahu apa isu yang mustahak dalam Rang Undang-undang meminda Perlembagaan. Tetapi apabila masuk ke dalam Dewan ini untuk membahaskan, semua berpura-pura bahawa isu yang pokok tidak ada. Sekarang mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini, kita sudah menjadi gelanggang wayang kulit kali yang kedua.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*).

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan? Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' K. Pathmanaban: Adakah Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua di atas permintaannya sendiri telah menjadikan Dewan ini sebagai wayang kulit? Kerana itulah isu pokok yang dipertikaikan dalam hujah-hujah yang disebutkan oleh beliau tadi. Kalau itu, saya hendak dengar apa Tuan Speaker akan kata mengenai.

Tuan Lim Kit Siang: Perkaranya ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa kita sudah menjadi gelanggang wayang kulit. Kalau bersetuju tentulah hujah-hujah beliau, argument-argument beliau adalah benar.

Dato' K. Pathmanaban: Soalnya ialah, kalau Yang Berhormat dari Kota

Melaka sendiri cuba hendak menjadikan Dewan ini sebagai wayang kulit kerana keputusannya dibuat secara undang-undang dan mengikut peraturan. Jika kita mematuhi segala itu dan Dewan ini menjadi wayang kulit, saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak ada tempat dalam Dewan ini, sebab dia hendak cuba menjadikan Dewan ini sebagai wayang kulit Cina bukan wayang kulit Kelantan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa, kita tidak mahu fikiran perkauman yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berlagak sebagai pemimpin MIC, Malaysian Immoral Party. Perkara wayang kulit Cina, wayang kulit Melayu tidak timbul. Sama ada kita dalam Dewan yang mulia ini tidak mahu mengakui masalah di hadapan kita dan saya harap bahawa dalam masalah keadaan sekarang di mana masalah polarisasi kaum sudah begitu besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri janganlah memberi tauladan yang begitu tidak baik yang mengemukakan hujah-hujah yang boleh ada sifat-sifat kaum. Ini satu tindakan perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sebut kaum tadi. Saya sebut Kelantan sama China, itu dua negara. Kelantan bukan kaum, China bukan kaum—negara. Wayang kulit dari sana lain daripada wayang kulit dari Kelantan. Wayang kulit dari Kelantan adalah satu yang asli bukan untuk permainan yang menghina, untuk memegahkan kita. Jadi sebutkan wayang kulit itu sebagai satu yang hina, bukan wayang kulit Kelantan, mungkin dia sebut wayang kulit dari China.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh

memutar belit tetapi kita tahulah bahawa fikir tadi ialah fikiran perkauman dan saya harap lain kali dia boleh tukar fikiran bercorak Malaysian, jangan fikir dia MIC. Jadi ahli Malaysian, jangan orang India, cakap sebagai orang India sahaja. Jangan lagi meneruskan fikiran perkauman, hentikan fikiran perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya kata bahawa nampaknya kita sudah menjadi satu gelanggang wayang kulit ialah berasal daripada hujah-hujah Yang Berhormat Menteri, bahawa kes Rang Undang-undang ini tidak ada kena mengena dengan apa-apa kes. Oleh kerana semua orang tahu dalam Dewan ini, termasuk semua Ahli-ahli yang ada, termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu bahawa ini berasal daripada kes K.C. Cheah dan PETRONAS. Atau dia tidak tahu?

Dato' K. Pathmanaban: Tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! tidak tahu. Tetapi mahu main wayang kulit. Itulah tahu tetapi mahu main wayang kulit. Ya, lagi satu fikiran perkauman tadi, saya tidak tahu yang berasal dari mana, dalam Dewan ini, nampaknya banyak orang yang ada fikiran perkauman. Saya dengar suara-suara, ya, imagine some more.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, ikut tatatertib sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu terhad kepada isu, tetapi ada orang mahu mengganggu, kalau mahu ganggu, kena bayar hargalah atas gangguan. Kita semua tahu kes PETRONAS untuk mengambil alih Bank Bumiputra dan pinjaman lapuk BMF \$2.5 billion. Apa yang sekarang berlaku ialah apabila ada satu kes di Mahkamah dalam proses pertengahan, dalam proses menunggu Mahkamah untuk membuat satu keputusan, kali

yang pertama Parlimen ini dan Kerajaan membawa satu Rang Undang-undang ini yang akan menafikan (nullified) kes itu. Itu tidak boleh dinafikan, itu kenyataan. Oleh kerana apabila Rang Undang-undang ini menjadi Akta, menjadi Undang-undang, kes K.C. Cheah dan PETRONAS tidak boleh diteruskan lagi oleh kerana apa yang dicabar dalam kes itu sudah menjadi sah dengan peruntukan-peruntukan retrospective yang dicadangkan dalam Clause 4 (1) Rang Undang-undang ini.

Satu soalan yang kita perlu fikir ialah adakah cara ini sah bukan sahaja daripada segi Perlembagaan tetapi dari segi political morality. Oleh kerana kita semua boleh ingat lagi, apabila PETRONAS mengambil alih Bank Bumiputra dan beli daripada ASN (Amanah Saham Nasional) semua saham-saham Bank Bumiputra dan Bumiputra Malaysia Finance, perkara sah tak sah (legality), langkah itu ada timbul. Dan selepasnya ada menjadi satu kes. Sebelum ia menjadi satu kes kita semua boleh ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masa itu berada di Amerika Syarikat, apabila disoal mengenai isu ini ada kata bahawa sesiapa yang tidak bersetuju, sesiapa yang rasa ini tidak sah boleh ambil tindakan undang-undang supaya satu ujian dibuat di dalam mahkamah. Tetapi apabila tindakan undang-undang diambil, Kerajaan tidak mahu menunggu keputusan mahkamah, datang ke Parlimen supaya mengesahkan tindakan pengambilan alih Bank Bumiputra oleh PETRONAS. Soal pertama, ini adalah tidak adil, ini tidak bermoral, ini bukan satu tindakan, satu Kerajaan yang beramanah, satu Kerajaan yang baik, satu Kerajaan yang bertanggungjawab.

Saya mahu tanya, apabila PETRONAS ambil alih Bank Bumiputra dan BMF tidakkah Jabatan Peguam Negara, tidakkah peguam-peguam PETRONAS mengkaji

perkara ini dengan teliti atau adakah oleh kerana ini satu cara yang baik untuk menutup skandal BMF supaya satu accountability tidak perlu diberi kepada Parlimen oleh kerana cara yang biasa untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan BMF ialah dengan cara yang ada dilakukan apabila ada bangkit skandal Bank Rakyat ialah Kerajaan datang ke Parlimen ini untuk meminda satu peruntukan menyelamatkan Bank Bumiputra, build-up Bank Bumiputra dan BMF. Dan apabila Kerajaan datang ke Parlimen untuk built-up Bank Bumiputra dan BMF perlulah satu penjelasan, satu accountability diberikan. Tetapi melalui satu badan lain semacam PETRONAS sudah mengelakkan accountability kepada Kerajaan, Kerajaan kepada Parlimen dan kepada rakyat. Sebab itu tidak fikir dari segi sah tidak sah. Kalau dalam satu perkara yang begitu mustahak dan begitu besar, Jabatan Peguam Negara atau peguam-peguam yang berkenaan atau pihak yang berkenaan tidak kaji dengan teliti, tidak kaji dengan mendalam perkara sah tidak sah langkah ini, ini menunjukkan bahawa di peringkat atasan ada kecuai. Mereka yang bertanggungjawab sudah cuai. Siapa yang bertanggungjawab? Adakah Peguam Negara sendiri? Dan kalau Peguam Negara patutlah Peguam Negara letak jawatan. Kalau bukan Peguam Negara siapa yang lain yang bertanggungjawab kepada suatu perkara yang begitu besar dan begitu mustahak.

Kita berbalik kepada perkara PETRONAS. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada koram.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat membangkitkan Peraturan Mesyuarat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, koram.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Tuan Setiausaha, saya bilang. 15 orang ahli

yang hadir, tidak cukup bilang. Sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan

(Ahli-ahli dikira: 29 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tadi saya ada sebut bahawa kemungkinan ada kecuai di peringkat atasan dalam perkara ini membangkitkan satu prospektif yang sangat membimbangkan mengenai kawalan (control) accountability badan-badan yang diberikan kuasa yang begitu besar semacam PETRONAS yang diberikan kuasa untuk menguruskan wang yang berbilion-bilion ringgit. Kalau perkara yang semacam ini boleh berlaku di aspek ini apa lagi perkara lain yang tidak boleh berlaku. Sebenarnya kes semacam ini sudah menimbulkan banyak soalan bahawa pada seluruh operasi OBA (Off-Budget Agencies) khasnya PETRONAS.

Apa yang Kerajaan harus buat sebenarnya ialah menunggu keputusan kes K.C. Cheah lawan PETRONAS dahulu sebelum ambil apa-apa tindakan. Dewan yang mulia ini kalau saya tidak silap sekurang-kurangnya sudah dua kali meluluskan undang-undang untuk membuat sah apa mahkamah sudah memutuskan tidak sah dengan retrospective dengan effect kes yang pertama dalam Sidang Dewan Rakyat pada bulan Disember, 1978—kes Mahan Singh dan Kerajaan Malaysia yang sampai ke Majlis Privy (Privy Council) mengenai tafsiran Artikel 135 mengenai, dengan izin, security of tenure seorang pegawai Kerajaan di mana Mahan Singh sudah berjaya dalam kes dan dengan jelasnya menunjukkan bahawa tidak seorang dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang termaktub dalam Artikel 132

boleh dipecat atau turun pangkat tanpa diberi satu peluang untuk didengari. Dan oleh kerana Kerajaan menggunakan kuasa Darurat dan akhirnya membuatkan Peraturan 69, Peraturan 44 atau General Orders Chapter "D" timbullah kes ini, Mahan Singh ada menghadapi tindakan tatatertib, dia ada masuk kes melawan Kerajaan—menang di High Court, kalah di Federal Court, menang lagi di Privy Council dan oleh kerana Kerajaan sudah kalah datang ke Parlimen untuk pinda Perlembagaan dengan retrospective effect, tetapi sekurang-kurangnya kes itu sudah habis.

Kes kedua, pada bulan Januari 1979, kes Teh Cheng Poh dan vs Public Prosecutor mengenai sah tidak sah Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) atau Essential (Security Cases) Regulations, 1975 sampai ke Privy Council di mana Majlis Privy buat keputusan bahawa pendirian Kerajaan tidak sah, bahawa peraturan, dengan izin, Essential (Security Cases) Regulations tidak sah, lagi satu Dewan Rakyat sidang tergepar dipanggil untuk buat sah, apa tidak sah dan retrospective effect, tetapi itu pun selepas kes habis, tetapi sekarang apabila kes sudah start dalam mahkamah menunggu keputusan mahkamah, kita mahu membuat dengan 100% sah apa tidak sah.

Kalau Kerajaan mahu meminda undang-undang, patutlah buat sebelum atau selepas satu kes sudah masuk ke mahkamah, sebelum atau selepas dan bukan, dengan izin, midstream, apabila ada satu kes menunggu keputusan. Dan ini akan memberi gambaran dan tanggapan bahawa Kerajaan adalah lagi satu contoh angkuh kuasa atau, dengan izin, arrogance of power, sikap bahawa Kerajaan dengan sewenang-wenangnya boleh buat apa-apa oleh kerana ialah, dengan izin, "Heads I win, tails you lose.", boleh buat apa-apa.

Sebenarnya daripada 2 aspek segi, keadaan PETRONAS sama ada boleh tidak boleh daripada segi undang-undang menjalankan apa-apa tindakan, urusan perniagaan yang sekarang dipinda sama ada daripada segi undang-undang, itulah sah. Masalah kedua ialah daripada segi public interest atau kepentingan nasional, adakah ini boleh disokong?

Sebenarnya mengenai sah atau tidak sah PETRONAS boleh melalui Akta Syarikat menjalankan apa-apa urusan sudah menjadi satu kajian yang mendalam oleh peguam V.K. Moorthy dan dalam kajiannya untuk Masters di Monash University yang sekarang ada dalam buku "PETRONAS: Its corporate and legal status", ada dengan terang menyatakan bahawa PETRONAS sungguhpun diperbadankan di bawah Akta Syarikat tidak boleh bertindak sebagai satu syarikat oleh kerana ia diwujudkan oleh Akta Parlimen atau, dengan izin, a statutory creature dan Akta yang control atau controlling statue bukan Companies Act, tetapi Petroleum Development Act dan mungkinlah sebelum Dewan yang mulia ini terus mahu mengambil tindakan meluluskan pindaan di hadapan kita dan memberi retrospective effect ada berguna. Kalau kita menyentuh hujah-hujah mengenai perkara ini dan saya minta izin untuk quote daripada buku oleh V.K. Moorthy, muka surat 51:

"The foregoing analyses are the corporate status of PETRONAS shows that PETRONAS possesses more of the characteristics of a public statutory corporation than that of a private company. This conclusion is based primarily on the fact that PETRONAS is established by a special Act of Parliament which has conferred on it specific powers, privileges and rights. Even the selection of its name has been effected by a legislative action unlike in the case of an ordinary company

where the incorporators decide the name of the company, subject to approval of the Registrar of Companies. The other major factor that puts PETRONAS clearly in the category of public corporations is the statutory power given to the Prime Minister to direct and control PETRONAS. This control is in addition to the shareholder control of the Federal Government. Furthermore, the incorporation of PETRONAS under the Companies Act was not by the free choice of the Federal Government but by the legislative direction or requirement. PETRONAS certainly acquires its body corporate status pursuant to the Companies Act but other than this, as will be shown below, the provisions of this Act, have very little impact on PETRONAS because as between the special Act and the Companies Act, the special Act is the controlling statute."

Dan oleh kerana Petroleum Development Act ialah controlling statute, tujuan atau objeknya sangat nyata ialah untuk vest PETRONAS dengan kuasa-kuasa, dengan izin petroleum up-stream, down-stream dan pun untuk melibatkan dalam kegiatan-kegiatan yang petroleum-related, ada perhubungan dengan petroleum, tetapi sekarang Dewan yang mulia ini akan diminta supaya meminda Akta itu supaya membenarkan PETRONAS bukan sahaja bertanggungjawab atas kegiatan-kegiatan resources petroleum dan petroleum-related, tetapi apa-apa kegiatan, sungguhpun tidak ada kenangannya dengan petroleum dan oleh kerana Petroleum Development Act ialah controlling statute, sungguhpun PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Syarikat dan Articles and Memorandum of Association, PETRONAS, daripada 33 Fasal, ada 10 atau lebih daripada 10 artikel ialah *ultra vires* oleh kerana sudah melanggar tujuan objects yang

termaktub dalam Petroleum Development Act.

Sekarang kita diminta bahawa mengesahkan Memorandum and Articles of Association of PETRONAS di bawah Companies Act sungguhpun sudah *ultra vires* oleh kerana bercanggah dengan Petroleum Development Act. Tetapi bukan itu sahaja, kalau kita baca pindaan yang di hadapan kita ada lagi satu peruntukan 3A (1) yang berbunyi:

"Sebagai tambahan kepada segala kuasa perbadanan, sebagaimana yang ditetapkan dalam Memorandum dan Perkara-perkara persatuannya, perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil alih atau memperolehi melalui perjanjian, penyerahan, pembelian atau dengan apa-apa cara lain keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana perusahaan perdagangan, perniagaan atau enterpris dalam apa juga bentuk kepunyaan mana-mana orang atau kumpulan orang (diperbadankan atau tak diperbadankan) dan menjalankan atau membuat apa-apa kegiatan sama ada. . . ." inilah operative, "yang disebutkan dalam Akta ini yang tidak sebelum pengambilan alih atau pemerolehan itu telah dijalankan oleh, dan bagi maksud, perusahaan perniagaan atau enterpris itu."

Dengan pindaan itu bukan sahaja Article Memorandum PETRONAS yang *ultra vires* sudah menjadi sah, tetapi PETRONAS pun boleh menjalankan apa-apa tindakan, tidak disebut dalam dan Memorandum dan Articles of Association tidak disebut dalam Petroleum Development Act, sudah menjadi satu Kerajaan dalam Kerajaan, sudah jadi satu monstrous, satu syarikat, satu perbadanan, dengan izin, monstrous, Frankenstein tidak lagi control, siapa control? Akta pun

tak boleh control. Akta ini kata boleh buat apa-apa? Akta ini tak sebut pun boleh buat. Kenapa? Apa justification, apa sebab?

Prinsip pokok kita mewujudkan badan-badan ialah supaya menjalankan tugas yang spesifik dan kita perlu kawalan-kawalan supaya tidak salahguna kuasa atau, dengan izin, "exceed" tujuan, tetapi sekarang tujuan tak tujuan lagi. Tujuan ialah apa pun boleh, tujuan ialah kuasa tak terhad. Kita memberi PETRONAS absolute power, dengan izin, dan ini bererti kita dengan wang rakyat mewujudkan satu badan yang tidak sesiapa boleh tanya soal, "accountable".

Kita tahu PETRONAS sekarang satu badan yang daripada segi kewangan bukan satu badan yang kecil. Dalam Belanja Pengurusan tahun 1984, Perbelanjaan Pengurusan untuk PETRONAS, satu syarikat di bawah Akta Syarikat ialah \$150 juta, siapa akaun? \$150 juta tahun 1984. Kakitangan PETRONAS yang tidak menggal, tidak mengeluarkan, tidak ada sedikit memasar petroleum, kakitangan yang digaji tahun 1984 ialah 5,308. Siapa tahu sama ada Perbelanjaan Mengurus dan juga kakitangan ini boleh disokong oleh prestasi kerja atau di PETRONAS bukan sahaja ada satu Kerajaan dalam Kerajaan, satu "paradise" pun untuk mereka yang boleh dapat pekerjaan dalam PETRONAS, tetapi mana prinsip accountability?

Tanpa apa-apa pindaan di hadapan kita, sebenarnya mengikut kajian dan buku yang bertulis oleh V. K. Morthy, PETRONAS sama ada dengan pindaan ini atau tidak, masih menjadi instrumentality Kerajaan atau, dengan izin, "Government instrumentality", menerima wang royalti dan lain-lain bagi pihak—on and on behalf Kerajaan Persekutuan. Kalau sebenarnya PETRONAS ialah pada akhirnya

sebuah Government instrumentality, prinsip-prinsip untuk Kerajaan perlu juga ada ialah accountability kepada rakyat, tetapi sekarang tidak ada. Kita semua tahu PETRONAS accountable kepada tidak seorang, itulah daripada segi undang-undang. Daripada segi sama ada untuk kepentingan nasional, kepentingan orang ramai, peruntukan ini baik atau tak baik, saya rasa tentulah ini tidak boleh dianggap sebagai satu peraturan (arrangement) yang baik.

Saya mahu tanya sebagai contoh, kenapa perlu satu badan Kerajaan ambil alih satu badan Kerajaan yang lain? Akhirnya Bank Bumiputra ialah satu badan Kerajaan oleh kerana wang rakyat. Bank Bumiputra oleh kerana skandal BMF sudah menghadapi masalah kewangan dan kalau bank swasta mungkin sudah jadi bankrap, perlu satu exercise untuk menyelamatkan Bank Bumiputra, tetapi kenapa mahu lagi satu badan Kerajaan yang lain, bukan Kerajaan sendiri, khasnya apabila PETRONAS ditubuh dengan tujuan yang spesifik ialah petroleum, specialised, khas semacam LLN untuk perbekalan electricity, sebagai LPN khas untuk beras, tujuan yang khas, tugas yang khas. Kenapa sekarang mahu memberi institusi-institusi yang diberi tugas yang khas, tugas-tugas yang lain. Taruh satu layer intermediate apa erti? Tentulah kesan buruk ialah bahawa akan mengurangkan kebolehan institusi yang khas itu untuk menjaga tugasnya.

Kedua, selain daripada mengelakkan accountability, saya rasa ini tidak contribute. Buat apa sumbangan terhadap lebih kecekapan, lebih bertanggungjawab. Itulah 2 aspek; legal dan kedua, sama ada ini demi kepentingan nasional daripada segi accountability, daripada segi kecekapan, daripada segi tujuan kepentingan negara dan sama ada kita patut menyokong usaha-usaha

Kerajaan yang mahu, dengan izin, frustrate dan stifle satu kes yang ada dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam DAP tidak boleh memberi sokongan terhadap pindaan ini bukan kerana mengikut orang yang tidak mahu ada sikap yang bertanggungjawab, oleh kerana kita mahu bangkang untuk bangkang, kita mahu bantah untuk bantah; tetapi oleh kerana cara, tujuan, bentuk pindaan ini, latar belakang ialah satu precedent yang tidak sihat. Pengambilan Bank Bumiputra oleh PETRONAS sudah menjadi satu precedent yang tidak sihat elak accountability. Lagi sekarang satu pindaan, lagi satu precedent yang menunjukkan arrogance of power.

Kita pun tahu bahawa PETRONAS ada menubuhkan beberapa syarikat-syarikat subsidiary companies seperti PETRONAS Carigali dan lain-lain.

Mengikut Petroleum Development Act 1974, itu lagi satu kegiatan-kegiatan yang tidak sah, kegiatan-kegiatan sudah melampau batasan undang-undang. Adakah sebab itu perlu pindaan yang memberi semua kuasa, semua hak, semua privileges sehingga tiada orang yang boleh kontrol selain daripada Perdana Menteri dan Kabinet. Tetapi ini bukan cara parliamentary democracy lagi. Ini sudah jadi cara pemerintahan dictatorship, cara pemerintahan di mana keperluan-keperluan Parliamentary democracy sudah diketepikan.

Saya tahu bahawa apa-apa hujah bernas, betul, baik dikemukakan, mereka akan jatuh, dengan izin, fall on deaf ears. Oleh kerana kita ada satu Parlimen yang sangat deaf tetapi jangan lupa, jangan oleh kerana kita ada majoriti yang terbesar yang boleh meluluskan apa-apa Rang Undang-undang, kita boleh tunjuk kekuatan dan kekuasaan.

Orang ramai di luar Dewan mereka pun ada pandangan, fikiran mereka. Mereka akan lihat, mereka akan putus sama ada pindaan ini betul, tak betul; baik tak baik; sama ada menjahanamkan asas satu Kerajaan yang percaya Parliamentary democracy accountable kepada rakyat.

Saya rasa sebenarnya kalau kita lagi ada conscience, kita masih ada sense, fikiran, bertanggungjawab, rasa malu mahu bukan sahaja bentang, mahu luluskan Rang Undang-undang semacam ini dan kita DAP tentu akan bantah, kita boleh memberi sokongan dan saya harap di masa depan Kerajaan akan lebih bertanggungjawab, jangan ambil apa-apa tindakan oleh kerana mereka tahu ada cukup majoriti untuk membuat sah apa tak sah. Tak kira legality, morality dan prinsip Parliamentary Democracy.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

9.55 mlm.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1974 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Saya telah mengikuti ucapan Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka dan saya nampak ada suatu keinginan yang sungguh-sungguh daripada pihak DAP untuk menjadikan isu ini suatu isu politik, untuk menanggung keuntungan politik daripada suatu Rang pindaan yang sebenarnya, dengan izin, sangat simple.

Kita dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan termasuk tuduhan yang amat sering didengar, arrogance of power, tidak bermoral, tidak bertanggungjawab, tidak bermaruah dan sebagainya. Kita tidak hairan

dengan tuduhan-tuduhan seperti ini tetapi apa yang amat menghairankan saya ialah bagaimana suatu pindaan yang amat simple, dengan izin, telah menjadikan suatu isu seolah-olah segala-galanya akan runtuh dalam dunia Malaysia ini kalau kita luluskan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan Ahli dari Kota Melaka menentang Rang Pindaan ini beliau mungkin telah tersilap tafsir tentang Fasal 3A (1) dan mentafsirkan bahawa fasal ini telah memberikan PETRONAS suatu kuasa yang amat besar sehingga membolehkan ia wujud sebagai sebuah Kerajaan di dalam Kerajaan semata-mata oleh sebab di dalam 3A (1) ada disebut satu ayat berbunyi: "sama ada yang disebutkan dalam Akta ini ataupun tidak."

Dalam keghairahannya menentang Rang Undang-undang ini beliau telah barangkali tersalah anggapan bahawa PETRONAS akhirnya akan dapat menubuhkan sebuah bala tentera, tentera darat, tentera laut, tentera udara dan akhirnya PETRONAS akan menjadi sebuah Kerajaan, akan mempunyai Kabinet sendiri dan sebagainya dan akan berkuasa membuat undang-undang sendiri semata-mata oleh kerana adanya ayat yang mengatakan "sama ada yang disebutkan dalam Akta ini ataupun tidak."

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila saya berhujah bahawa 3A (1) yang ada ayat sama ada yang disebutkan dalam Akta ini ataupun tidak ialah bersangkutan dengan pengambilan alih atau pengolehan yang dijalankan oleh dan bagi maksud pengusahaan, perniagaan atau enterprais ialah terhad kepada

tiga-tiga perkara ini ialah pengusahaan, perniagaan atau enterprais, tidak ada sebut tubuh satu Kabinet dan ada tentera, saya rasa kita tidak perlu begitu liar dalam fikiran, semangat untuk apa-apa halangan terhadap PETRONAS kalau mahu mengadakan satu rantai, satu chain pawagam atau casino atau massage parlour atau pub atau restaurant, itu kegiatan-kegiatan yang maksud pengusahaan, perniagaan atau enterprais. Kalau itu dilarang, jangan cakap dilarang oleh kerana kita tidak akan buat begitu, dilarang oleh undang-undang. Tak guna kata kita tidak akan membenarkan PETRONAS ambil alih semua massage parlour dalam Malaysia oleh kerana kita satu Kerajaan yang tak mahu buat begitu tetapi daripada undang-undang. Ada apa larangan, tidak boleh buat apa-apa tindakan, tak sangkut-paut dengan petroleum. Itulah hujah-hujah. Yang lain-lain yang mustahak ialah apabila PETRONAS wujud ialah specific, specialise untuk petroleum, kenapa mahu membenarkan masuk bidang, lapangan, mungkin bukan massage parlour, mungkin bukan pub tetapi tak kena-mengena pun dengan petroleum. Itulah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, kalau begitu tafsirannya maka Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mendapat kefahaman yang betul daripada Fasal 3A (1) dan kalau betul tafsirannya begitu mengapa pula Fasal ini dituduh akan menyebabkan PETRONAS menjadi satu monster dan Kerajaan dalam Kerajaan. Kalau tujuan 3A (1) maksudnya untuk membenarkan PETRONAS untuk mengambil bahagian dalam sebarang jenis perniagaan tidak mungkin ia akan jadi seekor monster yang akan merosakkan manusia-manusia lain dan tidak mungkin ia akan menjadi sebuah

Kerajaan di dalam Kerajaan. Kalau tafsiran dan kefahamannya begitu maka tidak perlu ada tuduhan-tuduhan seperti itu. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kerajaan dalam Kerajaan oleh kerana akan wujud satu keadaan di mana PETRONAS sudah memasuki beberapa bidang dan lapangan yang sepatutnya tidak ada kena mengena dengan Petroleum tetapi tidak boleh diakaun, tidak boleh accountable kepada rakyat dan rakyat tidak boleh buat apa-apa kawalan. Rakyat boleh buat kawalan mahu Kerajaan yang jelas yang ada untuk membuat satu accountability tetapi tidak boleh memaksa PETRONAS untuk mengadakan satu accountability oleh kerana sudah jadi Kerajaan dalam Kerajaan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bukan hendak membuat penjelasan tetapi hendak mengemukakan hujah-hujah baru. Barangkali point-point yang tertinggal dalam hujahnya yang awal. Kalau demikian halnya maka saya ingin bertanya mengapa tidak? Kita ingin melihat.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, saya tidak akan mengizinkan supaya ini jadi berdialog. Dalam Peraturan Mesyuarat membenarkan hanya penjelasan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan membenarkan lagi, mengizinkan lagi saya diganggu, tidak akan beri jalan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu tidak guna dengar, saya hendak keluar.

(*Y.B. Tuan Lim Kit Siang keluar Dewan*)

Tuan Alias bin Md. Ali: Boleh hendak keluar tidak ada apa. Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita terlampau takut, kenapa DAP terlampau takut kalau sekiranya PETRONAS menjadi sebuah pertubuhan perniagaan yang besar. Semua pertubuhan, semua syarikat-syarikat minyak dalam dunia ini, bukan sahaja menguasai syarikat perniagaan minyak tetapi juga lain-lain perniagaan dan adalah anih yang sebenarnya bahawa kita di Malaysia mahu menghadkan PETRONAS sebagai sebuah badan perniagaan yang hanya boleh melibatkan diri di dalam perniagaan Petroleum, sedangkan syarikat-syarikat minyak dan agensi-agensy minyak di luar negeri seperti jiran kita Pertamina di Indonesia bukan sahaja menguasai syarikat minyak tetapi juga bank-bank, restoran, hotel dan lain-lain perniagaan yang besar. Saya tentu setuju bahawa PETRONAS tidak patut mengambil alih massage parlour dan sebagainya. Kalau itulah mentality yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka maka adalah munasabah bahawa rakyat.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat minta penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tertib Mesyuarat atau penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta jalan, silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini dengan Pertamina yang menceburi di pelbagai bidang.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu sudah hujah, Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, sila teruskan ucapan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak nampak sebarang sebab mengapa ada orang yang patut takut kalau PETRONAS menjadi sebuah badan perniagaan yang berjaya bukan sahaja di dalam bidang minyak tetapi juga dalam lain-lain bidang perniagaan yang besar. Ini sahaja pokoknya dan ini sahaja yang dikemukakan oleh pindaan kepada Petroleum Act ini dan kalau ada orang takut untuk melihat PETRONAS menjadi besar maka ketakutan itu saya rasa adalah suatu ketakutan yang sama sekali tidak berasas dan tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya PETRONAS dengan pindaan ini boleh membuat apa juga jenis perniagaan, dan saya tegaskan lagi perniagaan, dan boleh mengambil alih, boleh membeli syarikat-syarikat yang lain dan sebagainya tetapi saya akan barangkali tidak payah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan, saya sebagai Ahli backbenchers pun boleh memberi jaminan kepada DAP dan ahli-ahlinya bahawa PETRONAS tidak sekali-kali akan menjalankan atau mengambil alih casino ataupun massage parlour. Saya sendiri akan menjadi orang yang pertama menentang sebarang langkah seperti itu yang akan dilakukan oleh PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh dalam ucapannya suatu prinsip yang amat penting iaitu prinsip sama ada Parlimen ini boleh meluluskan suatu undang-undang atau Rang Undang-undang sedangkan ada kes yang berkaitan dengannya masih lagi belum diputuskan oleh mahkamah. Saya katakan ini menyentuh perkara prinsip oleh kerana apa yang disebutkan itu mencabar suatu prinsip yang amat

penting di dalam demokrasi iaitu Parlimen sebagai suatu power yang supreme, dengan izin.

Dan daripada hujah-hujah yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya mendapat kesimpulan bahawa beliau inginkan Parlimen ini, beliau ingin melihat Parlimen tidak membuat sebarang undang-undang atau mengemukakan sebarang Rang Undang-undang selagi ada kes-kes yang mungkin berkaitan dengan Rang Undang-undang itu belum diselesaikan atau sedang dalam pertimbangan mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau lojik ini kita gunakan, saya percaya kita akan berhadapan dengan suatu Parlimen yang langsung tidak boleh bergerak dan langsung tidak boleh meluluskan sebarang undang-undang. Oleh kerana barangkali tidak ada suatu perkara pun di dalam kehidupan kita ini yang bebas daripada pertimbangan mahkamah. Dan kalau kita terpaksa menunggu sehingga semua kes-kes di dalam mahkamah selesai dipertimbangkan, maka baru kita boleh membuat pindaan-pindaan kepada Akta-akta yang telah lepas atau mengemukakan Rang Undang-undang baru, maka saya percaya kita akan menjadi suatu Parlimen yang paling tidak efektif, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya DAP sendiri tidak ingin melihat suatu Parlimen hanya datang untuk meluluskan Belanjawan-belanjawan ataupun Belanjawan Tambahan ataupun lain-lain perkara sedangkan kita tidak boleh membuat undang-undang atau mengemukakan sebarang pindaan kepada undang-undang semata-mata kerana perkara atau subject yang hendak kita pinda itu ada di dalam pertimbangan mahkamah, baik Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu argument, dengan izin, yang

sama sekali tidak lojik, tidak masuk akal dan saya amat terperanjat bahawa argument seperti ini datangnya daripada seorang Ahli Parlimen, yang sudah lama menjadi Ahli Dewan, yang selama ini melaung-laungkan, yang sentiasa menyeru supaya Dewan Parlimen dan Dewan Rakyat ini menjadi suatu badan yang efektif, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tiap-tiap agensi yang kita tubuhkan melalui Akta-akta Parlimen mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu, tetapi fungsi-fungsi yang tertentu tidak pula bererti kita membataskan setiap agensi itu dengan satu batasan yang amat terhad. Misalnya, kalau kita tubuhkan, sewaktu kita tubuhkan PERNAS, kita beri dia kuasa untuk menjalankan perniagaan-perniagaan import-eksport dan sebagainya, tidak pula bererti kita menahan PERNAS daripada melakukan lain-lain kegiatan yang pada timbangan PERNAS boleh menguntungkan dan boleh memberi faedah kepada rakyat jelata negeri ini.

Begitu juga kalau kita iktiraf PETRONAS sebagai sebuah badan yang fungsi utamanya menjalankan perniagaan minyak dan sekarang kita melanjutkan fungsi itu kepada lain-lain perniagaan yang tidak berkaitan dengan minyak, maka itu hanyalah suatu extension daripada kegiatan-kegiatan PETRONAS pada masa akan datang. Dan saya percaya dalam keadaan masyarakat, dalam keadaan ekonomi Malaysia yang sedang berkembang dan dalam keadaan ekonomi dunia pada masa ini kita memerlukan sebuah badan yang mempunyai kemampuan yang amat kukuh untuk menyertai bidang-bidang perniagaan baik dalam negeri mahu pun luar negeri. Hanya orang-orang yang mempunyai kepentingan dan mempunyai kecurigaan politik sahaja boleh mentafsirkan pindaan ini sebagai

satu perkara yang akan merugikan rakyat Malaysia seluruhnya.

Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, nampak dengan kalau langkah-langkah baru yang akan diambil oleh PETRONAS untuk mengambil bahagian dalam lain-lain sektor ekonomi, ia bukan sahaja akan memberi faedah kepada PETRONAS itu sendiri tetapi juga ia akan menimbulkan suatu daya penggerak yang utama dalam ekonomi negara kita. Dan dengan penyertaan PETRONAS di dalam segenap sektor ekonomi sudah pasti kita akan dapat mengharapkan satu pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada masa depan oleh kerana dengan adanya pindaan ini PETRONAS bukan sahaja akan boleh mengambil bahagian di dalam kegiatan ekonomi dalam negara ini tetapi juga kegiatan ekonomi di luar negeri. Tidak ada apa yang saya nampak perlu ditakutkan daripada pindaan ini dan sebenarnya apabila saya mendengar ucapan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya mendapat satu kesan yang sangat aneh bahawa ada sesuatu yang lebih daripada rasa takutnya itu terhadap pindaan ini dan itulah satu perkara yang tidak dapat saya duga apa sebab beliau terlampau ghairah, terlampau takut dengan satu pindaan yang pada hakikatnya satu pindaan yang amat simple, dengan izin, suatu pindaan yang amat sederhana yang tidak sekali-kali akan memberi implikasi yang buruk, baik kepada penubuhan PETRONAS itu sendiri ataupun kepada rakyat, malahan ia akan merupakan satu pindaan yang akan sudah pasti akan menguntungkan PETRONAS itu sendiri dan sudah pasti akan menguntungkan keseluruhan suasana ekonomi di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri

menjawab, dan menggulung perbahasan.

11.15 mlm.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Pertamanya, saya agak rasa keciwa kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana yang pertama sambil dia menegur kepada kita jangan melanggar Peruntukan 36 (2), Ahli Yang Berhormat itu sendiri memutuskan in defiance kata dia, keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk menceritakan perkara-perkara yang *sub judice*—in defiance.

Kita rasa kecewa oleh kerana mengambil kesempatan kebebasan Dewan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengeluarkan hujah-hujah yang bertentangan dengan Peraturan-peraturan yang ada.

Yang kedua, sambil dalam saya menjawab ucapan ini, Ahli Yang Berhormat itu ada tetapi apabila rakan kita Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu hendak menjawab hujah-hujah daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia seperti feelnya yang biasa meninggalkan Dewan ini. Dia boleh melemparkan hujah-hujah kepada orang lain tetapi apabila kita hendak menjawab hujah daripada dia selalunya dia keluar. Itu juga bukan saya kesal tetapi rasa keciwa sedikit kepada Ahli Yang Berhormat. Jelas Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menggambarkan ketakutan partinya sendiri, parti DAP sebenarnya takut kepada bayang-bayangnya sendiri, bukan takut kepada PETRONAS, bukan takut kepada pindaan yang tidak ada kaitan dengan kes yang disebutkan tetapi takut kepada bayang-bayangnya sendiri.

Bunyi sahaja di mana-mana, dia kata tak betul. Kita rasa kesal oleh kerana dia telah melemparkan berbagai hujah, berbagai hujah kepada pihak Kerajaan dalam rangka kita membentangkan pindaan ini dengan sikapnya yang angkuh, dengan izin, sikapnya yang angkuh betul-betul kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hanya tahu untuk menyatakan bahawa seolah-olah Kerajaan ini tidak mengkaji atas pindaan yang kita buat, seolah-olah perkara yang kita ingin bentangkan dalam perbahasan ini mempunyai motif-motif tertentu, bahkan pada permulaannya dia menggambarkan Dewan ini sebagai satu gelanggang wayang kulit.

Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak berhujah dalam gelanggang wayang kulit, biarkan dia seorang berhujah. Saya ingin berhujah di dalam Dewan yang mulia dan ingat kepada gelanggang wayang kulit bagi mereka yang mengetahui cerita wayang kulit, ada satu watak yang dinamakan Bota. Bota ini kerjanya tak ada lain mengganggu orang sahaja tanpa ada satu motif dia mengganggu sahaja. Jadi orang main wayang kulit ini akan mengeluarkan figure Bota. Apa orang lain buat semua diganggu, dikacau. Dia hendak melarikan Sita Dewi daripada Rama, tak dapat. Tak ada orang hendak menyokong Bota ini. Itulah sebabnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, walaupun saya tidak bandingkan dengan Bota ini, tetapi rangka menyampaikan hujahnya, sehingga macam saya katakan tadi bagi orang lain, kalau menyebut sahaja, melanggar Peruntukan 36 (2) tetapi bagi Ahli Yang Berhormat itu sendiri semuanya boleh, sambil dia mengatakan Parlimen ini tidak boleh membahaskan, oleh kerana kita tak boleh bincang perkara-perkara *sub judice*, dia lantak semacam, minta maaf perkataan "lantak".

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ada Ahli minta penjelasan. Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Ahli Yang Berhormat menyatakan dengan terang-terang apakah motif yang sebenarnya membangkitkan Rang Undang-undang malam ini, sebab saya tidak dengar motif yang sebenarnya, cuma bayang-bayang sahaja dibangkitkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya tidak ada mempunyai motif apa-apa. Kita katakan tadi ini hanya satu pindaan yang simple, dengan izin, kepada Akta Petroleum yang ada. Dan saya juga mengatakan tadi bagi menghormati keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan lari dari maksud yang saya telah sampaikan tadi. Ingin juga saya hendak mengingatkan barangkali untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Mengikut Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebenarnya PETRONAS ini tidak ada kaitan dengan Akta Syarikat. Seharusnya PETRONAS menumpukan masanya untuk petroleum. Saya ingin mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, dia selalu sahaja untuk kata orang ini to impress, dengan izin. Siapa-siapa yang tidak boleh berbahas, keluarkan buku.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa saya sebut ialah bahawa PETRONAS diwujudkan oleh Petroleum Development Act dan mengikut Petroleum Development Act ada diperbadankan di bawah Akta Syarikat

bahawa ia boleh berjalan di bawah dua-dua Akta tetapi daripada dua Akta, ada satu Akta yang lebih controlling ialah Petroleum Development Act. Dan sungguhpun diperbadankan di bawah Akta Syarikat dan dalam tahun 1974 apabila Rang Undang-undang Petroleum Development Act dikemukakan, Yang Berhormat Menteri yang mahu baca apa saya cakap masa itu, saya ada kata bahawa di bawah Companies Act lebih flexible tetapi kita mahu jaga salahguna kuasa atau salahguna perjalanan dan penyalahgunaan kuasa termasuk keluar daripada landasan di bawah Petroleum Development Act, jangan kata saya tidak mahu. Saya telah pun sebut tahun 1974 dalam Dewan yang mulia ini di bawah Akta Syarikat tetapi tidak boleh terkeluar daripada Petroleum Development Act. Faham apa yang saya cakap dalam tahun 1974.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dia tahu saya hendak membacakan *Penyata Rasmi* apa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka katakan pada waktu itu. Kalau saya tidak mengingatkan, sudah tentu dia akan lari daripada tajuk. Kerana pada tahun 1974 dahulu dia menerima hakikat bahawa PETRONAS ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Kalau ini diterimanya, sebenarnya tidak ada perbahasan. Kita tahu di bawah Akta Syarikat, PETRONAS banyak boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti yang dilaksanakan yang mana sebenarnya tidak perlu dicurigai lagi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga dalam hujahnya mengeluarkan pendapat-pendapat daripada beberapa pihak. Bila saya memberi satu pendapat tadi dia kata ini tidak ada relevant. Dia mengeluarkan pendapat-pendapat luar termasuk yang datangnya daripada V. K. Moorthy dalam bukunya. Saya ingin

menjelaskan pandangan ini merupakan pandangan daripada penulis itu sahaja dan tidak termestinya dia merupakan pandangan umum. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka suka menyatakan bahawa pandangan dia sendiri mengenai PETRONAS ini kononnya adalah pandangan masyarakat yang ramai. Saya selalu mengatakan, ini pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak semestinya pandangan ini diterima oleh masyarakat umum. Maksud kita mengadakan pindaan ini ialah hendak menjelaskan, menghuraikan supaya bukan sahaja masyarakat umum tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga faham, kenapa kita bawa Rang Undang-undang ini.

Kadangkala dia sendiri juga sedar, sambil dia berhujah dengan begitu ghairah sekali, dia teringat juga, "Saya tahu", katanya. Pendapat-pendapat saya ini akan, dengan izin, fall on deaf ears. Kerana dia tahu kita daripada Barisan Nasional lebih ramai. Walaupun demikian di dalam Parlimen, di dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan tentang Parliamentary democracy, kita mengatakan oleh kerana kita mengamalkan demokrasilah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan rakan-rakannya turut dapat menyuarakan sesuatu di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, kita tidak pernah mengatakan oleh kerana kita mempunyai majoriti 2/3. Jadi, dengan itu kita jangan dengar langsung pendapat-pendapat daripada pihak yang lain termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya sebenarnya tidak ingin membanyakkan hujah-hujah, mengelirukan lagi isu yang berada di hadapan kita oleh kerana saya hanya ingin membawa pindaan kepada Akta Kemajuan Petroleum. Kalau saya ikut

nada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah tentu saya sendiri akan membawa Dewan ini lagi terjerumus pada keadaan yang mengelirukan. Dan ini sebenarnya menjadi motivasi, motif politik DAP kerana sudah tidak ada modal lagi. Kalau ada kesempatan yang macam inilah maka DAP akan mengeluarkan hujah-hujah yang lari daripada batasan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat mahu beri jalan?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat mempunyai sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu iaitu yang hendak PETRONAS mengikut langkah dan jejak PERTAMINA. Adakah Yang Berhormat membentangkan Rang Undang-undang ini dengan maksud hendak mengikuti langkah PERTAMINA di mana berlakunya skandal rasaksa.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Ada perbezaan, Tuan Yang di-Pertua, antara PERTAMINA dengan PETRONAS. Kita sekarang bercerita fasal PETRONAS. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan DAP selalu mengatakan accountability, takut nanti PETRONAS ini tidak dikawal, ia akan menjadi gergasi Kerajaan dalam Kerajaan. Apakah ini benar? Apakah dia takut sampai begitu? Sebenarnya saya selalu ataupun kita daripada pihak Kerajaan selalu menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini, mana-mana agensi-agensi Kerajaan ataupun Syarikat Kerajaan yang kita gulungkan sebagai OBA, sebenarnya mempunyai kuasa yang boleh dikawal oleh Kerajaan. Jadi

jangan kita takut. Oleh kerana saya selalu juga menjelas bahawa kita mempunyai jentera untuk mengawasi segala perkembangan, segala aktiviti yang dilaksanakan oleh semua OBA Kerajaan termasuk juga PETRONAS. Jadi tidak perlu pihak DAP takut bahawa PETRONAS ini merupakan Kerajaan dalam Kerajaan. Kita tidak pernah mengatakan begitu, hanya ini daripada DAP sahaja.

Sekali lagi saya katakan memanglah kalau kita takut kepada bayang-bayang kita sendiri, kita akan reka sahaja benda-benda yang tak ada. Dalam hal ini saya telah jelaskan beberapa kali daripada mulanya lagi, iaitu sebenarnya dalam satu keadaan kita hendak membawa satu pindaan yang senang, simple tetapi dikelirukan pula oleh DAP. Macam-macam cerita dibawanya bukan di sini, sampai ke mana-mana. Adakah kita mahu ikut perbincangan seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan seperti yang saya katakan tadi seolah-olah kita tidak mengkaji. Tiap-tiap Rang Undang-undang yang kita bawa di sini kita telah mengkaji secara teliti. Dan sekali lagi saya ingin mengatakan di sini kalau kita hendak berbahas point-point yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, yang sudah pun hanyut-hanyut, duduk di dalam dewan wayang kulitnya. Pada kita tak ada wayang kulit di dalam dewan. Dia barangkali bercerita fasal perkara-perkara kayangan. Ini juga wayang kulit selalu menggambarkan atas kayangan. Benda-benda yang ada kaitan dengan kayangan, jauh lari daripada hakikat sebenar. Jadi, saya tidak bermaksud hendak mengikut perkara-perkara seperti ini. Kadangkala dia bandingkan pula PETRONAS ini dengan badan-badan seperti LLN, dan LPN yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
 mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri, sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baguslah kalau mengakhiri.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
 Saya tahu kerana kalau saya terlajak, saya pun memang naik semangat macam Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tetapi saya ini jarang-jarang "hot". Jadi, Tuan Yang di-Pertua juga akan mengatakan, tengok, ingat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (2). Saya menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua itu, cuma rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sahaja kadang-kadang lari daripada itu tetapi itu hak dia dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak pernah tidak menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua mengenai Peraturan Mesyuarat 36 (2) bahawa Rang Undang-undang ini apabila dibentangkan tidak melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (2). Kalau Yang Berhormat Menteri mahu bangkitkan perkara ini, memberi hujah-hujah, yang kita boleh bangkitkan satu point of order dan kalau saya sudah ada melanggar kita boleh minta satu keputusan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
 Tuan Yang di-Pertua, kerana daripada peringkat awal tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang juga mengatakan sebenarnya kita tidak boleh langsung membahs Rang Undang-undang ini, membahs Rang Undang-undang pun tidak boleh.

Tetapi bila Tuan Yang di-Pertua memutuskan kita boleh membahaskan hal ini, dia pula mengambil peluang, macam-macam hujah yang lari daripada Rang Undang-undang dikeluarkan. Jadi, saya hendak mengingatkan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Awal-awal tadi dia juga yang menyatakan jangan berbahas. Biarlah saya menghabiskan saya pun hendak habis.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan perbahasan. Pembentangan faham. Kalau tidak faham lebih baik tahu erti makna perkataan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob: Saya tidak faham apa maksud yang dikatakan oleh kerana tidak ada makna sebenarnya. Dia hanya mengeluarkan kata-kata yang tidak ada makna. Saya mengucapkan terima kasih walau bagaimanapun, itupun saya bagi peluang oleh kerana ini demokrasi, kalau tidak dikatakan saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap.

Sekali lagi untuk mengakhiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus untuk mengakhiri.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Untuk menggulung ini, saya hendak mengingatkan dan pada kita dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Rang Undang-undang ini ialah untuk menghapuskan sebarang keraguan tentang kuasa yang dipunyai tadi dan dinikmati oleh PETRONAS. Selain daripada hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai dan dinikmatinya dan yang

sentiasa dipunyai dan dinikmatinya, sama juga dengan yang dipunyai dan dinikmati oleh mana syarikat lain yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Berikutan dengan itu berbagai fasal yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk melaksanakan tujuan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang yang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4:

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta satu penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada berkata, tujuan Bill ini pun ada dalam Huraian. Tujuan Bil ini mengikut Huraian ialah Akta ibu tidak menghadkan atau menggariskan bidang hak kuasa kebebasan, keistimewaan atau faedah yang dipunyai atau dinikmati oleh PETRPMAS di bawah Akta Syarikat 1965. Oleh Yang demikian, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menghapuskan sebarang keraguan tentang kuasa yang dipunyai dan dinikmati oleh PETRONAS, selain daripada hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai dan dinikmatinya.

Sebenarnya peruntukan 3A (1) bercanggah dengan Huraian ini oleh kerana 3A (1) di barisan 14 menyebut:

“ . . . dan menjalankan atau membuat apa-apa kegiatan sama ada yang disebutkan dalam Akta ini ataupun tidak, . . . ”

Bukanlah ini sebenarnya bercanggah dengan Huraian bahawa dalam Akta ibu tidak ada had, sekarang mahu hadkan, tetapi 3A (1) sebenarnya menunjukkan satu keadaan di mana tidak ada had langsung oleh kerana membenarkan PETRONAS menjalankan apa-apa pengusahaan, perniagaan enterpris sama ada disebutkan dalam Akta atau tidak ada disebutkan dalam Akta, itu sebalik daripada Huraian. Huraian Akta ibu tidak ada had, sekarang mahu hadkan. Tetapi apa yang ada di hadapan kita dalam pemindaan ialah sebenarnya ada had dalam Petroleum Development Act, sebab itu ada kes dan sebab itu ada pindaan untuk menarik balik semua had.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, kenapa dan di mana-mana Akta di dalam negara kita ini ada memberi kuasa kepada satu badan atau apa-apa badan yang ditubuhkan diberi kuasa untuk menjalankan apa-apa bidang ada disebutkan dalam Akta atau tidak ada disebutkan dalam Akta, inilah kes yang tunggal. Oleh kerana kalau kita akan membenarkan peruntukan, pemindahan ini tidak perlu apa-apa Akta, satu perenggan cukup, satu Akta Kemajuan Petroleum yang boleh buat apa-apa ada disebut dalam Akta atau tidak disebut dalam Akta itu cukup, satu perenggan cukup. Akta ini membenarkan PETRPMAS menjalankan apa-apa perusahaan sama ada, ada disebut dalam Akta atau tidak ada disebut dalam Akta, apa drafting ini, apa undang-undang ini. Bolehkah satu keterangan diberikan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, 3A (1) dalam seksyen itu memperuntukkan bahawa PETRPMAS hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil alih atau memperolehi melalui perjanjian, penyerah-hakan, pembelian atau dengan apa jua cara lain keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada apa jua pengusahaan, perdagangan, perniagaan atau enterprise dalam apa jua bentuk mana-mana orang atau kumpulan orang diperbadankan atau tidak diperbadankan dan menjalankan atau melibatkan diri dalam apa jua aktiviti sama ada yang disebutkan dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 ataupun tidak yang sebelum pengambilan alih atau pemerolehan itu telah dijalankan dan bagi maksud pengusahaan, perniagaan atau enterprise itu, saya sudah memberi penjelasan dan inilah dia maksud kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya lagi. Sebenarnya satu tidak ada keterangan diberi apa atau kegiatan sama ada yang disebut dalam Akta ini atau tidak? Oleh kerana dalam fasal 2 tajuk panjang kepada Akta Kemajuan Petroleum pula dipinda di mana dalam Akta ibu ialah specific kepada up stream, down stream kepada petroleum-related activities.

Sekarang ada tambahan perkataan-perkataan bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu Perbadanan, ialah 2(b). Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965 atau di bawah undang-undang berhubung dengan pemerbadanan syarikat-syarikat dan mengenai kuasa-kuasa Perbadanan itu; dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya. Ada berhubung tetapi 3A (1) di bawah boleh buat apa-apa sama ada disebut atau tidak disebut, sama ada berhubung atau tidak ada berhubung. Apa kita mahu ialah

satu penjelasan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh jelaskan janganlah datang ke Dewan yang mulia ini untuk membentangkan Rang Undang-undang ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya object kepada kata-kata Ahli Yang Berhormat tadi. Bukan kita tidak boleh menjelaskan, kita tidak perlu menyenaraikan contoh-contoh di dalam Akta pindaan seperti ini. Sudah sewajarnya kita membayangkan daripada kata-kata seperti yang kita buat ini. Sebenarnya kita memandangkan bahwa ini sudah lengkap, tidak perlu kita senaraikan contoh-contoh sehingga terlalu panjang jadinya.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, peringkat Jawatankuasa belum diluluskan, mana boleh lapor?

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini tanpa pindaan, dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.44 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1985 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Pada masa ini Lembaga Pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Johor dan Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Dengan dasar penswastan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan, adalah didapati bahawa beberapa perkara di dalam Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan perlu dipinda.

Pindaan-pindaan ini adalah dengan tujuan untuk membolehkan sesuatu aktiviti Pelabuhan dapat diurus dan dikendalikan.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda hendak bercakap? Sila teruskan, Yang Berhormat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:diurus dan dikendalikan oleh pihak swasta. Dalam hubungan ini, pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) Peruntukan subseksyen baru (2A) dalam Seksyen 3 adalah bertujuan membolehkan Lembaga-lembaga Pelabuhan menubuhkan syarikat dan

- memilik ekuiti dalam syarikat. Pindaan ini diadakan bagi membolehkan pihak Pelabuhan menyertai dalam rancangan penswastaan.
- (2) Peruntukan seksyen baru 5A bertujuan membolehkan tanah pelabuhan dipajak kepada syarikat.
 - (3) Peruntukan seksyen baru 16A adalah bagi membolehkan syarikat yang mengambilalih operasi atau aktiviti pelabuhan mengenakan kadar bayaran kepada mereka yang menggunakan perkhidmatannya. Selain dari itu syarikat juga boleh mengemukakan cadangan bagi meminda kadar bayaran.
 - (4) Peruntukan baru Bahagian VIIb adalah untuk membolehkan Kerajaan mengambilalih pengendalian pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan jika timbul keadaan yang mengancam kedudukan ekonomi dan keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1985 ini tidak melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada penyokong?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan

Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat perlu mengubahsuaikan perkataan usul itu tadi supaya ditarik balik usul yang terdahulu daripada ini dengan menggunakan Peraturan Mesyuarat yang sama.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini memansuhkan usul yang diterima terlebih dahulu untuk membincangkan perkara-perkara dalam Aturan Urusan Mesyuarat sehingga item 5 dan Dewan ditangguhkan sekarang.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini memansuhkan usul yang diterima terlebih dahulu untuk membincangkan perkara-perkara dalam Aturan Urusan Mesyuarat hingga item 5 dan Dewan ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.52 malam.